LAPORAN TAHUNAN
JABATAN AUDIT NEGARA
2020

"TOGETHER WE DELIVER"

LAPORAN TAHUNAN

JABATAN AUDIT NEGARA

2020

"TOGETHER WE DELIVER"

Tema

"TOGETHER WE DELIVER"

KANDUNGAN

5 Perutusan Ketua Audit Negara

9 Info Korporat

27 Pejabat Ketua Audit Negara

83 Sektor Audit Kewangan

103 Sektor Audit Prestasi

123 Sektor Audit Syarikat Kerajaan

143 Sektor Pengurusan

159 Aktiviti Sosial

199 Artikel

217 Anugerah Dan Pengiktirafan

229 Jasamu Dikenang

235 Jejak 2020

274 Sidang Redaksi

PERUTUSAN KETUA AUDIT NEGARA

PERUTUSAN KETUA AUDIT NEGARA

Datuk Nik Azman Nik Abdul Majid
Ketua Audit Negara

Bismillahirrahmanirrahim.

Assalamualaikum Warahmatullahhiwabarokatuh dan Salam Sejahtera.

Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran dipanjatkan ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurnianya Laporan Tahunan Jabatan Audit Negara Tahun 2020 (LT JAN Tahun 2020) telah selamat diterbitkan. Syabas diucapkan kepada Sidang Redaksi yang telah bertungkus lumus menyiapkan Laporan Tahunan ini. Saya juga merakamkan penghargaan kepada seluruh warga Jabatan Audit Negara (JAN) kerana memberikan kerjasama yang baik bagi menerbitkan Laporan Tahunan ini. Laporan ini penting sebagai titipan sejarah dan dokumentasi yang merakamkan sumbangan, kejayaan dan pencapaian JAN sepanjang tahun 2020.

Walau bagaimanapun wabak COVID-19 yang melanda dunia, termasuk Malaysia bukan sahaja memberikan kesan besar kepada kesihatan awam dan keselamatan, bahkan kepada seluruh kehidupan. Ia mendorong semua golongan termasuk pekerja sektor awam untuk mengubah pendekatan dalam melaksanakan tuntutan tugas masing-masing. Ini termasuklah warga JAN yang perlu untuk melaksanakan tugas dengan norma baharu, iaitu bekerja dari rumah. Segala tugasan yang telah diamanahkan perlu dilaksanakan walaupun terdapat pelbagai kekangan dan

halangan untuk membiasakan diri dengan norma baharu ini. Pelbagai cabaran perlu dihadapi, di samping menguruskan hal ehwal keluarga, tugas hakiki sebagai penjawat awam perlu dijalankan demi memenuhi amanah dan tanggungjawab yang telah diikrarkan.

Alhamdulillah, walaupun menghadapi perintah kawalan pergerakan bagi membendung penularan wabak COVID-19 dan terpaksa bekerja dari rumah juga kehadiran ke pejabat yang dihadkan, pada tahun 2020 kita berjaya membentangkan Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) dalam suasana norma baharu. Pencapaian ini adalah hasil dari pengauditan terhadap 459 Penyata Kewangan dan 60 Pengauditan Pematuhan di Kementerian/ Jabatan/ Agensi peringkat Persekutuan/ Negeri. Di samping 31 Pengauditan Prestasi meliputi program dan aktiviti di pelbagai Kementerian/ Jabatan Persekutuan dan Negeri serta pengauditan terhadap 19 Syarikat Kerajaan yang menerima geran/ pinjaman dari Kerajaan. Secara keseluruhan 377 syor telah dikeluarkan bagi tindakan penambahbaikan oleh Kementerian/ Jabatan/ agensi Kerajaan yang terlibat.

Sesungguhnya walaupun dengan keterbatasan pergerakan akibat dari penularan wabak COVID-19, sebanyak 32 program/ aktiviti meningkatkan jalinan kerjasama antarabangsa telah berjaya dilaksanakan secara maya bagi menyokong pencapaian visi Jabatan sebagai Institusi Audit yang lebih bebas dan profesional serta bertaraf antarabangsa. Sumbangan JAN kepada institusi audit peringkat antarabangsa tidak akan terbatas oleh penularan wabak COVID-19 kerana sebagai Pengerusi ASEANSAI sehingga tahun 2021 serta menjadi ahli jawatankuasa kepada ASOSAI, INTOSAI dan lain-lain, amanah perlu diteruskan dalam memenuhi kepercayaan yang telah diberikan. Sekalung tahniah dan terima kasih kepada para pegawai yang telah menjayakannya.

Semua kejayaan yang kita kecapi tidak akan dapat direalisasikan jika kita tidak memiliki modal insan yang berkompetensi tinggi serta mempunyai nilai profesionalisme yang baik. Terima kasih atas usaha berterusan Akademi Audit Negara (AAN) yang merangka program latihan fungsional dan generik untuk warga JAN. Walaupun terpaksa bergelut dengan suasana penularan wabak dan asramanya telah dijadikan pusat kuarantin, AAN berjaya juga melaksanakan 91 peratus daripada kursus yang telah dirancang.

Semoga kejayaan yang telah dicapai tidak terhenti setakat ini sahaja. Untuk itu kita perlu berusaha lebih gigih lagi bagi mengekalkan apa yang telah kita capai pada tahun 2020 dan juga mencipta kejayaan yang baru untuk tahun-tahun yang mendatang.

Akhir kata marilah sama-sama kita berdoa agar wabak COVID-19 yang melanda negara kita dapat dipulihkan serta kehidupan kita kembali seperti sedia kala walaupun terpaksa menempuhnya dengan norma baharu. Diharap kita semua dapat memberi perkhidmatan yang lebih efisien dan efektif dalam mendukung prinsip ketelusan, integriti dan akauntabiliti dengan mengambil kira cabaran di peringkat domestik dan global.

Sekian, terima kasih.

Datuk Nik Azman Nik Abdul Majid
Ketua Audit Negara

INFO KORPORAT

INFO KORPORAT
JABATAN AUDIT NEGARA

VISI

Sebagai Institusi Audit yang lebih bebas dan profesional serta bertaraf antarabangsa.

MISI

Melaksanakan pengauditan secara profesional berlandaskan standard pengauditan antarabangsa bagi menghasilkan laporan audit yang berkualiti bagi memenuhi kehendak pelanggan.



OBJEKTIF

- Menyediakan Laporan Audit pada masanya untuk dikemukakan kepada Parlimen/Dewan Undangan Negeri.
- Melaksanakan aktiviti pengauditan dan penyediaan Laporan secara bebas dan adil.
- Memenuhi keperluan dan harapan daripada *stakeholders* dan Auditi.
- Menguruskan aktiviti audit dengan cekap dan berkesan.
- Menjadi jabatan contoh dalam persekitaran negara maju.

PIAGAM PELANGGAN

- Menjalankan pengauditan secara profesional berpandukan kepada Standard Pengauditan Antarabangsa.
- Mengesahkan Penyata Kewangan, mengeluarkan Sijil Audit dan menyiapkan Laporan Audit dalam tempoh empat bulan selepas penerimaan Penyata Kewangan Tahunan.
- Menyediakan Laporan Audit yang seimbang tanpa sebarang prejudis dan prasangka.

DASAR & OBJEKTIF KUALITI

Dasar Kualiti

- Menjalankan pengauditan secara profesional berpandukan kepada Standard Pengauditan Antarabangsa.
- Mengesahkan Penyata Kewangan, mengeluarkan Sijil Audit dan menyiapkan Laporan Audit dalam tempoh empat bulan selepas penerimaan Penyata Kewangan Tahunan.
- Menyediakan Laporan Audit yang seimbang tanpa sebarang prejudis dan prasangka.

Objektif Kualiti

- Mengesahkan Penyata Kewangan, mengeluarkan Sijil Audit dan menyiapkan Laporan Audit dalam tempoh empat bulan selepas penerimaan Penyata Kewangan yang lengkap.
- Menyiapkan pengauditan Pengurusan Kewangan dan mengeluarkan laporan mengenainya dalam tempoh tiga bulan daripada tarikh pengauditan.
- Memastikan Pengauditan Pengurusan Kewangan di Kementerian/Jabatan/Agensi Kerajaan Persekutuan dan Negeri dilaksanakan sekurang-kurangnya sekali dalam tempoh tiga tahun.

SLOGAN KUALITI

"Audit Berkualiti Meningkatkan Akauntabiliti"

NILAI UTAMA

Bebas

Melaksanakan tugas tanpa dipengaruhi dan diancam.

Profesional

Melaksanakan tugas dengan profesional. Menanda aras kerja pengauditan dengan standard antarabangsa.

Integriti

Berintegriti bagi memastikan hasil pengauditan adalah boleh dipercayai.

Amanah

Bertanggungjawab, menjadikan sifat amanah sebagai asas dalam pasukan kerja.

Relevan

Menyediakan maklumat yang tepat dan memenuhi kehendak stakeholders.

KOD ETIKA JURUAUDIT

- Integriti
- Kebebasan dan Objektiviti
- Kompetensi
- Tingkah Laku Profesional
- Kerahsiaan dan Ketelusan
- Kerja Berpasukan

CARTA ORGANISASI JABATAN AUDIT NEGARA




KETUA AUDIT NEGARA
- TURUS II
SEKTOR AUDIT KEWANGAN
TIMBALAN KETUA AUDIT NEGARA (KEWANGAN) - JUSA A
BAHAGIAN AUDIT KEWANGAN I
PENGARAH AUDIT - JUSA B
BAHAGIAN AUDIT KEWANGAN II
PENGARAH AUDIT - JUSA C
BAHAGIAN AUDIT KEWANGAN III
PENGARAH AUDIT - JUSA C
BAHAGIAN AUDIT KEWANGAN IV
PENGARAH AUDIT - JUSA C
SEKSYEN PENYELARASAN LAPORAN, PENTADBIRAN DAN SOKONGAN
KETUA PENOLONG PENGARAH
SEKTOR AUDIT SYARIKAT KERAJAAN
TIMBALAN KETUA AUDIT NEGARA (TADBIR URUS) - JUSA B
BAHAGIAN AUDIT TADBIR URUS
PENGARAH AUDIT - JUSA C
BAHAGIAN PENYELARASAN AUDIT DALAM
PENGARAH AUDIT - W54
SEKSYEN PENYELARASAN, PENTADBIRAN DAN SOKONGAN
KETUA PENOLONG PENGARAH
JABATAN AUDIT NEGARA NEGERI
JOHOR
PENGARAH AUDIT NEGERI - JUSA C
SELANGOR
PENGARAH AUDIT NEGERI - JUSA C
SARAWAK
PENGARAH AUDIT NEGERI - JUSA C
SABAH
PENGARAH AUDIT NEGERI - JUSA C
TERENGGANU
PENGARAH AUDIT NEGERI - W54
PULAU PINANG
PENGARAH AUDIT NEGERI - W54
KELANTAN
PENGARAH AUDIT NEGERI - W54
PERAK
PENGARAH AUDIT NEGERI - W54
KEDAH
PENGARAH AUDIT NEGERI - W54
MELAKA
PENGARAH AUDIT NEGERI - W52
PAHANG
PENGARAH AUDIT NEGERI - W54
NEGERI SEMBILAN
PENGARAH AUDIT NEGERI - W52
PERLIS
PENGARAH AUDIT NEGERI - W48

PENGURUSAN TERTINGGI JABATAN AUDIT NEGARA TAHUN 2020

YBhg. Datuk Nik Azman Nik Abdul Majid
Ketua Audit Negara

YBrs. Tuan Haji Khalid Khan Abdullah Khan
Timbalan Ketua Audit Negara (Prestasi)

YBhg. Dato' Haji Che Isa Haji Che Kob
Timbalan Ketua Audit Negara (Kewangan)

YBhg. Datuk Johari Ismail
Timbalan Ketua Audit Negara (Syarikat Kerajaan)

SEKTOR AUDIT PRESTASI

YBrs. Puan Yusnani Zakaria
Pengarah Audit Prestasi I
Sektor Audit Prestasi

YBrs. Cik Raftah Ibrahim
Pengarah Audit Prestasi II
Sektor Audit Prestasi

YBrs. Encik Mohd Marzuni Muhammad
Pengarah Audit Prestasi III
Sektor Audit Prestasi

YBrs. Encik Y Hamdan Mohd Dom
Pengarah Audit ICT
Sektor Audit Prestasi

YBrs. Ir. Othman Ibrahim
Pengarah Bahagian Teknikal
Sektor Audit Prestasi

YBrs. Puan Nadhirah Haji Abdul Wahab
Pengarah Bahagian Susulan Audit
Sektor Audit Prestasi

SEKTOR AUDIT KEWANGAN

YBrs. Puan Hajah Kartina Zamhari
Pengarah Audit Kewangan I
Sektor Audit Kewangan

YBrs. Puan Swaibatul Aslamiah Hj. Husain
Pengarah Audit Kewangan II
Sektor Audit Kewangan

YBhg. Datin Siti Zaleha Bakar
Pengarah Audit Kewangan III
Sektor Audit Kewangan

YBrs. Puan Norliza Md Nuruddin
Pengarah Audit Kewangan IV
Sektor Audit Kewangan

SEKTOR AUDIT SYARIKAT KERAJAAN

YBhg. Datuk Nor Salwani Muhammad
Pengarah Audit Tadbir Urus
Sektor Audit Syarikat Kerajaan

SEKTOR PENGURUSAN

YBrs. Encik Putra Nurwan Shah Baharuddin
Pengarah
Sektor Pengurusan

PEJABAT KETUA AUDIT NEGARA

YBrs. Tuan Haji Roslan Abu Bakar
Pengarah
Akademi Audit Negara

YBrs. Dr. Sayed Alwee Hussnie Sayed Hussin
Pengarah Bahagian Hubungan
Antarabangsa, Penyelidikan
dan Quality Assurance Review

Puan Sharifah Zarina Syed Ahmad
Pengarah Bahagian Penyelarasan
dan Kolaborasi Strategik

Puan Intan Noorashikin Nasarudin
Penasihat Undang-Undang

Puan Sharifah Nisrinah Syed Ahmad
Ketua Unit Integriti

Puan Siti Anisah Abdul Rafie
Ketua Unit Komunikasi Korporat



JABATAN AUDIT NEGARA NEGERI

YBrs. Puan Patimah Ramuji
Pengarah Audit Negeri Sabah

YBrs. Dr. Masiah Ahmad
Pengarah Audit Negeri Sarawak

YBrs. Encik Abd Ghani Sulaiman
Pengarah Audit Negeri Selangor

YBrs. Encik Mohd Serjana Ibrahim
Pengarah Audit Negeri Johor

Encik Azman Mahmood
Pengarah Audit Negeri Kelantan

Puan Baridatul Anita Bidin
Pengarah Audit Negeri Perak

Encik Zulkifli Tunggal
Pengarah Audit Negeri Pahang

Puan Mazmiza Mihat
Pengarah Audit Negeri Pulau Pinang

Encik Mohd Shahril Yahya
Pengarah Audit Negeri Terengganu

Encik Ahmad Fazli Osman
Pengarah Audit Negeri Kedah

Encik Ahmad Seli
Pengarah Audit Negeri Sembilan

Puan Mahiran Abdul Aziz
Pengarah Audit Negeri Melaka



Encik Abd Aziz Che Daud
Pengarah Audit Negeri Perlis

PEJABAT DAN WISMA AUDIT, JABATAN AUDIT NEGARA

IBU PEJABAT JABATAN AUDIT NEGARA

Aras 1-9, Blok F2 & F3, Kompleks F,
Lebuh Perdana Timur, Presint 1,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62000 Putrajaya Malaysia

03-8091 1000
03-8091 1454

JABATAN AUDIT NEGARA, NEGERI JOHOR

Tingkat 21, Menara Ansar
No. 65, Jalan Trus
80000 Johor Bahru, Johor

07-2243511 / 07-2235060 /
07-2227275 / 07-2227285
03-8889 9721

JABATAN AUDIT NEGARA, NEGERI KEDAH

Aras 3, Zon C, Wisma Persekutuan
Kompleks Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
06550 Bandar Muadzam Shah, Kedah

04-7309855 / 04-7310624 / 04-7310625
04-73277417

JABATAN AUDIT NEGARA, NEGERI KELANTAN

Wisma Audit, Bandar Baru Tunjong
Jalan Pasir Mas-Salor
15518 Kota Bharu, Kelantan

09-7418460
09-7445399

JABATAN AUDIT NEGARA, NEGERI MELAKA

Wisma Audit, Persiaran MITC
Hang Tuah Jaya
75450 Ayer Keroh, Melaka

06-2325141 / 06-2325184
06-2325771

JABATAN AUDIT NEGARA, NEGERI SEMBILAN

Wisma Audit, Jalan Haruan 2
Oakland Commercial Centre, Seremban 2
70300 Seremban, Negeri Sembilan

06-7629700 / 06-7635996 / 06-7613076 /
06-7627037 / 06-7639817

JABATAN AUDIT NEGARA, NEGERI PAHANG

Wisma Audit
Seksyen II, Bandar Indera Mahkota
25200 Kuantan, Pahang

09-5729988
09-5729698

JABATAN AUDIT NEGARA, NEGERI PERAK

Wisma Audit, Persiaran Meru Utama
Bandar Meru Raya
30518 Ipoh, Perak

05-5279984 / 05-5268646 / 05-5269646
05-5280358 / 05-5280371

JABATAN AUDIT NEGARA, NEGERI PERLIS

Tingkat 1, Bangunan Persekutuan
Persiaran Jubli Emas
01000 Kangar, Perlis

04-9770013 / 04-9761351
04-976 5015

JABATAN AUDIT NEGARA, NEGERI PULAU PINANG

Wisma Audit, 2027 Jalan Bertam 2
13200 Kepala Batas, Pulau Pinang

04-5777000
04-5777111

JABATAN AUDIT NEGARA, NEGERI SABAH

Blok A, Aras 4, Kompleks Pentadbiran Kerajaan Persekutuan Sabah
Jalan UMS-Sulaman
Beg Berkunci No. 2021
88450 Kota Kinabalu, Sabah

088-488117 / 088-488119 /
088-488120 / 088-488137
088-488140 / 088-488144 / 088-488123

JABATAN AUDIT NEGARA, NEGERI SARAWAK

Tingkat 4, Bangunan Sultan Iskandar
Jalan Simpang Tiga
93518 Kuching, Sarawak

082-242191 / 082-239876
082-242372 / 082-242342 / 082-234872

JABATAN AUDIT NEGARA, NEGERI SELANGOR

Wisma Audit, Persiaran Perbandaran, Seksyen 14
40000 Shah Alam, Selangor

03-55147400
03-55147405

JABATAN AUDIT NEGARA, NEGERI TERENGGANU

Wisma Audit, Lot PT119, Kampung Pak Pa
Kawasan Pembangunan Bukit Besar
Jalan Kuala Berang
20050 Kuala Terengganu, Terengganu

09-628 5603, 09-628 5604 & 09-628 5605
09-628 5601 / 09-6285602

PEJABAT KETUA AUDIT NEGARA

PEJABAT KETUA AUDIT NEGARA

Ketua Audit Negara (KAN) telah diberi mandat untuk menjalankan pengauditan terhadap Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan dan Negeri serta menilai sama ada wang awam telah dibelanjakan untuk tujuan ianya diperuntukan dengan cekap dan berhemat bagi mengelakkan penyelewengan, pembaziran dan pemborosan. Dalam menjalankan amanah sebagai KAN, YBhg. Datuk Nik Azman Nik Abdul Majid yang telah dilantik pada 11 Mac 2019 sentiasa mengadakan libat urus dengan pihak berkepentingan (*stakeholder*) bagi mendapatkan pandangan dan input agar pengauditan yang dilaksanakan memberi impak yang tinggi kepada kerajaan. KAN juga adalah Ketua Perkhidmatan kepada Jabatan Audit Negara (JAN), oleh itu KAN perlu memastikan tadbir urus JAN dilaksanakan dengan baik, berintegriti dan akauntabiliti yang tinggi.

Sebagai peneraju JAN, YBhg. Datuk KAN telah mewarnai tahun 2020 dengan pelbagai aktiviti seperti pembentangan Laporan Ketua Audit Negara dan pelbagai mesyuarat diperingkat tempatan dan antarabangsa. Pejabat YBhg. Datuk KAN tidak sunyi dari dikunjungi oleh ketua Jabatan Kerajaan Persekutuan, Negeri serta Agensi Kerajaan yang lain. Di samping menerima tetamu dari dalam negeri, YBhg. Datuk KAN juga menerima kunjungan tetamu dari luar negara bagi mengukuhkan hubungan biletaral yang telah sedia terjalin. Dalam memastikan tadbir urus yang baik, YBhg. Datuk KAN terlibat dalam menjadi pengerusi Jawatankuasa Utama peringkat JAN. YBhg. Datuk KAN juga terlibat sebagai ahli mesyuarat beberapa jawatankuasa peringkat kebangsaan.

MANDAT KETUA AUDIT NEGARA

Perkara 106 dan 107 Perlembagaan Persekutuan dan Seksyen 9 Akta Audit 1957 menghendaki Ketua Audit Negara (KAN) mengaudit penyata kewangan, pengurusan kewangan, aktiviti Kementerian/ Jabatan/ Agensi dan pengurusan syarikat kerajaan persekutuan. Laporan mengenai pengauditan yang dijalankan hendaklah disediakan dan dikemukakan kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong/ Sultan/ Raja/ Yang di-Pertua Negeri untuk mendapat perkenan sebelum laporan itu dibentang di Dewan Rakyat/ Dewan Undangan Negeri. Jabatan Audit Negara (JAN) melaksanakan empat (4) jenis pengauditan seperti berikut:

a) Pengauditan Pengesahan Penyata Kewangan – untuk memberi pendapat sama ada Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri, Badan Berkanun Persekutuan dan Negeri, Pihak Berkuasa Tempatan dan Majlis Agama Islam bagi tahun berkenaan mengggambarkan kedudukan kewangan yang benar dan saksama serta rekod perakaunan mengenainya telah diselenggara dengan teratur dan kemas kini;

b) Pengauditan Pematuhan – untuk menailai sama ada pengurusan kewangan telah diurus mengikut undang-undang dan peraturan kewangan bagi mengelakkan berlaku pembaziran, pemborosan, penyelewengan dan ketirisan wang awam;

c) Pengauditan Prestasi – untuk menilai sama ada sesuatu aktiviti kerajaan Persekutuan serta Kerajaan Negeri dilaksanakan dengan cekap, berhemat dan berkesan bagi mencapai objektif yang ditetapkan; dan

d) Pengauditan Pengurusan Syarikat Kerajaan – untuk menilai sama ada pengurusan syarikat kerajaan Persekutuan dan Negeri telah dilaksanakan dengan teratur bagi mencapai objektif syarikat dari segi tadbir urus korporat, pengurusan aktiviti dan kedudukan kewangan.

JAN melaksanakan pengauditan secara profesional berlandaskan standard pengauditan antarabangsa bagi menghasilkan laporan audit yang berkualiti dan memenuhi kehendak pemegang taruh (*stakeholder*). Selain daripada mengaudit dan melapor, JAN juga perlu menyusul tindakan-tindakan yang diambil oleh Kementerian/ Jabatan/ Agensi terhadap isu yang dilaporkan dalam Laporan Ketua Audit Negara (LKAN).

PEMBENTANGAN LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA

Perkara 106 dan 107 Perlembagaan Persekutuan dan Seksyen 9 Akta Audit 1957 menghendaki Ketua Audit Negara (KAN) mengaudit penyata kewangan, pengurusan kewangan, aktiviti Kementerian/ Jabatan/ Agensi dan pengurusan syarikat kerajaan persekutuan. Laporan mengenai pengauditan yang dijalankan hendaklah disediakan dan dikemukakan kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong/ Sultan/ Raja/ Yang di-Pertua Negeri untuk mendapat perkenan sebelum laporan itu dibentang di Dewan Rakyat/ Dewan Undangan Negeri. Pembentangan Laporan Ketua Audit Negara pada tahun 2020 adalah seperti berikut:

459 **PENGAUDITAN PENGESAHAN PENYATA KEWANGAN**

Meliputi Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan dan Negeri, Badan Berkanun Persekutuan dan Negeri, Kumpulan Wang Amanah Persekutuan, Akaun Amanah, Pihak Berkuasa Tempatan dan Majlis Agama Islam.

60 **PENGAUDITAN PEMATUHAN**

Meliputi Kementerian/Jabatan/Agensi/Badan Berkanun di peringkat Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri.

19 **PENGAUDITAN PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN**

Meliputi syarikat kerajaan yang menerima geran/ pinjaman daripada Kerajaan Persekutuan atau Negeri.

31 **PENGAUDITAN PRESTASI**

Meliputi program/aktiviti/projek di bawah aktiviti Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri.

377 SYOR Telah dikemukakan untuk tindakan penambahbaikan kelemahan yang dilaporkan dalam Laporan Ketua Audit Negara

PENYERAHAN LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA KEPADA SETIAUSAHA DEWAN

Penyerahan LKAN Tahun 2019 Siri 1 pada 9 Disember 2020

Penyerahan LKAN Tahun 2019 Pengauditan Pematuhan pada 9 Disember 2020

Penyerakan LKAN Penyata Kewangan Kerajaan Pesekutuan Tahun 2019 pada 4 November 2020

FUNGSI UTAMA JAN

Sejajar dengan perkembangan landskap pengauditan yang semakin rumit dan mencabar dengan pengenalan pelbagai reformasi serta teknologi baru, Jabatan Audit Negara (JAN) sentiasa memberi penekanan yang berterusan dalam memantapkan hala tuju dan metodologi pengauditan. Sehubungan dengan itu JAN sedang dipersiapkan ke arah menjadi sebuah institusi audit yang lebih bebas dan profesional serta bertaraf antarabangsa. JAN juga akan melaksanakan pengauditan secara profesional berlandaskan standard pengauditan antarabangsa bagi menghasilkan laporan audit yang berkualiti dan memenuhi kehendak pemegang taruh (*stakeholder*).

Proses pengauditan yang menjadi teras aktiviti JAN meliputi pengauditan kewangan, pengauditan program dan aktiviti Kementerian/ Jabatan/ Agensi Kerajaan, JAN juga berperanan menjalankan pengauditan tadbir urus syarikat yang Kerajaan mempunyai kepentingan di dalamnya. Pada masa sekarang, JAN melaksanakan empat (4) jenis pengauditan seperti berikut:

Pengauditan Pengesahan Penyata Kewangan

Pengauditan Pematuhan



Pengauditan Prestasi

Pengauditan Tadbir Urus Syarikat Kerajaan

JAN amat menekankan keseimbangan dalam pelaporannya di mana bukan hanya kelemahan dan ketidakpatuhan dilaporkan dalam Laporan Ketua Audit Negara (LKAN). JAN juga melaporkan inisiatif yang memberi impak positif kepada pengurusan Kementerian/ Jabatan Kerajaan. Selain daripada mengaudit dan melapor, JAN juga menyusul tindakan-tindakan yang diambil oleh Kementerian/ Jabatan/ Agensi terhadap isu yang dilaporkan dalam Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) serta syor yang telah diberikan.

AKAUNTABILITI JABATAN AUDIT NEGARA DALAM SEKTOR AWAM

Kepentingan Ketua Audit Negara sebagai faktor semak dan imbang dalam Sektor Awam adalah seperti Ilustrasi berikut:



Sumber : Buku 100 Tahun Jabatan Audit Negara 1906-2006 (Terbitan Tahun 2006)

STANDARD PENGAUDITAN DAN GARIS PANDUAN

Jabatan Audit Negara yang diiktiraf sebagai *Supreme Audit Institutions* melaksanakan pengauditan selaras dengan undand-undang dan peraturan yang berkuat kuasa di dalam negara serta memenuhi standard pengauditan antarabangsa yang dikeluarkan oleh *International Organisation of Supreme Audit Institutions* (INTOSAI). Standard yang digunapakai oleh JAN adalah *The International Standard of Supreme Audit Institutions* (ISSAI):



Jabatan Audit Negara telah menerbitkan garis panduan merangkumi pelbagai aspek dan jenis pengauditan bagi membantu Juruaudit melaksanakan tugas pengauditan. Garis panduan utama melibatkan Pengauditan Kewangan, Pengauditan Prestasi dan Pengauditan Syarikat.

MEMACU PEMANTAPAN PENGAUDITAN

Peningkatan kesedaran di kalangan masyarakat berkenaan kepentingan akauntabiliti awam diperkasa dan dipelihara memberikan cabaran kepada pengauditan yang dilaksanakan oleh JAN. Pengauditan perlu dimantapkan dengan mengambilkira perubahan permintaan dan persekitaran yang berlaku terutamanya dalam persekitaran teknologi maklumat yang mendasari Revolusi Industri 4.0 kini. Usaha pemantapan pengauditan di JAN diperlihatkan melalui beberapa pendekatan antaranya:

- **MENGELUARKAN ARAHAN KETUA AUDIT NEGARA**
- **PENYELIDIKAN YANG DILAKSANAKAN**
- **SEMAKAN JAMINAN KUALITI (QUALITY ASSURANCE REVIEW – QAR)**
- **MEWUJUDKAN PANEL PAKAR RUJUK**
- **KERJASAMA BERSAMA BADAN PROFESIONAL SEBAGAI LANDASAN BAGI MENDEDAHKAN JURUAUDIT DENGAN PERKEMBANGAN SEMASA DALAM BIDANG PENGAUDITAN.**

ARAHAN KETUA AUDIT NEGARA MALAYSIA (KEWANGAN) BILANGAN 1 TAHUN 2019

PENGAUDITAN PEMATUHAN

- Panduan kepada Juruaudit bagi melaksanakan Pengauditan Pematuhan dan menghasilkan Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) yang berkualiti serta selaras dengan kehendak *International Standards of Supreme Audit Institutions* (ISSAI).
- Bertujuan untuk menerangkan proses kerja Pengauditan Pematuhan di peringkat perancangan, pelaksanaan, pelaporan dan susulan Audit.

PEWARTAAN SYARIKAT

TUJUAN PEWARTAAN



Akta Audit 1957 telah memperuntukkan tugas Ketua Audit Negara terhadap pengauditan badan lain/syarikat yang menerima geran/pinjaman daripada Kerajaan Persekutuan/Negeri atau syarikat yang lebih daripada separuh modal berbayar dipegang oleh Kerajaan Persekutuan/Negeri/Agensi/Pihak Berkuasa Awam atau agregatnya dua daripada mereka atau lebih dengan syarat diperkenankan oleh YDPA melalui proses pewartaan.

PEWARTAAN YANG LEPAS

30 September 2017 (P.U.(A)294/2017):
1,858 syarikat

30 September 2017 (P.U.(A)294/2017):
1,858 syarikat

30 September 2017 (P.U.(A)294/2017):
1,858 syarikat

1. Pengumpulan Maklumat Syarikat
2. Penyediaan Memorandum Jemaah Menteri
3. Maklum Balas AGC dan MOF
4. MJM Dibincangkan Diluluskan oleh Jemaah Menteri
5. Diperkenankan oleh YDPA Agong
6. Diwartakan oleh AGC melalui laman web www.agc.gov.my

PINDAAN AKTA AUDIT 1957

PINDAAN AKTA AUDIT 1957

OBJEKTIF

Untuk menambahbaik mandat pengauditan dan kuasa Ketua Audit Negara di mana dalam tempoh 60 tahun (1957-2017), hanya sekali pindaan Akta audit dibuat iaitu pada tahun 1978.

JANGKAAN OUTPUT

- Pindaan Akta Audit 1957
- Draf RUU dalam versi Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris

JANGKAAN OUTCOME

Pengukuhan Mandat dan Kuasa Ketua Audit Negara

AKTIVITI YANG DILAKSANAKAN

- Mengadakan pembentangan Kertas Dasar cadangan pindaan Akta Audit 1957 dalam Mesyuarat Dasar JAN
- Menyediakan draf Rang Undang-Undang dengan menjalankan kajian perbandingan Akta Audit lain-lain negara.
- Mendapatkan pandangan dan ulasan daripada Kementerian/ Agensi Lain.
- Draf RUU juga mengambilkira pekeliling Kerajaan yang berkuatkuasa

1957 | Kajian pindaan Akta Audit 1957 dimulakan | **2012**

Memorandum Jemaah Menteri No. M420/2015 (12 Ogos 2015) | **2015**

Semakan draf RUU oleh PUU | **2020**

1978 | Pindaan terhadap pengauditan prestasi

2014 | Pelan Transformasi Jabatan (Task Force PTJ)

2018 | Mesyuarat Jawatankuasa Khas Kabinet Mengenai Anti-Rasuah (JKMAR) (13 Ogos 2018)

TADBIR URUS JAN

YBhg. Datuk Ketua Audit Negara (KAN) amat menitik beratkan prinsip tadbir urus yang baik kepada semua pegawai Jabatan Audit Negara (JAN). Bagi menyahut saranan kerajaan dalam mereformasi tadbir urus kearah meningkatkan ketelusan dan kecekapan perkhidmatan awam pelbagai jawatankuasa diperingkat JAN telah ditubuhkan selaras dengan kehendak pekeliling dan peraturan semasa. Setiap jawatankuasa dipengerusikan oleh YBhg. Datuk KAN dan beliau akan memastikan setiap jawatankuasa berjalan dan berfungsi dengan baik melalui mesyuarat-mesyuarat yang telah dijalankan. Jawatankuasa utama yang dipegerusikan oleh YBhg. Datuk KAN adalah seperti berikut:

JAWATANKUASA UTAMA JAN

1. JAWATANKUASA PENGURUSAN KEWANGAN DAN AKAUN (JPKA)
2. JAWATANKUASA PEMANDU QUALITY ASSURANCE REVIEW (JPQAR)
3. JAWATANKUASA AUDIT (JKA)
4. JAWATANKUASA PEMANDU ICT (JPICT)
5. JAWATANKUASA INTEGRITI DAN TADBIR URUS (JITU)
6. JAWATANKUASA LATIHAN
7. LEMBAGA TATATERTIB
8. JAWATANKUASA PEMILIHAN PEGAWAI KE LUAR NEGARA
9. JAWATANKUASA KESELAMATAN PEJABAT
10. JAWATANKUASA PEMBANGUNAN
11. PANEL PEPERIKSAAN JABATAN
12. JAWATANKUASA AKAUN AMANAH
13. PANEL PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA

MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA DAN MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGERI

LKAN yang telah dibentangkan di Parlimen dan Dewan Undangan Negeri akan dibincangkan semasa Mesyuarat Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara dan juga Mesyuarat Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negeri. KAN adalah berperanan membantu dan menasihati mesyuarat mengenai isu-isu yang dibangkitkan pihak JAN. Jawatankuasa seterusnya akan mengemukakan pandangan dan cadangan bagi membantu memperkemas pentadbiran Kerajaan dan memastikan pengurusan kewangan Kerajaan dilaksanakan secara lebih telus dan berhemat. Jawatankuasa berhak memanggil mana-mana Kementerian/Jabatan/Agensi untuk menghadiri mesyuarat prosiding mengenai apa-apa isu berkaitan LKAN yang difikirkan perlu diperiksa lanjut oleh Jawatankuasa.

PERANAN JAN DALAM MEMBANTU PROSES KERJA JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA/NEGERI

PARLIMEN	Peringkat Kerajaan Persekutuan	JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA
DEWAN UNDANGAN NEGERI	Peringkat Kerajaan Negeri	13 JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGERI

TAKLIMAT KEPADA JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC)

Taklimat LKAN 2019 Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan pada 5 November 2020

TAKLIMAT KEPADA JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC)

Taklimat LKAN Tahun 2019 Siri 1 dan LKAN 2019 Pengauditan Pematuhan pada 10 Disember 2020

SIDANG MEDIA LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA

Sidang Media LKAN Tahun 2018 Siri 3 pada 14 Julai 2020

Sidang Media LKAN Tahun 2019 Pengauditan Pematuhan pada 24 Ogos 2020

SIDANG MEDIA LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA

Sidang Media LKAN Tahun 2019 Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan pada 5 November 2020

Sidang Media LKAN Tahun 2019 Siri 1 pada 10 Disember 2020

KUNJUNGAN HORMAT

Kunjungan Hormat Johor Corporation
pada 13 Februari 2020

Kunjungan Hormat Jawatankuasa Audit MAIWP
pada 19 Februari 2020

KUNJUNGAN HORMAT

Kunjungan hormat Pengerusi KWAP pada 24 Jun 2020

Kunjungan Hormat Pegawai Bank Negara Malaysia pada 10 Julai 2020

KUNJUNGAN HORMAT

Kunjungan hormat Duta Turki ke Malaysia pada 14 Julai 2020

Kunjungan hormat KSU Kementerian Air dan Sumber Asli pada 22 September 2020

MAJLIS AMANAT KETUA AUDIT NEGARA PADA 7 JANUARI 2020

PROGRAM MENTOR MENTEE KETUA AUDIT NEGARA

Program Mentor Mentee Siri 1 pada 13 Ogos 2020

Program Mentor Mentee Siri 2 pada 21 September 2020

MESYUARAT JAWATANKUASA LKAN BIL. 1 TAHUN 2020 pada 7 Ogos 2020

PENYERAHAN SIJIL AUDIT PENYATA KEWANGAN KWSP pada 5.10.2020

AKADEMI AUDIT NEGARA

AAN berperanan untuk membangun, meningkatkan kompetensi dan profesionalisme warga JAN dalam bidang pengauditan sektor awam serta bidang lain yang berkaitan. Ia direalisasikan melalui penetapan hala tuju yang jelas, perancangan sistem latihan yang sistematik bagi merealisasi visi untuk menjadi institusi rujukan pengauditan sektor awam terunggul di peringkat nasional dan antarabangsa.

Pelan Strategik Akademi Audit Negara

AAN telah merangka 5 teras Pelan Strategik AAN 2016-2020 bagi menyokong Teras Strategik Keempat dalam Pelan Strategik JAN 2016-2020 iaitu Memperkukuh Pembangunan Kapasiti dan Modal Insan Bagi Meningkatkan Profesionalisme Juruaudit.

5 TERAS PELAN STRATEGIK AAN 2016-2020

- TERAS 1 — MEMBANGUN DAN MENINGKATKAN KOMPETENSI JURUAUDIT
- TERAS 2 — MENAMBAHBAIK MUTU PEMBELAJARAN DAN PENGAJARAN
- TERAS 3 — MENAMBAHBAIK INFRASTUKTUR AKADEMI AUDIT NEGARA
- TERAS 4 — MEWUJUD JARINGAN / KOLABORASI DENGAN PIHAK-PIHAK YANG BERKAITAN
- TERAS 5 — MENINGKATKAN KEDUDUKAN AAN SEBAGAI INSTITUSI LATIHAN PENGAUDITAN YANG UNGGUL

Pencapaian Aktiviti Dan Program Latihan AAN Sepanjang Tahun 2020

Sepanjang tahun 2020 AAN telah melaksanakan 56 kursus di bawah 4 program iaitu pengauditan, perakaunan, IT dan pengurusan. Setiap kursus yang dianjurkan dikategorikan kepada 3 peringkat iaitu asas, pertengahan dan lanjutan. Program latihan yang dianjurkan oleh AAN ditawarkan kepada semua warga JAN, Unit Audit Dalam dan Agensi Kerajaan yang berminat. Berikut adalah pencapaian AAN pada tahun 2020:

- Sebanyak 56 kursus dilaksanakan berbanding 60 kursus yang disasarkan. 91% dari kursus yang dijalankan mencapai markah melebihi tahap 80% penilaian kursus. Bilangan peserta bagi kursus berkenaan adalah seperti berikut:

PELAKSANAAN PROGRAM LATIHAN ANJURAN AAN TAHUN 2020

BILANGAN KURSUS : 56

15 | PROGRAM PENGAUDITAN

1. Kursus Membangun Kajian Kes Untuk Program Latihan.
2. Session On The International Professional Practices Framework (IPPF) (Atas Talian)
3. Pengauditan Pematuhan Terhadap Prosedur Kehilangan Wang Awam & Aset Alih. (Atas Talian)
4. Pengauditan Pematuhan Terhadap Terimaan / Hasil Kerajaan, (Atas Talian)
5. Praktikal Pensampelan Dalam Pengauditan Prestasi (Atas Talian)
6. COSO Internal Control For Internal Auditor. (Atas Talian)
7. Teknik Pensampelan Audit
8. Susulan Audit Terhadap Laporan Ketua Audit Negara. (Atas Talian)
9. Pengauditan Pematuhan Terhadap Aset dan Inventori. (Atas Talian)
10. Pengurusan Kontrak Kerja
11. Pengauditan Fraud Dalam Pengurusan Aset & Inventori, (Atas Talian)
12. Pengurusan Kontrak Kerja
13. Pengauditan Pematuhan Terhadap Perolehan Kerajaan (Atas Talian)
14. Pengauditan Pematuhan Terhadap Geran Kerajaan.(Atas Talian)
15. Asas Pengauditan Pematuhan (Atas Talian)

16 | PROGRAM PERAKAUNAN

1. Kursus Perakaunan Forensik,
2. Highlights of MFRS 9 & MFRS 15 Anjuran Bersama Association of Chartered Certified Accountants (ACCA) Malaysia (Atas Talian)
3. MIA Webinar Series: ISA 240: The Auditor's Responsibilities Relating to Fraud in an Audit of Financial Statements. (Atas Talian)
4. MFRS 10 - Consolidated Financial Statement: Back to Basic. (Atas Talian)
5. Kursus MPSAS Fundamentals - Accrual Basic of Accounting For Public Sector Anjuran Bersama Association Of Chartered Certified Accountants (ACCA) Malaysia. (Atas Talian)
6. MFRS: Penyata Kewangan: Jenis Sijil Audit - Kriteria yang Juruaudit Perlu Tahu. (Atas Talian)
7. Kursus Perakaunan Akruan Standard MPSAS: Aset dan Instrumen Kewangan.
8. Kursus MFRS Financial Statement Review.
9. Bengkel Pengauditan Penyata Kewangan UiTM Tahun 2020
10. Kursus Pengenalan Kepada Polisi Perakaunan Akruan Bagi Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan dan Negeri - Belanja dan Liabiliti. (Atas Talian)
11. Kursus MPSAS: Hasil
12. Kursus Pengenalan Kepada Polisi Perakaunan Akruan Bagi Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan dan Negeri – Aset. (Atas Talian)
13. Kursus Financial Statement Review and Analysis
14. Kursus Pengenalan Kepada Polisi Perakaunan Akruan Bagi Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan dan Negeri - Akaun Amanah dan Deposit. (Atas Talian)
15. Kursus Pengenalan Kepada Polisi Perakaunan Akruan Bagi Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan dan Negeri - Hasil dan Akaun Belum Terima. (Atas Talian)
16. Key Audit Matters and Other Matters. (Atas Talian)

13 | PROGRAM IT

1. Kursus Asas ACL untuk Juruaudit
2. Kursus CAATTs & Downloading
3. Kursus ACL Script
4. Bengkel Latihan Sistem Maklumat Kastam (SMK) dan Crystal Report
5. Taklimat Penyediaan Rancangan Audit di Sistem eAudit. (Atas Talian)
6. Teknik Analisis Data. (MS Excel Lanjutan)
7. Kursus e Audit
8. Kursus Kawalan IT. (Atas Talian)
9. Pengenalan kepada Pengauditan Forensik Digital. (Atas Talian)
10. Pengauditan IT
11. Kursus Keselamatan IT. (Atas Talian)
12. Kertas Kerja Elektronik. (eWP) (Atas Talian)
13. Kursus Big Data Analytics & Visualization in Excel

12 | PROGRAM PENGURUSAN

1. Kursus Asas Juruaudit W41 & Penolong Juruaudit W29
2. Training of Trainers (Neuro - Linguistic Programming) Siri 1
3. Program Transformasi Minda
4. Smart Insani / Integriti
5. Kursus Pemantapan Sahsiah Diri. (Atas Talian)
6. Pengurusan Fail & Rekod. (Atas Talian)
7. Kursus Kemahiran Bertutur Dalam Bahasa Inggeris. (Atas Talian)
8. Kemahiran Membuat Keputusan (Modul 1). (Atas Talian)
9. Kemahiran Penulisan Dalam Bahasa Inggeris. (Atas Talian)
10. Bengkel (1) Pemilihan Tajuk & Penyediaan Slaid Modul e-Pembelajaran
11. Pengurusan Emosi
12. Bengkel (2) Semakan & Pemurnian Modul

Bil.	Program	Bilangan Peserta
1.	Pengauditan	671
2.	Perakaunan	529
3.	Pengauditan IT	243
4.	Pengurusan	325
Jumlah		**1,795**

- Seramai 56 pegawai JAN telah dibiayai untuk menghadiri 13 kursus/seminar/ persidangan anjuran agensi luar seperti institut latihan awam/swasta dan badan profesional berkaitan pengauditan, standard perakaunan, IT dan tadbir urus.
- AAN telah diwartakan sebagai Pusat Kuarantin bagi Person Under Surveillance (PUS) dan Person Under Investigation (PUI) COVID-19 ([P.U(B)171]) pada 16 Mac 2020.

Pencapaian Aktiviti Dan Program Latihan Kepada Pegawai Agensi Luar Sepanjang Tahun 2020

Sepanjang tahun 2020, AAN telah menghantar seramai 31 pegawai JAN sebagai penceramah jemputan di 18 Agensi Luar yang memerlukan khidmat penceramah.

BILANGAN PEGAWAI JAN SEBAGAI PENCERAMAH MENGIKUT GRED

BIL.	GRED PEGAWAI	BILANGAN PEGAWAI
1.	JUSA C	1
2.	W54	2
3.	W52	1
4.	W48	8
5.	J48	3
6.	J44	2
7.	W44	6
8.	W41	3
9.	W36	1
10.	W32	2
11.	W29	2
JUMLAH		**31**

SENARAI AGENSI LUAR YANG MENGGUNAKAN KHIDMAT PENCERAMAH JAN TAHUN 2020

Pejabat Setiausaha Negeri Kedah
Universiti Islam Antarabangsa (UIA)

Kementerian Kewangan
Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA)

Dewan Bandaraya Kuala Lumpur
Kementerian Antarabangsa dan Industri (MITI)

Institut Perakaunan Negara (IPN)
Majlis Agama Islam Negeri Sembilan

Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia (MOTAC)
Jabatan Ketua Menteri Melaka

Lembaga Peperiksaan Malaysia (LPM)
Mara Excellence Centre (MEC)

Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis
UAD, PBLT Sdn Bhd

Institut Integriti Malaysia (IIM)
Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN)

Universiti Malaysia Terengganu (UMT)
Institut Pengurusan dan Integriti Melaka (INSPIM)

Pencapaian Aktiviti Dan Program Latihan Kepada Peserta Antarabangsa Sepanjang Tahun 2020

Sepanjang tahun 2020, tiada kursus antarabangsa dijalankan kerana mematuhi arahan Kerajaan berkenaan penutupan sempadan negara disebabkan wabak COVID-19.

Kursus AAN Yang Diadakan Secara Atas Talian

Pelaksanaan Kursus Secara Atas Talian Menggunakan Aplikasi Google Meet

Mesyuarat Jawatankuasa Latihan Bil. 2 Tahun 2020

Mesyuarat Jawatankuasa Latihan Bil. 2 Tahun 2020 yang diadakan pada 8 Disember 2020

AAN Sebagai Pusat Kuarantin bagi Person Under Surveillance (PUS) dan Person Under Investigation (PUI) COVID-19

BAHAGIAN HUBUNGAN ANTARABANGSA, PENYELIDIKAN DAN QUALITY ASSURANCE REVIEW

MENINGKAT JALINAN ANTARABANGSA

Jabatan Audit Negara dalam usaha memartabatkan peranan juruaudit Malaysia serta pengauditan sektor awam di persada antarabangsa, Jabatan telah melaksanakan pelbagai strategi seperti berikut:

a) Merancang, melaksana dan mengetengahkan kepakaran Jabatan dalam bidang pengauditan di peringkat serantau (ASEAN dan ASOSAI) bagi tujuan perkongsian pengetahuan secara menyeluruh.

b) Menjalin kerjasama dalam bidang pengauditan di peringkat antarabangsa (INTOSAI) bagi meningkatkan kompetensi dan kemahiran pegawai serta memastikan pengauditan yang dilaksanakan adalah berkualiti dan menepati piawaian pengauditan antarabangsa.

c) Menerapkan budaya pengauditan terkini seperti bidang big data, data analitik dan kecerdasan buatan di kalangan warga Jabatan Audit Negara Malaysia.

Pada tahun 2020, penularan pandemik COVID-19 telah memberi kesan kepada pelaksanaan pelbagai program/ aktiviti tahunan di peringkat serantau mahu pun antarabangsa. Namun, sebanyak 32 program/aktiviti meningkatkan jalinan kerjasama antarabangsa telah berjaya dilaksanakan secara maya bagi menyokong pencapaian visi Jabatan sebagai Institusi Audit yang lebih bebas dan profesional serta bertaraf antarabangsa. Program antarabangsa berkenaan adalah seperti berikut:

Pelaksanaan Program Antarabangsa Tahun 2020

PORTFOLIO SEMASA JAN DI PERINGKAT ANTARABANGSA

Ditubuhkan pada November 2011 di Bali, Indonesia, ASEANSAI merupakan sebuah pertubuhan serantau yang dianggotai 10 orang Ketua Audit Negara setiap negara ASEAN termasuk Malaysia. Objektif ASEANSAI adalah bagi menjalinkan kerjasama, perkongsian pengetahuan dan pembangunan kapasiti Institusi Audit di kalangan negara ASEAN.

- Malaysia mengambil alih jawatan Pengerusi ASEANSAI daripada Lao PDR bagi tempoh 2019 sehingga 2021 pada 5th ASEANSAI Summit pada tahun 2019 di Kuala Lumpur, Malaysia. Peranan Malaysia sebagai *Executive Committee* juga disambung dari tahun 2019 hingga 2021.
- Malaysia adalah ASEANSAI *Chair of Knowledge Sharing Committee*
- Malaysia bergiat aktif sebagai an ahli kepada ASEANSAI *Strategic Planning Committee, Rules & Procedures Committee* dan *Training Committee.*

Malaysia merupakan salah sebuah negara pengasas Asian Organization of Supreme Audit Institutions (ASOSAI) pada tahun 1979. Keahlian semasa ASOSAI adalah 47 buah negara di Asia Pasifik. Objektif ASOSAI adalah bagi menjalinkan kerjasama, perkongsian pengetahuan dan pembangunan kapasiti Institusi Audit di kalangan negara Asia Pasifik.

- Malaysia kini berperanan sebagai ahli ASOSAI *Governing Board* sebagai *Immediate Past Chairman*. Malaysia menganggotai ASOSAI *Governing Board* bagi tempoh 2018 hingga 2021.
- Selain itu, Malaysia juga bergiat aktif sebagai ahli ASOSAI *Working Group in Environmental Auditing* (WGEA), ASOSAI *Capacity Development Committee (CDC)* dan ASOSAI *Strategic Plan Task Force* (SPTF).

International Organization of Supreme Audit Institutions (INTOSAI) ditubuhkan pada tahun 1953 dan dianggotai oleh 195 negara termasuk Malaysia. INTOSAI adalah organisasi autonomi, bebas dan bukan kerajaan berstatus perundingan khas dengan *Economic and Social Council of United Nations* INTOSAI berperanan menyediakan rangka kerja bagi menggalakkan pembangunan dan pemindahan pengetahuan, memperbaiki pengauditan sektor awam di seluruh dunia

Malaysia merupakan pemerhati kepada *INTOSAI Knowledge Sharing Committee Steering Committee* (KSC) dan ahli *INTOSAI KSC* dengan bergiat aktif dalam aktiviti yang dianjurkan oleh INTOSAI *Working Group of IT Audit* (WGITA), *INTOSAI Working Group of Fight Against Corruption and Money Laundering* (WGFACML) dan INTOSAI *Working Group of Environmental Audit* (WGEA).

Commonwealth Auditor General Conference (CAGC) Fund Advisory Committee merupakan organ di bawah CAGC yang bertanggungjawab dalam pemantauan pengurusan dana CAGC dan bekerjasama erat dengan Commonwealth Secretariat di United Kingdom.

- Malaysia merupakan ahli CAGC *Fund Advisory Committee* bersama SAI Samoa, Caymand Island dan Kenya.
- Malaysia bekerjasama rapat dengan CAGC *Secretariat* iaitu *United Kingdom National Audit Office* dalam memastikan ketelusan dan akauntabilti di dalam pengurusan dana CAGC.

PENYERTAAN JAN DALAM PROGRAM ASEANSAI PADA TAHUN 2020 (9 PROGRAM)

BIL	TAJUK PROGRAM	TEMPAT	TARIKH
1.	ASEANSAI *Video Conference Meeting*	Atas talian	12 Jun 2020
2.	*Working Level Meeting on KSC Biennial*	Atas talian	4 September 2020
3.	ASEANSAI *Executive Committee Meeting*	Atas talian	8 September 2020
4.	*1st* ASEANSAI *Task Force on Legal Capacity Meeting*	Atas talian	8 September 2020
5.	ASEANSAI *2nd KSC Biennial Meeting for 2020-2021*	Atas talian	9 September 2020
6.	IDI-ASEANSAI *Joint Webinar on Strengthening SAI Audits of SDGs Implementation*	Atas talian	9 September 2020
7.	*1st Training Reviewer Meeting on* ASEANSAI *Cooperative Environmental Audit*	Atas talian	22 Disember 2020
8.	*Kick-off Meeting* ASEANSAI *Cooperative Environmental Audit*	Atas talian	22 Disember 2020
9.	ASEANSAI *Rules and Procedures Committee Meeting*	Atas talian	23 Disember 2020

PENYERTAAN JAN DALAM PROGRAM ASOSAI PADA TAHUN 2020 (9 PROGRAM)

BIL	TAJUK PROGRAM	TEMPAT	TARIKH
1.	ASOSAI *Strategic Plan Task Force Meeting*	Atas talian	24 Julai 2020
2.	ASOSAI *Capacity Development Committee Meeting*	Atas talian	24 Julai 2020
3.	*55th Governing Board Meeting of* ASOSAI	Atas talian	27 Julai 2020
4.	ASOSAI WGEA *Special Working Level Meeting*	Atas talian	7 September 2020
5.	ASOSAI IDI *SDG 3D*	Atas talian	25 November 2020
6.	ASOSAI *Seminar 2020 - Audit on Implementation of Sustainable Development Goals (SDGs)*	Atas talian	1 - 2 Disember 2020
7.	ASOSAI Seminar 2020 - COVID-19	Atas talian	3 - 4 Disember 2020
8.	ASOSAI WGEA *Online Training on "Solid Waste Audit"*	Atas talian	22 Disember 2020
9.	IDI ASOSAI *SAI Performance Measurement Reporting (SPMR)*	Atas Talian	Jun - September 2020

PENYERTAAN JAN DALAM PROGRAM INTOSAI PADA TAHUN 2020 (9 PROGRAM)

BIL	TAJUK PROGRAM	TEMPAT	TARIKH
1.	*12th* INTOSAI *KSC Steering Committee Meeting*	Atas talian	21 September 2020
2.	INTOSAI WGEA *International Webinar on "Climate Change and its Implication for Sustainable Development"*	Atas talian	23 September 2020
3.	INTOSAI WGITA *Quarterly Webinar – GAO's IT and Cybersecurity Audit Work on the 2020 United States Census*	Atas talian	6 Oktober 2020
4.	INTOSAI WGITA *Webinar - Presentation of Country Paper on IT Audit*	Atas talian	16 Oktober 2020
5.	*Final SCEI Expert Group Webinar "*INTOSAI *online transition: how can organizations adapt to the new normal of teleworking?*	Atas talian	20 Oktober 2020
6.	*14th* INTOSAI *WGFACML Virtual Meeting*	Atas talian	24 November 2020

BIL	TAJUK PROGRAM	TEMPAT	TARIKH
7.	IDI *SAI Innovations Webinar bertema "Innovative SAIs going F.A.R. (Flexible, Agile and Resilient)*	Atas talian	24 November 2020
8.	IDI *SAI Innovations Webinar bertema "Innovative SAIs going F.A.R. (Flexible, Agile and Resilient) - Harnessing the Power of Audits: Innovations in SAI-civil society cooperation and audit follow-up*	Atas talian	9 Disember 2020
9.	IDI *SAI Innovations Webinar bertema "Innovative SAIs going F.A.R. (Flexible, Agile and Resilient) - Rethinking the way we audit: experience in agile auditing*	Atas talian	14 Disember 2020

LAIN – LAIN PROGRAM ANTARABANGSA (5 PROGRAM)

BIL	TAJUK PROGRAM	TEMPAT	TARIKH
1.	*7th Asia Pacific Forum on Sustainable Development and side event* anjuran *United Nations*	Atas talian	25 - 27 Mac 2020
2.	*45th* ASEAN *Audit Committee Meeting*	Atas talian	23 - 24 Julai 2020
3.	*BPKRI Webinar on Audit Of COVID-19 Response: International Experience*	Atas talian	1 Oktober 2020
4	*4th Forum of Entities Associated with* ASEAN *Meeting*	Atas talian	20 Oktober 2020
5	*8th International Training Programme On Introduction To Environmental Auditing*	Atas talian	23 – 27 November 2020
6.	ASOSAI *Seminar 2020 - Audit on Implementation of Sustainable Development Goals (SDGs)*	Atas talian	1 - 2 Disember 2020
7.	ASOSAI Seminar 2020 - COVID-19	Atas talian	3 - 4 Disember 2020
8.	ASOSAI *WGEA Online Training on "Solid Waste Audit"*	Atas talian	22 Disember 2020
9.	*IDI* ASOSAI *SAI Performance Measurement Reporting (SPMR)*	Atas Talian	Jun – September 2020

PECAHAN PESERTA PROGRAM MENGIKUT SEKTOR



1 % Unit Audit Dalam

6 % Sektor JAN Negeri

43 % Pejabat Ketua Audit Negara

7 % Sektor Audit Syarikat

8 % Sektor Audit Kewangan

34 % Sektor Audit Prestasi

PENCAPAIAN DAN IMPAK PENGLIBATAN JABATAN AUDIT NEGARA DI PERINGKAT ANTARABANGSA TAHUN 2020

1

INTOSAI KSC Steering Committee – Observer

Melaysia meneruskan usaha pelobian ke arah *KSC Steering Committee* atau Jawatankausa Pemandu Perkongsian Pengetahuan INTOSAI. Malaysia kini adalah pemerhati kepada jawatankuasa tersebut bermula tahun 2019 hingga kini.

2

ASOSAI Governing Board

Malaysia terlibat aktif dalam pembuatan polisi di peringkat Asia Pasifik selaku ASOSAI *Governing Member.*

3

Pengerusi ASEANSAI

Malaysia menerajui negara anggota ASEAN sebagai Pengerusi ASEANSAI bagi tempoh 2019 hingga 2021.

4

IDI Quality Assurance

Malaysia lulus dengan cemerlang dalam *Quality Assurance Review* yang dilaksanakan oleh INTOSAI *Development Initaitives* (IDI) bagi Laporan *Preparedness of Sustainable Development Goals* (SDGs) dan *Financial Cooperative Audit.*

GAMBAR AKTIVITI ANTARABANGSA

55th Governing Board Meeting of ASOSAI pada 27 Julai 2020

ASEANSAI *Execuive Commitee Meeting* pada 8 September 2020



ASEANSAI *2nd Knowledge Sharing Commitee Biennial Meeting* pada 9 September 2020

ASEANSAI *Awareness of IDI SDG's Audit Model* pada 9 September 2020



ASEANSAI *Kick Off Meeting on Environmental Audit* pada 22 Disember 2020

PENYELIDIKAN

Penyelidikan berperanan menyokong usaha memacu pemantapan pengauditan yang dilaksanakan oleh JAN. Hasil penyelidikan yang dilakukan dapat membantu JAN dalam menyediakan kertas kajian penyelidikan/garis panduan pengauditan selaras dengan dasar Jabatan, prinsip perakaunan dan pengauditan serta amalan terbaik di dalam dan luar negara. Hasil penyelidikan juga dapat membantu memberi input kepada bahagian-bahagian lain dalam Jabatan atau kepada pihak lain yang berkepentingan. Penyelidikan yang dilaksanakan secara berterusan oleh JAN meliputi aspek-aspek berikut:

PENULISAN ARTIKEL

Pendapat Audit : Pertimbangan Semasa Pandemik Covid-19

Artikel membincangkan kesan penularan pandemik Covid-19 kepada pendapat audit terhadap penyata kewangan.

TINJAUAN RINGKAS

Pengumpulan Bukti Audit Dalam Tempoh Pandemik Covid -19

Satu tinjauan ringkas berkenaan isu-isu dihadapi berkaitan pengumpulan bukti audit dalam tempoh pandemik Covid-19 di kalangan juruaudit yang melaksanakan pengauditan prestasi, kewangan dan syarikat di Jabatan Audit Negara.

TERJEMAHAN ARTIKEL LUAR NEGARA

3i Covid 19 Response Actions (IDI 2020)

- Pengauditan Penyata Kewangan semasa krisis pandemik Covid-19
- Pengauditan Pematuhan semasa krisis pandemik Covid-19
- Pengauditan Prestasi semasa krisis pandemik Covid-19

Kajian Kepuasan Bekerja Warga Jabatan Audit Negara Tahun 2020

Skor Min Keseluruhan Tahap Kepuasan Bekerja Warga JAN

- Tahap kepuasan bekerja di JAN pada tahun 2020 adalah pada skor min 4.52.
- Tahap kepuasan bekerja di JAN secara keseluruhan adalah sama pada tahun 2020 dan 2019.

Latar Belakang Kajian

- Kajian Kepuasan Bekerja dilaksanakan bagi tujuan pengukuran penyampaian perkhidmatan untuk program pengurusan di bawah Outcome Based Budgeting (OBB).
- Kajian ini dilaksanakan setiap tahun bermula pada tahun 2017.

Objektif Kajian

- Mengenal pasti tahap kepuasan bekerja warga JAN secara keseluruhan.
- Mengenal pasti aspek-aspek yang menyumbang kepada kepuasan bekerja di JAN.
- Mengemukakan cadangan penambahbaikan dalam mewujudkan kepuasan bekerja di kalangan warga JAN.



Panel Pakar Rujuk (PPR) Jabatan Audit Negara

12 Julai 2013

Pasukan SME Jabatan Audit Negara (JAN) ditubuhkan secara rasmi

24 Jun 2020

Memo Penambahbaikan Struktur Kedudukan Pasukan SME dikeluarkan

29 Jun 2020

Mesyuarat Pengurusan JAN secara rasmi memutuskan bahawa nama Pasukan SME ditukar kepada Panel Pakar Rujuk (PPR) dan ahlinya dikenali sebagai Pakar Rujuk

03 September 2020

Perjumpaan Urus setia bersama Ketua-Ketua PPR

Asas penamaan semula nama Pasukan SME kepada PPR adalah seperti berikut:

a. objektif PPR adalah sebagai sumber rujukan bagi warga JAN untuk mewujudkan budaya perkongsian ilmu.
b. untuk membezakan peranan PPR dengan program SME di bawah Bahagian Pengurusan Sumber Manusia (BSPM)

Senarai PPR dikemas kini bagi tahun 2020 seperti berikut:

Pengauditan Prestasi
Penasihat: YBrs. Tn. Hj. Khalid Khan Abdullah Khan
Ketua Pasukan: YBrs. Puan Yusnani Zakaria

Matlamat Pembangunan Kelestarian (SDG) dan Alam Sekitar
Penasihat: YBrs. Tn. Hj. Khalid Khan Abdullah Khan
Ketua Pasukan: Puan Noraza Mohd. Ariff

Pengauditan Kewangan
Penasihat: YBhg. Dato' Che Isa Che Kob
Ketua Pasukan: YBrs. Puan Kartina Zamhari

Pengauditan Cukai Pendapatan, Kastam dan Tanah
Penasihat: YBhg. Dato' Che Isa Che Kob
Ketua Pasukan: Puan Noor Aslinda Nasron

Pengauditan Syarikat Kerajaan
Penasihat: YBhg. Datuk Johari Ismail
Ketua Pasukan: YBhg. Datuk Nor Salwani Hj. Muhammad

Teknologi Maklumat (ICT)
Ketua Pasukan: YBrs. Encik Y Hamdan Mohd Dom

Perundangan, Peraturan dan Jaminan Kualiti
Ketua Pasukan:
YBrs. Dr. Sayed Alwee Hussnie Sayed Hussin

Fraud
Ketua Pasukan: YBrs. Puan Nadhirah Hj. Abdul Wahab

Pengurusan dan Kewangan
Ketua Pasukan:
YBrs. Encik Putra Nurwan Shah Baharuddin

Secara keseluruhannya, semua kumpulan PPR telah mengemukakan Laporan Aktiviti Tahunan PPR masing-masing bagi tahun 2020. Walaupun terdapat beberapa aktiviti yang telah dirancang tidak dapat dilaksanakan akibat pandemik COVID-19, semua kumpulan PPR JAN berjaya menyumbang pengetahuan dan pengalaman kepada warga JAN sama ada dalam bentuk penyediaan/pengemaskinian garis panduan/ manual/handbook atau dalam bentuk penyampaian ceramah/kursus/ bengkel/taklimat atau juga dalam bentuk hebahan buletin/brosur kepada warga JAN. Kumpulan PPR JAN juga telah melaksanakan mesyuarat PPR masing-masing bagi membincangkan pelaksanaan program dalam situasi COVID-19.

Soal Selidik Ringkas Keberkesanan Fungsi Panel Pakar Rujuk JAN

BAPQ telah menjalankan satu kaji selidik ringkas berkenaan keberkesanan fungsi Panel Pakar Rujuk Jabatan Audit Negara (JAN). Objektif kaji selidik ini adalah untuk menilai kefahaman warga JAN mengenai fungsi dan peranan Panel Pakar Rujuk (PPR) sebagai sumber rujukan kepada warga JAN dalam mendapatkan pandangan berhubung sesuatu isu pengauditan.

Kaji selidik ringkas ini telah dijalankan secara atas talian menggunakan platform Google Forms. Seramai 269 orang warga JAN telah memberikan maklum balas.

Kesimpulan:
Majoritipegawaimengetahuiakankewujudan PPR JAN dan bersetuju dengan pernyataan bahawa PPR JAN adalah merupakan sumber rujukan warga JAN. Bagaimanapun peratusan jumlah pegawai yang 'Pernah Tetapi Jarang' dan 'Tidak Pernah' mendapatkan khidmat nasihat PPR JAN juga adalah tinggi. Perkara ini menunjukkan bahawa fungsi yang dimainkan oleh PPR JAN sebagai sumber rujukan Jabatan masih kurang dimanfaatkan oleh warga JAN terutamanya apabila berhadapan dengan permasalahan dan isu berkaitan tugasan pengauditan.

Way Foward:
Kesemua cadangan dan ulasan yang diutarakan oleh responden wajar diteliti, diperhalusi dan diterjemahkan dalam bentuk yang praktikal agar pelaksanaannya dapat membantu dan mendapatkan khidmat nasihat PPR JAN seterusnya mengukuhkan keberkesanan fungsi PPR JAN dan meningkatkan kualiti pengauditan yang dijalankan.

Enterprise Architecture JAN

Pelaksanaan EA merupakan pendekatan berstruktur di peringkat strategik untuk mendefiniskan JAN secara komprehensif merangkumi aspek pengauditan, pengurusan, proses, maklumat, infrastruktur dan teknologi. Terdapat 4 domain iaitu business, data, aplikasi, teknologi yang merentasi semua Sektor, Bahagian dan Cawangan di Jabatan Audit Negara. Mesyuarat Pengurusan Bilangan 4 tahun 2020 telah memutuskan pasukan EA perlu merangkumi semua sektor pengauditan.

Pra-Pelaksanaan Membangunkan EA

Mendapatkan mandat daripada pengurusan atasan

Mesyuarat Pengurusan Bilangan 4 Tahun 2020 memutuskan pasukan EA merangkumi semua Sektor Pengauditan. Mesyuarat juga memutuskan hala tuju EA adalah selari dengan Digital Audit JAN

Menubuhkan tadbir urus EA

Mesyuarat Enterprise Architecture Bilangan 1 Tahun 2020 diantara BAICT, BAPQ dan BTMK telah membincang hala tuju pasukan EA dan Struktur Organisai EA. Cadangan ahli pasukan dari semua sektor telah dikemukakan kepada semua TKAN, Pengarah AAN dan PSP untuk kelulusan.

Melapor dalam JPICT/Mesyuarat Pengurusan

Membina kemahiran dan keupayaan pelaksanaan EA

Latihan asas dan khusus sentiasa berjalan.

Pelaksanaan Pembangunan EA Peringkat 1: Pemulihan

01

Penentuan Skop

Mesyuarat Pengurusan Bilangan 4 Tahun 2020 memutuskan pasukan EA merangkumi semua Sektor Pengauditan dan hala tuju EA adalah selari dengan projek Digital Audit JAN

02

Mengenal pasti dan memuktamadkan tadbir urus dan pihak berkepentingan berdasarkan skop EA

Cadangan ahli pasukan EA telah dikemukan kepada TKAN untuk kelulusan dan struktur tadbir urus EA JAN akan dibentang di dalam Mesyuarat Pengurusan JAN/JPICT untuk kelulusan

03

Menakrif visi architecture dan keperluan

Melaksanakan pembangunan EA untuk mencapai Teras 2 dan 3 Pelan Strategik JAN dan Teras 2 PSTM dengan menjadikan projek Digital Audit JAN sebagai *kick start* project.

Pelaksanaan Pembangunan EA Peringkat 1: Penilaian Penyediaan As-Is

01

Penyediaan As-Is Proses Pengauditan Prestasi

02

Penyediaan As-Is

- Pengauditan terus penyata kewangan
- Pengauditan Pematuhan

Jurnal Pengauditan Sektor Awam

Karier juruaudit adalah berlandaskan profesionalisme. Juruaudit sentiasa perlu menimba ilmu pengetahuan bagi mengekalkan perkembangan kerjayanya. Sehubungan itu, Jurnal Pengauditan Sektor Awam (JPSA) diterbitkan bagi berkongsi pengetahuan dan pengalaman sesama warga audit.

Proses Penerbitan JPSA



Hubungan Dengan Badan Professional

JAN telah diiktiraf sebagai ACCA Approved Employer dan CPA Australian Recognised Employer. JAN juga sentiasa bersedia untuk menjadi rakan penyokong bagi aktiviti-aktiviti anjuran Badan-Badan Profesional. Pada masa yang sama, aktiviti anjuran JAN bagi tujuan capacity building seperti Persidangan Juruaudit dan latihan di JAN terutamanya yang dikendalikan oleh Akademi Audit Negara boleh memperoleh CPE hours.

APPROVED ACCA EMPLOYER

CPA AUSTRALIA | RECOGNISED EMPLOYER PARTNER

01 Penyambungan sebagai ACCA Approved Employer sehingga 31 Disember 2023

02 Kelulusan sebagai CPA Australia Recognised Employer sehingga 24 Disember 2023

Public Sector Internal Audit Conference 2020

Audit Committee Conference 2020

Internal Audit National Conference 2020

The Institute of Internal Auditors Malaysia

mia MALAYSIAN INSTITUTE OF ACCOUNTANTS

SEMAKAN JAMINAN KUALITI

Unit Semakan Jaminan Kualiti (*Quality Assurance Review* – QAR) telah melaksanakan semakan jaminan kualiti terhadap pengesahan pengauditan penyata kewangan bagi tahun 2019. Pasukan audit yang terpilih adalah Lembaga Tabung Angkatan Tentera. Objektif semakan jaminan kualiti adalah untuk menilai sistem kawalan kualiti audit supaya kawalan kualiti dilaksanakan dengan berkesan, relevan dan mencukupi bagi menjamin laporan audit yang berkualiti dan berkredibiliti di peringkat ibu pejabat dan negeri.

Unit QAR juga telah mengeluarkan dua (2) dokumen berkaitan kualiti sebagai rujukan pegawai JAN. Tinjauan ringkas terhadap kawalan kualiti dalam proses pengauditan di jabatan audit negara (JAN) turut dilaksanakan.

FUNGSI & KEPENTINGAN

Menambah baik sistem kawalan kualiti JAN
Menilai pelaksanaan audit yang dilaporkan selaras dengan piawaian, perundangan dan amalan terbaik antarabangsa
Memastikan laporan dan perkhidmatan JAN mematuhi piawaian profesional.

Dasar Jaminan Kualiti
Jabatan Audit Negara
Definisi
Kawalan Kualiti dan Jaminan Kualiti
01
Dasar Kualiti Jabatan
Pengauditan dan pelaporan berkualiti dan profesional serta penambahbaikan berterusan Sistem Pengurusan Kualiti
02
Objektif Kualiti Jabatan
Prosedur pengauditan mengikut Sistem Kawalan Kualiti dan memastikan kawalan kualiti audit setaraf standard antarabangsa
03
Peranan Jaminan Kualiti
Cadangan penambahbaikan, kajian semula senarai semak jaminan kualiti dan kemuka laporan tahunan semakan jaminan kualiti
04
05
Skop dan Rangka Kerja Jaminan Kualiti
ISSAI 140 – Quality Control for SAIs
06
Kaedah Semakan Jaminan Kualiti
Pre-issuance dan Post Issuance review
07
Dokumen-Dokumen Berkaitan
Dasar, peraturan dan Garis Panduan semasa
08
Kajian Semula Dasar
Sekurang-kurangnya setiap 5 tahun sekali
BAHAGIAN HUBUNGAN ANTARABANGSA, PENYELIDIKAN DAN QUALITY ASSURANCE REVIEW (BAPQ)

Sistem Pengurusan Kualiti
Jabatan Audit Negara
Sistem Pengurusan Kualiti (SPK)
Sistem yang mendokumentasikan proses dan prosedur serta tanggungjawab untuk mencapai objektif dan dasar kualiti audit
Definisi Kualiti Audit
Pengauditan dalam masa ditetapkan, tepat dan relevan sebagaimana ketetapan Akta Audit 1957dan mematuhi piawaian pengauditan dan metodologi audit JAN.
Sistem Kawalan Kualiti
Dasar dan tatacara kawalan kualiti yang perlu didokumenkan
Rangka Kerja Kualiti
Aktiviti penting dalam usaha mengekalkan kualiti pengauditan. Ianya merangkumi dasar dan prosedur meliputi 6 elemen
Semakan Jaminan Kualiti
Proses yang memberi jaminan secara bebas kepada KAN bahawa sistem dan amalan kualiti beroperasi secara efektif
BAHAGIAN HUBUNGAN ANTARABANGSA, PENYELIDIKAN DAN QUALITY ASSURANCE REVIEW (BAPQ)

TINJAUAN RINGKAS AMALAN KUALITI WARGA JABATAN AUDIT NEGARA

Objektif tinjauan ringkas ini adalah untuk menilai sejauh mana warga JAN memahami dan mengamalkan kawalan kualiti semasa melaksanakan pengauditan.

Tinjauan ringkas dilaksanakan dengan mengedarkan soal selidik secara dalam talian menggunakan *platform Google Forms* melalui e-mel kepada warga JAN. Seramai 239 responden telah memberikan maklum balas tinjauan berkenaan.

KESIMPULAN

Secara umum, tinjauan menunjukkan kesedaran warga JAN masih di tahap sederhana dalam memahami kawalan kualiti dan jaminan kualiti proses kerja audit. Bagaimanapun warga JAN percaya bahawa proses jaminan kualiti akan dapat membantu meningkatkan kualiti kerja.

Way Forward

BAPQ mengambil langkah proaktif dengan menghebahkan dua dokumen penting berkaitan kualiti untuk makluman warga JAN iaitu Sistem Pengurusan Kualiti dan Dasar Jaminan Kualiti. Selain daripada itu, BAPQ juga melaksanakan semakan jaminan kualiti bagi membantu warga JAN menerapkan amalan kualiti dalam proses pengauditan secara khususnya dan juga dalam tugasan harian secara amnya.

BAHAGIAN PENYELARASAN DAN KOLABORASI STRATEGIK

Bahagian Penyelarasan dan Kolaborasi Strategik (BPKS) memainkan peranan utama sebagai bahagian yang menyelaras pembentangan Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) di Parlimen dan Dewan Undangan Negeri (DUN). Pihak BPKS akan bekerjasama rapat dengan Sektor Audit Prestasi, Sektor Audit Kewangan, Sektor Audit Syarikat Kerajaan dan Jabatan Audit Negara di peringkat Negeri bagi memastikan LKAN dibentangkan di Parlimen dan DUN pada masa yang telah ditetapkan. Di samping itu BPKS juga menyelaraskan kerja percetakan LKAN yang dilakukan oleh Syarikat Percetakan Nasional Berhad. Pihak BPKS juga berkolaborasi dengan Unit Komunikasi Korporat (UKK) dan Bahagian Teknologi Maklumat (BTM) bagi memastikan Kenyataan Media Ketua Audit Negara berkaitan LKAN disiarkan oleh pihak media pada waktu yang ditetapkan dan LKAN dimuatnaik ke Portal JAN tepat pada masanya.

BPKS menjadi penghubung utama antara Pejabat Ketua Audit Negara dan JAN Negeri semasa sesi semakan akhir LKAN yang akan dibentangkan. Segala maklumat dan data LKAN peringkat Negeri akan dikemas kini oleh BPKS untuk makluman KAN. Berikut adalah maklumat pengauditan dalam LKAN Tahun 2019 peringkat Negeri:

PEMBENTANGAN LKAN TAHUN 2019

BIL.	JENIS PENGAUDITAN	SIRI LKAN	JUMLAH PENGAUDITAN	BILANGAN AGENSI/SYOR/ JENIS SIJIL
1.	Aktiviti	Siri 1	16	74 Syor
	JUMLAH		**16**	**74**
2.	Penyata Kewangan	Kerajaan Negeri	13	• 194 Pendapat Tanpa Teguran • 53 Pendapat Tanpa Teguran (Emphasis Of Matter/ Key Audit Matter/ Other Matter) • 72 Pendapat Berteguran • 2 Pendapat Berteguran (Other Matter) • 3 Bertentangan • 1 Penafian • 1 Belum disahkan
		BBN	152	
		PBT	149	
		MAI	12	
	JUMLAH		**326**	
3.	Pengauditan Pematuhan Kementerian/Jabatan/ Agensi Negeri	Tahun 2019	28	• 1 Kementerian Negeri • 23 Jabatan • 14 Agensi • **71** Syor
	JUMLAH		**28**	
4.	Pengurusan Syarikat	Siri 1	10	49 Syor
	JUMLAH		**10**	**49**
	JUMLAH BESAR		**380**	

PENGAUDITAN YANG DIJALANKAN DI PERINGKAT NEGERI BAGI TAHUN 2020 (LKAN TAHUN 2019 SIRI 1)

380 Pengauditan Bagi Tahun 2019 Telah Dilaksanakan Di Peringkat JAN Negeri

194 SYOR Telah Dikemukakan Kementerian/Jabatan/Agensi Negeri Yang Berkenaan

1 AKTIVITI	16 Pengauditan	74 Syor	
2 PENYATA KEWANGAN	326 Penyata Kewangan	325 Sijil Audit	
3 PENGAUDITAN PEMATUHAN	28 Pengauditan	71 Syor	
4 PENGURUSAN SYARIKAT	10 Pengauditan	49 Syor	

Pengauditan Pengesahan Penyata Kewangan

Maklumat bilangan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri, Badan Berkanun Negeri, Pihak Berkuasa Tempatan dan Majlis Agama Islam yang diaudit serta bilangan Sijil Audit mengikut jenis sijil.

BIL.	PENYATA KEWANGAN TAHUN 2019	JUMLAH PENGAUDITAN	JENIS SIJIL					
			PENDAPAT TANPA TEGURAN	PENDAPAT TANPA TEGURAN DENGAN *EMPHASIS OF MATTER*	PENDAPAT BERTEGURAN	PENDAPAT BERTENTANGAN	PENAFIAN PENDAPAT	BELUM DISAHKAN
1.	Kerajaan Negeri	13	11	2	0	0	0	0
2.	Badan Berkanun Negeri	152	84	22	43	2	1	0
3.	Pihak Berkuasa Tempatan	149	93	25	30	1	0	0
4.	Majlis Agama Islam	12	6	4	1	0	0	1
JUMLAH		**326**	**194**	**53**	**74**	**3**	**1**	**1**

194 SIJIL PENDAPAT TANPA TEGURAN

53 SIJIL PENDAPAT TANPA TEGURAN DENGAN *EMPHASIS OF MATTER*

74 PENDAPAT BERTEGURAN

3 PENDAPAT BERTENTANGAN

1 PENAFIAN PENDAPAT

1 PENYATA BELUM DISAHKAN

Pengauditan Prestasi

Maklumat bilangan Pengauditan Prestasi terhadap program/ aktiviti/ projek di bawah Kementerian/ Jabatan/ Agensi Negeri dan dilaporkan dalam LKAN 2019

BIL.	JENIS PENGAUDITAN	SIRI LKAN	JUMLAH PENGAUDITAN	KATEGORI PENGAUDITAN			
				PROGRAM	PROJEK	HASIL	SENGGARAAN
1.	Aktiviti	Siri 1	16	10	3	2	1
JUMLAH			**16**	**10**	**3**	**2**	**1**

16 pengauditan prestasi di peringkat negeri

- **10** pengauditan melibatkan program
- **3** pengauditan melibatkan projek
- **1** pengauditan melibatkan senggaraan
- **2** pengauditan melibatkan hasil

Pengauditan Pengurusan Syarikat Kerajaan

Maklumat bilangan Pengauditan Pengurusan Syarikat Kerajaan Persekutuan dan Negeri dan dilaporkan dalam LKAN 2019

BIL.	SIRI LKAN	JUMLAH PENGAUDITAN	AMALAN TADBIR URUS KORPORAT	PRESTASI KEWANGAN
1.	Siri 1	10	• 3 syarikat BAIK • 2 syarikat MEMUASKAN • 5 syarikat KURANG MEMUASKAN	• 1 syarikat KUKUH • 5 syarikat STABIL • 3 syarikat KURANG STABIL • 1 syarikat TIDAK DAPAT DISAHKAN
		10		

MESYUARAT PENGARAH AUDIT NEGERI/TIMBALAN PENGARAH AUDIT NEGERI (PAN/TPAN) BILANGAN 1 TAHUN 2020 PADA 23 – 26 SEPTEMBER 2020 DI HOTEL THISTLE PORT DICKSON NEGERI SEMBILAN

Sesi bergambar PAN/TPAN JAN negeri bersama Ketua Audit Negara dan Timbalan Ketua Audit Negara

Penyampaian cenderamata oleh KAN kepada penceramah YBrs. Dr. Azizul Hj Ismail, Ketua Bahagian Ensiklopedia, Jabatan Pembinaan Bahasa dan Sastera, Dewan Bahasa dan Pustaka

Sesi bersama Sektor Audit Syarikat Kerajaan oleh YBhg. Datuk Johari bin Ismail
Timbalan Ketua Audit Negara (Syarikat)

Sesi Penutup
Peserta dan Urus Setia Bergambar bersama
YBhg. Datuk Ketua Audit Negara

UNIT INTEGRITI

Penubuhan Unit Integriti di Jabatan Audit Negara (JAN) adalah selaras dengan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 6 Tahun 2013 yang bertujuan untuk menyelaras pengurusan integriti di JAN dalam usaha memantapkan integriti dan akauntabiliti pegawai JAN. Unit Integriti JAN telah ditubuhkan berdasarkan enam (6) fungsi teras sepertimana yang tertakluk dalam Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 6 Tahun 2013.

Penularan pandemik Covid-19 pada tahun 2020 telah menyebabkan Kerajaan melaksanakan tindakan pencegahan pelbagai peringkat yang seterusnya merencatkan pelaksanaan program UI JAN yang telah dirancangkan bagi tahun tersebut. Program-program yang dirancang ini telah dikaji semula kesesuaian pelaksanaannya supaya selaras dengan hasrat Kerajaan membasmi penularan pandemik ini. Oleh demikian, program-program UI JAN telah distruktur semula dan dijalankan dalam suasana norma baharu dengan memanfaatkan pelbagai platform dan saluran alternatif yang mesra pelanggan.

Pencapaian UI JAN berdasarkan fungsi UI adalah seperti berikut:

Butiran Pencapaian UI JAN bagi tahun 2020 adalah seperti berikut:

a. MESYUARAT JAWATANKUASA ANTI-RASUAH JABATAN AUDIT NEGARA

Mesyuarat telah diadakan sebanyak tiga (3) kali. Butiran mesyuarat adalah seperti berikut:

BIL.	MESYUARAT	TARIKH	BUTIRAN
1.	Bilangan 1 Tahun 2020	6 Januari 2020	Secara Bersemuka
2.	Bilangan 2 Tahun 2020	18 Jun 2020	Secara Bersemuka (Ibu Pejabat) dan Sidang Video (Negeri)
3.	Bilangan 3 Tahun 2020	02 Oktober 2020	Secara Bersemuka (Ibu Pejabat) dan Sidang Video (Negeri)

b. PROGRAM NAZIRAN INTEGRITI

Program Naziran Integriti telah dijalankan di Ibu Pejabat JAN. Perincian program adalah seperti berikut:

BIL.	TEMPAT	TARIKH	SKOP NAZIRAN
1.	JAN Negeri Johor	17 Mac 2020	• Pemantauan Integriti • Semakan Kad Perakam Waktu
2.	Ibu Pejabat JAN • Sektor Audit Syarikat Kerajaan • Bahagian Susulan Audit, Sektor Audit Prestasi • Bahagian Audit ICT, Sektor Audit Prestasi • Bahagian Teknologi Maklumat, Sektor Pengurusan • Bahagian Penyelarasan dan Kolaborasi Strategik • Unit Khidmat Nasihat Undang-Undang	24 - 30 November 2020	• Pematuhan tatacara bekerja semasa Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) • Pemantauan Saringan Suhu • Pemantauan pengimbasan Kod QR MySejahtera

c. PERISYTIHARAN HARTA

Sehingga 31 Disember 2020, JAN telah mencapai sasaran 100% dalam perisytiharan harta pegawai. Perincian permohonan adalah seperti berikut:



SEKTOR AUDIT KEWANGAN

PENGAUDITAN KEWANGAN

Pengauditan kewangan adalah antara pengauditan utama yang dijalankan oleh Jabatan Audit Negara (JAN) dalam memastikan tahap akauntabiliti sektor awam terpelihara, wang awam diurus dengan cekap dan rekod perakaunan di selenggara dengan teratur dan kemas kini. JAN menjalankan dua pengauditan kewangan utama iaitu pengauditan penyata kewangan dan pengauditan pematuhan. Selain itu, JAN turut melaksanakan pengauditan pengurusan kewangan Pejabat Perwakilan Malaysia di luar negara.

PENGAUDITAN PENYATA KEWANGAN

MANDAT PENGAUDITAN PENYATA KEWANGAN

JAN menjalankan pengauditan penyata kewangan selaras dengan kehendak Perkara 106 dan 107 Perlembagaan Persekutuan serta Seksyen 5 Akta Audit 1957 yang memberi mandat kepada Ketua Audit Negara (KAN) untuk memeriksa dan mengaudit Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan/Negeri serta Agensi Persekutuan/Negeri.Pengauditan terhadap Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan/Negeri serta Agensi Persekutuan/Negeri dilaksanakan untuk memberi pendapat sama ada penyata kewangan bagi tahun kewangan berkenaan menggambarkan kedudukan kewangan yang benar dan saksama serta rekod perakaunan berkaitan telah diselenggara dengan teratur dan kemas kini.

PELAKSANAAN PENGAUDITAN PENYATA KEWANGAN

Pengauditan ini termasuk pemeriksaan terhadap sistem perakaunan, transaksi dan rekod kewangan Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri, Badan Berkanun Persekutuan/Negeri, Majlis Agama Islam dan Pihak Berkuasa Tempatan. Pengauditan dilaksanakan sama ada oleh pegawai JAN atau Firma Audit Swasta yang dilantik. Pengauditan ini merangkumi pengauditan interim dan muktamad.

JAN perlu melaksanakan 475 pengauditan penyata kewangan pada setiap tahun selaras dengan mandat yang telah diberikan. Pengauditan penyata kewangan ini merangkumi Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan (termasuk Kumpulan Wang Persekutuan dan Akaun Amanah), 13 Penyata Kewangan Kerajaan Negeri, 148 Penyata Kewangan Badan Berkanun Persekutuan (BBP), 152 Penyata Kewangan Badan Berkanun Negeri (BBN), 149 Penyata Kewangan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan 12 Penyata Kewangan Majlis Agama Islam (MAI).

Penyata kewangan Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri perlu disediakan selaras dengan Seksyen 16(1) Akta Tatacara Kewangan 1957 di mana Pihak Berkuasa Kewangan dikehendaki menyediakan penyata kewangan tahunan secepat mungkin selepas penutupan akaun bagi tahun berkenaan. Penyata tersebut hendaklah dikemukakan kepada KAN untuk pengauditan seperti mana yang diperuntukkan di bawah Seksyen 9, Akta Audit 1957. Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan dan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri yang masing-masing disediakan oleh Akauntan Negara Malaysia dan Bendahari Negeri ini mengandungi Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Akaun Memorandum dan Nota Kepada Penyata Kewangan.

Penyata Kewangan Badan Berkanun Persekutuan pula disediakan berdasarkan Akta Badan Berkanun (Akaun dan Laporan Tahunan) 1980 (Akta 240) di mana Badan Berkanun Persekutuan dikehendaki mengemukakan penyata kewangan kepada KAN untuk diaudit dalam tempoh enam bulan selepas berakhir tahun kewangan berkenaan. Akta tersebut juga memperuntukkan supaya pengauditan penyata kewangan Badan Berkanun Persekutuan tertakluk kepada Akta Audit 1957.

Penyerahan penyata kewangan Badan Berkanun Negeri, Pihak Berkuasa Tempatan dan Majlis Agama Islam kepada KAN untuk diaudit adalah tertakluk kepada enakmen agensi berkaitan serta arahan yang dikeluarkan oleh Kerajaan Negeri masing-masing. Seksyen 54(2) Akta Kerajaan Tempatan 1976 menghendaki penyata akaun tahunan disediakan dengan seberapa segera bagi tahun kewangan yang lalu dan Seksyen 60(2) akta yang sama pula menyatakan KAN perlu mengemukakan pandangan mengenai akaun pihak berkuasa tempatan pada atau sebelum akhir bulan Oktober tahun berikutnya.

SIJIL KETUA AUDIT NEGARA

Sijil Ketua Audit Negara mengenai penyata kewangan telah disediakan berdasarkan keperluan International Standards of Supreme Audit Institutions (ISSAI) 1700, 1705 dan 1706. ISSAI menetapkan sebanyak dua jenis Pendapat Audit iaitu Pendapat Tanpa Teguran dan Pendapat Bolehubah.

JAN akan mengesahkan penyata kewangan dan mengeluarkan Sijil Ketua Audit Negara yang mengandungi pendapat terhadap penyata kewangan auditi. Sijil Ketua Audit Negara yang dikeluarkan oleh JAN mempunyai empat jenis iaitu:

JENIS-JENIS SIJIL KETUA AUDIT NEGARA



JAN telah mengesahkan 459 penyata kewangan tahun 2019 yang terdiri daripada satu (1) Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan, 13 Penyata Kewangan Kerajaan Negeri, 133 Penyata Kewangan Badan Berkanun Persekutuan, 152 Penyata Kewangan Badan Berkanun Negeri, 149 Penyata Kewangan Pihak Berkuasa Tempatan dan 11 Penyata Kewangan Majlis Agama Islam. Laporan Ketua Audit Negara mengenai Penyata Kewangan Tahun 2019 telah dibentangkan di Parlimen pada 5 November 2020 dan 10 Disember 2020.

Sijil yang dikeluarkan bagi pengesahan Penyata Kewangan Tahun 2019 adalah seperti berikut:

BIL.	SIJIL	KERAJAAN PERSEKUTUAN	KERAJAAN NEGERI	BBP	BBN	PBT	MAI	JUMLAH
1.	TANPA TEGURAN	-	11	90	84	93	6	284
2.	TANPA TEGURAN (Emphasis of Matter)	1	-	25	11	25	3	65
3.	TANPA TEGURAN (Key Audit Matter)	-	-	-	1	-	-	1
4.	TANPA TEGURAN (Other Matter)	-	2	-	10	-	1	13
5.	BERTEGURAN	-	-	18	41	30	1	90
6.	BERTEGURAN (Other Matter)	-	-	-	2	-	-	2
7.	BERTENTANGAN	-	-	-	2	1	-	3
8.	PENAFIAN PENDAPAT	-	-	-	1	-	-	1
JUMLAH		**1**	**13**	**133**	**152**	**149**	**11**	**459**

Nota : BBP – Badan Berkanun Persekutuan
BBN – Badan Berkanun Negeri
PBT – Pihak Berkuasa Tempatan
MAI – Majlis Agama Islam

SIJIL KETUA AUDIT NEGARA TAHUN KEWANGAN 2019

- Kerajaan Persekutuan
- Kerajaan Negeri
- Badan Berkanun Persekutuan
- Badan Berkanun Negeri
- Pihak Berkuasa Tempatan
- Majlis Agama Islam

PENGAUDITAN PEMATUHAN

PENDAHULUAN

Pengauditan pematuhan telah dilaksanakan mulai tahun 2019 selaras dengan International Standards of Supreme Audit Institutions (ISSAI) 4000 dan 4100. Pengauditan ini dilaksanakan berdasarkan Perkara 106 dan 107 Perlembagaan Persekutuan, Akta Audit 1957, Arahan Ketua Audit Negara Malaysia (Kewangan) Bilangan 1 Tahun 2019, Garis Panduan Pengauditan Pematuhan dan *Handbook* Pengauditan Pematuhan Jabatan Audit Negara yang diterbitkan pada Februari 2021. Pengauditan ini dilaksanakan terhadap kementerian/jabatan/agensi persekutuan dan negeri dengan memberi tumpuan secara mendalam kepada sesuatu bidang utama audit (key audit area) berdasarkan Risk Profiling.

TUJUAN DAN SKOP PENGAUDITAN PEMATUHAN

Pengauditan ini bertujuan memberi jaminan kepada pihak berkepentingan berkaitan hasil penilaian atau pengukuran terhadap perkara yang diliputi berbanding kriteria. Ia juga membolehkan tindakan pembetulan awal diambil terhadap setiap isu yang dibangkitkan atau mengambil langkah pencegahan supaya tidak berulang. Pengauditan pematuhan ini menggunakan pendekatan 3P1K, iaitu mengenal pasti elemen pembaziran, pemborosan, penyelewengan dan ketirisan wang awam yang berlaku akibat daripada ketidakpatuhan terhadap undang-undang dan peraturan kewangan yang ditetapkan (red flag). Skop pengauditan pematuhan dilaksanakan dalam tahun semasa.

Pembaziran:	Apabila bekalan, kerja dan perkhidmatan yang diperoleh tidak digunakan langsung; hanya digunakan sebahagian sahaja; atau tidak digunakan secara optimum.
Pemborosan:	Perbelanjaan atau penggunaan sumber yang melampaui tahap keperluan.
Penyelewengan:	Perbuatan menyimpang atau tidak menurut dari tujuan sebenar yang telah ditetapkan dalam peraturan dan arahan/ perintah yang telah ditetapkan. Menggunakan kuasa dengan cara yang bertentangan dengan undang-undang serta menyalahgunakan aset kerajaan tidak seperti ditetapkan atau yang sepatutnya.
Ketirisan:	Perkara yang timbul akibat kebocoran perbelanjaan/hasil kerajaan dan faedahnya tidak dapat dimanfaatkan.

LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2019

LKAN Pengauditan Pematuhan Kementerian Dan Jabatan Persekutuan Tahun 2019 yang dibentangkan di Parlimen pada 24 Ogos 2020 dan LKAN Pengauditan Pematuhan Agensi Persekutuan Tahun 2019 pada 10 Disember 2020 telah melaporkan perkara seperti berikut:

PENGAUDITAN PEMATUHAN KEMENTERIAN DAN JABATAN

Sebanyak enam tajuk pengauditan pematuhan telah dilaksanakan terhadap tiga kementerian iaitu Kementerian Pertahanan, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat serta Kementerian Pendidikan Malaysia dan tujuh jabatan iaitu Jabatan Penjara Malaysia, Jabatan Laut Malaysia, Politeknik, Tentera Udara Diraja Malaysia, Polis Diraja Malaysia, Jabatan Kastam Diraja Malaysia dan Lembaga Hasil Dalam Negeri. Pengauditan yang dilaksanakan merangkumi perolehan aset dan sebut harga, bayaran perkhidmatan penyenggaraan, pematuhan terhadap prosedur kehilangan wang awam dan aset alih, pembayaran balik cukai dan taksiran duti import. Isu ketidakpatuhan yang dilaporkan berlaku di kementerian dan jabatan adalah berjumlah RM192.88 juta.

3 kementerian
7 jabatan

6 tajuk pengauditan pematuhan

23 syor

PEROLEHAN/KONTRAK	HASIL CUKAI	PENGURUSAN WANG AWAM DAN ASET
Perolehan Kapal Peronda Generasi Kedua-Littoral Combatant Ship bagi TLDM dan Sistem Pertahanan Udara Starstreak bagi 3 Perkhidmatan • Kementerian Pertahanan Bayaran Perkhidmatan Penyenggaraan • Tentera Udara Malaysia • Polis Diraja Malaysia Perolehan Secara Sebut Harga • Jabatan Penjara Malaysia • Jabatan Laut Malaysia • Politeknik	Pembayaran Balik Cukai • Jabatan Kastam Diraja Malaysia • Lembaga Hasil Dalam Negeri Taksiran Duti Import Alkohol • Jabatan Kastam Diraja Malaysia	Pematuhan Terhadap Prosedur Kehilangan Wang Awam dan Aset Alih • Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat • Kementerian Pendidikan Malaysia

PENGAUDITAN PEMATUHAN AGENSI PERSEKUTUAN

Sebanyak 16 tajuk pengauditan pematuhan yang dilaksanakan di 16 agensi Persekutuan iaitu Lembaga Pertubuhan Peladang, Perbadanan Stadium Malaysia, Lembaga Getah Malaysia, Perbadanan Harta Intelek, Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran, Akademi Sains Malaysia, Lembaga Tabung Angkatan Tentera, Perbadanan PR1MA Malaysia, Dewan Bahasa dan Pustaka, Yayasan Guru Tun Hussien Onn, Pihak Berkuasa Penerbangan Awam, Bank Negara Malaysia, Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan, Lembaga Tabung Haji dan Universiti Teknologi MARA. Pengauditan yang dilaksanakan merangkumi pengauditan terhadap program atau projek, kontrak, perolehan dan pinjaman. Isu ketidakpatuhan yang dilaporkan berlaku di agensi Persekutuan adalah berjumlah RM336.12 juta.

16 agensi | **6 tajuk pengauditan pematuhan** | **48 syor**

PEROLEHAN/KONTRAK	PEROLEHAN	KONTRAK	PINJAMAN
• Lembaga Pertubuhan Peladang • Lembaga Getah Malaysia • Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran • Akademi Sains Malaysia • Lembaga Tabung Angkatan Tentera • Perbadanan PR1MA Malaysia • Yayasan Guru Tun Hussien Onn • Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan • Universiti Teknologi MARA	• Perbadanan Stadium Malaysia • Perbadanan Harta Intelek Malaysia • Pihak Berkuasa Penerbangan Awam Malaysia • Bank Negara Malaysia	• Dewan Bahasa dan Pustaka • Perbadanan Harta Intelek Malaysia	• Lembaga Tabung Haji

JENIS-JENIS SIJIL KETUA AUDIT NEGARA

PERLU DIKUTIP	PERLU BAYAR BALIK	KETIRISAN
RM70.19 juta	RM21.78 juta	RM244.15 juta
JUMLAH RM336.12 juta		

Antara penemuan Audit Pematuhan ialah ketidakpatuhan terhadap undang-undang/peraturan/ kontrak yang berkuat kuasa menyebabkan berlakunya ketirisan wang awam, kerugian dan kegagalan menjaga kepentingan Kerajaan.

DATUK NIK AZMAN NIK ABDUL MAJID, KETUA AUDIT NEGARA

PENYERAHAN SIJIL KETUA AUDIT NEGARA DAN MESYUARAT EXIT CONFERENCE PENGAUDITAN PENYATA KEWANGAN

Mesyuarat Penutupan Pengauditan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sembilan Tahun 2019 Pada 13 Julai 2020

Penyerahan Sijil KAN Kepada YAB Menteri Besar Perlis

Penyerahan Sijil KAN Kepada DYTM Raja Muda Perlis

Penyerahan Sijil Ketua Audit Negara Penyata Kewangan Tahun 2019 Kepada Pegawai Kewangan Negeri Pulau Pinang

Majlis Penyerahan Sijil Ketua Audit Negara Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Selangor pada 30 September 2020

Exit Conference Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Kedah Bagi Tahun Berakhir Disember 2019 pada 28 September 2020

Exit Conference Penyata Kewangan Negeri Kelantan

Penyerahan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Melaka Tahun 2019
Kepada Tuan Yang Terutama Tun Seri Setia (Dr.) Haji Mohd Ali Bin Mohd Rustam

Pengarah Audit Negeri Menyerahkan Sijil Ketua Audit Negara
Bagi Penyata Kewangan Majlis Agama Islam Negeri Sembilan Tahun 2019 Pada 30 November 2020

Exit Conference Pengauditan Penyata Kewangan KWSP

Penyerahan Sijil Ketua Audit Negara Pengauditan Penyata Kewangan KWSP

Penyerahan Sijil Audit Penyata Kewangan PIDM pada 6 Mac 2020

Mesyuarat bersama Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) & Firma Audit Swasta
pada 17 Julai 2020

Mesyuarat bersama Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) & Firma Audit Swasta
pada 17 Julai 2020

Mesyuarat bersama Bank Negara Malaysia (BNM)
pada 10 Julai 2020

Ketua Audit Negara bersama Timbalan Ketua Audit Negara (Kewangan)
dan Pengarah/Timbalan Pengarah Sektor Audit Kewangan pada 10 Julai 2020

Perbincangan Dengan Firma Audit Swasta Melalui Dalam Talian
Pengauditan Penyata Kewangan Labuan FSA Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2019
pada 26 Ogos 2020



Perbincangan Pengauditan Pematuhan Perbadanan PR1MA Malaysia
pada 25 September 2020

Pengauditan Pematuhan Perbadanan PR1MA Malaysia
pada 25 September 2020

Perbincangan dengan Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM),
pada 3 Disember 2020

Mesyuarat Panel Pakar Rujuk Pengauditan Kewangan (Utama) dengan JAN Negeri secara maya
pada 7 Disember 2020

Mesyuarat Pengurusan Sektor Audit Kewangan
pada 16 Disember 2020

SEKTOR AUDIT PRESTASI

PENGAUDITAN PRESTASI

Pengauditan prestasi dijalankan selaras dengan Seksyen 6 (d), Akta Audit 1957 serta berasaskan kepada piawaian pengauditan antarabangsa yang dikeluarkan oleh The International Organisation of Supreme Audit Intitutions (INTOSAI). Pengauditan prestasi merupakan suatu pemeriksaan bebas, objektif dan boleh dipercayai bagi menentukan sistem, operasi, program, aktiviti Kerajaan atau organisasi beroperasi mengikut prinsip ekonomi, cekap dan berkesan serta mempunyai ruang untuk penambahbaikan. Antara tujuan lain pengauditan prestasi adalah untuk menyemak sasaran output dan outcome yang ditetapkan oleh kementerian/Jabatan/Agensi adalah tercapai seperti yang ditetapkan.

PEMBENTANGAN LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA

Tahun 2019 JAN telah melaporkan sebanyak 31 Pengauditan Prestasi terhadap program/ aktiviti/ projek di bawah Kementerian/ Jabatan/ Badan Berkanun Persekutuan dan Kementerian/ Jabatan/ Agensi Negeri dalam LKAN Tahun 2019 Siri 1. Sebanyak 136 syor telah dikeluarkan bagi tindakan pembetulan/ penambahbaikan oleh Ketua Jabatan Agensi yang berkaitan. Butirannya adalah seperti berikut:

PENGAUDITAN PRESTASI TERHADAP PROGRAM/ AKTIVITI/ PROJEK KERAJAAN PERINGKAT PERSEKUTUAN DAN NEGERI LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2019 SIRI 1



PENGAUDITAN PRESTASI PERINGKAT KERAJAAN PERSEKUTUAN

Bilangan pengauditan prestasi atau kajian peringkat Kerajaan Persekutuan bagi LKAN 2019 Siri 1 mengikut pecahan kementerian/jabatan adalah seperti berikut:

BILANGAN PENGAUDITAN PRESTASI/KAJIAN MENGIKUT KEMENTERIAN

BIL.	KEMENTERIAN	LKAN 2019 SIRI 1
1.	Jabatan Perdana Menteri	1
2.	Kementerian Kewangan	1
3.	Kementerian Pertanian dan Industri Makanan	1
4.	Kementerian Tenaga dan Sumber Asli	1
5.	Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi / Kementerian Perdagangan, Antarabangsa dan Industri	1
6.	Kementerian Pertahanan	3
7.	Kementerian Pendidikan	1
8.	Kementerian Kerja Raya	2
9.	Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan	1
10.	Kementerian Wilayah Persekutuan	1
11.	Kementerian Pengajian Tinggi	2

PENGAUDITAN PRESTASI MENGIKUT KATEGORI

Kos keseluruhan 15 aktiviti Kerajaan yang diaudit yang dilaporkan dalam LKAN 2019 Siri 1 adalah berjumlah RM15.712 bilion. Pecahan kos bagi aktiviti tersebut adalah melibatkan tujuh projek berjumlah RM5.816 bilion, satu perolehan berjumlah RM3.574 bilion, empat program/aktiviti berjumlah RM616.22 juta, satu penyenggaraan berjumlah RM3.307 bilion, satu sistem/ICT berjumlah RM1.830 bilion dan satu dana berjumlah RM568.15 juta.

PENGAUDITAN PRESTASI MENGIKUT KATEGORI (LKAN 2019 SIRI 1)



LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2019 SIRI 1
AKTIVITI KEMENTERIAN/JABATAN KERAJAAN PERSEKUTUAN & BADAN-BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN

"Secara keseluruhannya, program/aktiviti/projek Kerajaan Persekutuan telah dilaksanakan mengikut tujuan yang ditetapkan. Bagaimanapun, terdapat kelemahan seperti sasaran *output* dan *outcome* yang ditetapkan tidak dapat dicapai atau tidak boleh dinilai."

"Selain itu, terdapat beberapa aktiviti/program/projek Kerajaan yang tidak diurus dengan cekap, berhemat & berkesan sehingga menyebabkan berlakunya *improper payment*, pembaziran & ketirisan."

DATUK NIK AZMAN NIK ABDUL MAJID, KETUA AUDIT NEGARA

Lawatan Kerja TKAN bagi Kajian Audit Terhadap Perolehan dan Pengurusan Aset Tentera Udara Diraja Malaysia

Lawatan Kerja YBrs. Tuan Haji Khalid Khan Abdullah Khan Timbalan Ketua Audit Negara (Prestasi) bagi Kajian Audit Terhadap Perolehan dan Pengurusan Aset Tentera Udara Diraja Malaysia pada 19 Ogos 2020 di Pangkalan Udara Subang.

YBrs. Tuan Haji Khalid Khan menandatangani buku pelawat sempena Lawatan Kerja TKAN (P) bagi Kajian Audit Terhadap Perolehan dan Pengurusan Aset Tentera Udara Diraja Malaysia

Lawatan Kerja TKAN (P) bagi Kajian Audit Terhadap Perolehan dan Pengurusan Aset Tentera Udara Diraja Malaysia

Pelaksanaan Pembangunan Pelan Bandar Raya Kuala Lumpur 2020

Pelan Bandar Raya Kuala Lumpur 2020 (PBRKL 2020) merupakan pelan tempatan pertama bagi Kuala Lumpur dan telah diwartakan pada 30 Oktober 2018. Pengauditan telah dijalankan pada tahun 2020 untuk menilai pembangunan Bandar Raya Kuala Lumpur adalah selaras dengan zon guna tanah dan intensiti pembangunan yang ditetapkan dalam PBRKL 2020.

Kolam Takungan Banjir Taman Wahyu yang telah ditukar zon guna tanah kepada pembangunan bercampur

Tapak pembangunan di Jalan Maarof, Bangsar yang telah ditukar zon guna tanah dari kawasan lapang awam kepada perdagangan

Tapak pembangunan di Jalan Jujur, Cheras yang telah ditukar zon guna tanah dari kawasan lapang awam kepada kediaman

Pengurusan Pelupusan Sisa Pepejal Di Tapak Pelupusan Dan Loji Insinerator

Pengauditan Pengurusan Pelupusan Sisa Pepejal Di Tapak Pelupusan Dan Loji Insinerator dilaporkan dalam Laporan Ketua Audit Negara 2019 Siri 1. Pengauditan melibatkan penilaian terhadap pengurusan pelupusan sisa pepejal di tapak pelupusan dan loji insinerator. Pengauditan dilaksanakan di Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, Ibu Pejabat Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (SWCorp) dan SWCorp negeri. Pemeriksaan fizikal Audit telah dilaksanakan di sembilan tapak pelupusan dan insinerator iaitu di negeri Perlis, Kedah, Johor dan Pahang.

Loji Pengolahan Air Larut Resap Jabor, Kuantan Pahang

Tapak Pelupusan Ladang CEP 1, Simpang Renggam, Johor

Tapak Pelupusan Belenggu, Temerloh, Pahang

Lawatan ke Tapak Pelupusan Jabi, Pokok Sena, Kedah

Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam

Pengauditan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (PSPPA) dilaporkan dalam Laporan Ketua Audit Negara 2019 Siri 2. Pengauditan melibatkan penilaian terhadap PSPPA selaras dengan objektif pengurusan sisa pepejal yang digariskan dalam Dasar Pengurusan Sisa Pepejal Negara 2016. Pengauditan dilaksanakan di Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, Ibu Pejabat Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (SWCorp) dan SWCorp negeri. Pemeriksaan fizikal Audit telah dilaksanakan di beberapa kawasan yang menerima perkhidmatan kutipan sisa pepejal dan pembersihan awam iaitu di negeri Kedah, Melaka, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya.

Lawatan ke Kuala Lumpur Transfer Station Taman Beringin bersama wakil SWCorp dan syarikat konsesi

Lawatan ke Pasar Borong Kuala Lumpur bersama wakil SWCorp dan syarikat konsesi

Bersama Pengarah dan pegawai Ibu Pejabat SWCorp Negeri Kedah selepas Pengauditan

Pengurusan Perkhidmatan dan Kawal Selia Pembetungan di Semenanjung Malaysia

Pengauditan telah dimulakan pada Ogos 2020 yang melibatkan Kementerian Alam Sekitar dan Air, Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara, Jabatan Perkhidmatan Pembetungan, Indah Water Konsortium Sdn. Bhd., dan Jabatan Alam Sekitar. Objektif utama perkhidmatan pembetungan adalah untuk meningkatkan liputan perkhidmatan pembetungan bersambung, meningkatkan pematuhan kualiti rawatan kumbahan dan mengurangkan pencemaran kumbahan terhadap sumber air Negara. Skop pengauditan meliputi prestasi perkhidmatan pembetungan dan pengurusan aktiviti serta kawal selia pembetungan bagi tempoh RMKe-11 (2016 hingga 2020)



Pengambilan Sampel Pelepasan Efluen (Kumbahan) Sebuah Hotel Secara In Situ di Port Dickson, Negeri Sembilan oleh Jabatan Alam Sekitar

Taklimat dan Perbincangan Berkenaan Jajaran Paip Kumbahan oleh Jabatan Perkhidmatan Pembetungan di Port Dickson, Negeri Sembilan

Pengurusan Program Pembangunan Tenaga Boleh Baharu (TBB)

Tenaga Boleh Baharu (TBB) di Malaysia dihasilkan oleh stesen janakuasa yang dimiliki oleh Tenaga Nasional Berhad (TNB), Sabah Electricity Sdn. Bhd. (SESB), Sarawak Energy Berhad (SEB), dan Independent Power Producers (IPPs). Selain itu, TBB juga dihasilkan melalui program seperti Feed in Tariff (FiT), Net Energy Metering (NeM), dan Large Solar Scheme (LSS). Pengauditan ini bertujuan bagi memastikan sumber TBB berupaya menghasilkan tenaga elektrik dengan kapasiti yang tinggi pada masa akan datang. Selain itu penggunaan TBB adalah untuk meminimumkan kesan negatif terhadap alam sekitar hasil penjanaan tenaga elektrik.

Tapak Penjanaan Kilang Kelapa Sawit di Setiawan, Perak pada 8 September 2020

Tapak *feedstock* di Dengkil, Selangor pada 14 September 2020

Stesen Jana Kuasa Elektrik Temenggor, Perak pada 28 September 2020

Pengurusan Projek Penyelidikan dan Pembangunan Oleh MIMOS Berhad

Pengauditan melibatkan penilaian terhadap pengurusan peruntukan projek pembangunan Rancangan Malaysia Ke-10 (RMKe-10) dan RMKe-11 oleh MIMOS Berhad berjumlah RM568.15 juta bagi melaksanakan 22 projek penyelidikan dan pembangunan (R&D) dari tahun 2011 hingga 2019. Prestasi dan pengurusan projek R&D didapati memuaskan namun penggunaan peruntukan tidak diuruskan dengan teratur, cekap dan berkesan kerana MIMOS tidak mengoptimumkan sepenuhnya peruntukan yang diterima bagi tujuan R&D. Sebahagian peruntukan telah digunakan bagi menampung bayaran gaji pekerja dan perbelanjaan mengurus MIMOS. Pengurusan aset R&D kurang cekap kerana sebahagian aset tidak dapat disahkan.

Mesyuarat Pra Penutup (Pre Exit) antara Jabatan Audit Negara, MIMOS Berhad, EPU, MOSTI dan MITI pada 6 Januari 2020

Pengurusan *Approved Permit* Terbuka Kenderaan

Pengauditan Pengurusan *Approved Permit* Terbuka Kenderaan (APTK) dijalankan bagi menilai sama ada pengurusan APTK mencapai objektif ditetapkan iaitu memperkasa agenda ekonomi Bumiputera dan memberi peluang sama rata kepada usahawan Bumiputera untuk terlibat dalam sektor automotif serta memastikan sumbangan dasar APTK kepada sosioekonomi negara tidak terjejas. Pengauditan dilaksanakan di Kementerian Perdagangan Antarabangsa Dan Industri, Kementerian Kewangan Malaysia, Jabatan Kastam Diraja Malaysia dan Malaysian Industrial Development Finance Berhad. Pemeriksaan fizikal telah dilaksanakan di 11 syarikat AP Terbuka Kenderaan di negeri Sarawak.

Kajian Audit Terhadap Pengurusan *Approved Permit* Terbuka Kenderaan Jabatan Kastam Diraja Malaysia Negeri Sarawak

Kajian Audit Terhadap Pengurusan *Approved Permit* Terbuka Kenderaan Lawatan Audit di Syarikat APTK Selangor

Kajian Audit Terhadap Pengurusan *Approved Permit* Terbuka Kenderaan Lawatan Audit di Syarikat APTK Selangor

Kajian Audit Terhadap Pengurusan *Approved Permit* Terbuka Kenderaan Lawatan Audit di Northport Vehicle Transit Centre (NVTC) Pelabuhan Utara

Kajian Audit Terhadap Pengurusan *Approved Permit* Terbuka Kenderaan Jabatan Kastam Diraja Malaysia Putrajaya

Pengauditan Terhadap Pembangunan Sistem uCustoms di Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM)

Pengauditan ini melibatkan JKDM sebagai agensi bertanggungjawab membangunkan sistem uCustoms. Pembangunan sistem uCustoms bertujuan untuk meningkatkan kecekapan perkhidmatan perkastaman dan institusi perdagangan yang berdaya saing serta mematuhi piawaian antarabangsa melalui gerbang tunggal sistem elektronik yang cepat, selamat, berintegriti dan mesra pelanggan. Pengauditan ini meliputi dua bidang utama Audit iaitu prestasi dan pengurusan pembangunan sistem bagi tempoh tahun 2013 hingga Disember 2020.

Sesi pengauditan di JKDM WP Kuala Lumpur pada 20 Julai 2020

Sesi *walkthrough* Sistem uCustoms dan taklima oleh JKDM kepada TKAN(P) dan Pasukan Audit di JKDM Cyberjaya pada 24 Julai 2020

Sesi pengauditan di Ibu Pejabat JKDM pada 14 Julai 2020

Pengauditan Terhadap Pengurusan Aktiviti Audit Cukai di Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM)

Pengauditan ini melibatkan LHDNM iaitu agensi utama di bawah MoF yang bertanggungjawab memungut cukai langsung seperti cukai pendapatan syarikat dan bukan syarikat, cukai keuntungan harta tanah, cukai petroleum dan duti setem. Audit cukai merupakan aktiviti utama LHDNM di bawah tanggungjawab Jabatan Pematuhan Cukai (JPC). Ia bertujuan bagi meningkatkan pematuhan secara sukarela terhadap undang-undang dan peraturan percukaian serta memastikan pematuhan cukai dicapai di bawah Sistem Taksir Sendiri (STS). Pengauditan ini meliputi dua bidang utama iaitu prestasi aktiviti dan pengurusan aktiviti audit cukai syarikat bagi tempoh tahun 2017 hingga 2019.

Kunjungan hormat TKAN (P) di Ibu Pejabat LHDNM pada 5 Oktober 2020

Proses permohonan data di Jabatan Teknologi Maklumat, LHDN pada 11 Ogos 2020

Sesi perbincangan bersama BAICT, Jabatan Audit Negara pada 20 Mei 2020

BAHAGIAN SUSULAN AUDIT

UNIT CORECTIVE ACTION DAN PUNITIVE ACTION (CAPA)

PENDAHULUAN

Pengurusan CAPA merupakan aktiviti penting di Bahagian Susulan Audit (BSA) bagi membuat susulan awal terhadap semua isu Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) yang memerlukan tindakan. Susulan audit dijalankan terhadap isu LKAN yang memerlukan tindakan. Mulai tahun 2020, isu yang disusul tidak terhad kepada LKAN pengauditan prestasi di peringkat persekutuan, negeri dan syarikat kerajaan, malah turut diperluaskan kepada LKAN pengauditan pematuhan yang mula dilaksanakan oleh Sektor Audit Kewangan mulai tahun 2019. Dalam konteks JAN, salah laku dalam badan awam ditangani melalui aktiviti susulan audit. Peranan JAN bukan sekadar mengaudit dan melapor isu dalam LKAN tetapi lebih dari itu iaitu melalui aktiviti susulan audit. Aktiviti awal susulan audit ialah pengurusan CAPA. Proses penting dalam pengurusan CAPA pula ialah penyaringan isu LKAN mengikut kategori tindakan iaitu Corrective Action (CA) dan Punitive Action (PA). Sepanjang tahun 2020, proses CAPA yang dijalankan adalah seperti berikut:

PROSES SUSULAN CAPA



Secara keseluruhannya, melalui pelaporan isu dalam LKAN Tahun 2011 hingga LKAN Tahun 2019 Siri 1, sebanyak 9,541 penemuan audit telah disaring sama ada bagi tindakan korektif atau punitif. Sehingga 21 Julai 2021, selepas proses saringan isu LKAN terdapat sebanyak 8,360 isu audit untuk tindakan korektif dan sebanyak 1,091 isu audit tindakan punitif. Status isu korektif dan punitif untuk tindakan mengikut siri LKAN adalah seperti di jadual.

STATUS ISU KOREKTIF DAN PUNITIF UNTUK TINDAKAN MENGIKUT SIRI LKAN

KATEGORI TINDAKAN BAGI ISU LKAN			
TAHUN LKAN	TINDAKAN MENGIKUT SIRI LKAN		
	KOREKTIF	PUNITIF	JUMLAH
2011 Siri 3	1,315	391	1,710
2012 Siri 1			
2012 Siri 2			
2012 Siri 3			
2013 Siri 1			
2013 Siri 2			
2013 Siri 3			
2014 Siri 1	1,613	49	1,662
2014 Siri 2			
2014 Siri 3			
2015 Siri 1	1,610	89	1,695
2015 Siri 2			
2016 Siri 1	748	103	851
2016 Siri 2	733	89	822
2017 Siri 1	364	128	492
2017 Siri 2	378	154	532
2018 Siri 1	349	29	378
2018 Siri 2	377	35	412
2018 Siri 3	393	18	411
2019 Siri 1	480	6	486
JUMLAH	**8,360**	**1,091**	**9,451**

Sumber : Auditor General's Dashboard (AG's Dashboard) Setakat Julai 2021

Isu korektif melibatkan penambahbaikan sistem dan prosedur, manakala isu punitif melibatkan pembaziran, pemborosan, penyelewengan, penyalahgunaan kuasa, salah laku atau kecuaian pelaksanaan tugas. Dua lagi kategori ialah red flag dan no further action (NFA). Isu LKAN yang bersifat red flag mempunyai potensi/indikator kepada peluang berlakunya fraud tetapi pegawai yang berkaitan tidak dapat dikenal pasti atau rangkaian pelaku yang ramai dan sukar ditentukan. Isu Audit bersifat red flag turut dikategorikan di bawah potensi isu punitif tetapi tidak menamakan pegawai yang berkaitan. Manakala isu LKAN bersifat NFA hanya mengandungi kenyataan fakta dan tidak memerlukan tindakan lanjut.

Sepanjang tahun 2020, aktiviti pengurusan CAPA telah dilaksanakan secara sistematik dan menyeluruh yang meliputi perbincangan di peringkat OIC, BSA, sesi brainstorming di peringkat BSA, perbincangan di peringkat unit yang berkenaan dan akhirnya isu punitif dimuktamadkan selepas sesi perbincangan di peringkat Ketua Audit Negara.

UNIT AUDITOR GENERAL'S DASHBOARD (AGD)

Auditor General's Dashboard (AGD) berfungsi untuk mengemas kini kedudukan semasa isu dalam laporan Ketua Audit Negara. Portal AGD boleh diakses oleh semua pihak termasuk orang awam untuk mengetahui status isu sama ada Tiada Tindakan (Merah), Dalam Tindakan (Kuning) atau Selesai (Hijau). Pertukaran Status Isu Dalam AGD Mengikut Sistem Traffic Light.

Objektif utama AGD adalah untuk menyediakan platform bagi membolehkan isu dan maklum balas terkini LKAN dipaparkan secara atas talian, telus, ringkas, padat dan tepat kepada rakyat. Sepanjang tahun 2020, Unit AGD telah melaksanakan sebanyak 23 sesi engagement bersama dengan auditi bagi menyelesaikan isu-isu LKAN yang

dipaparkan di dalam AGD.

AKTIVITI BAHAGIAN SUSULAN AUDIT SEPANJANG TAHUN 2020

BIL.	TARIKH MESYUARAT	AUDITI	LKAN YANG DIBINCANGKAN
1.	16.01.2020	NEGERI JOHOR	LKAN TAHUN 2015 SIRI 2, 2016 SIRI 1, 2016 SIRI 2, 2017 SIRI 2, 2018 SIRI 1, 2018 SIRI 2
2.	23.01.2020	NEGERI PERAK	LKAN 2017 SIRI 1 & 2018 SIRI 1
3.	23.01.2020 & 24.01.2020	KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA	LKAN TAHUN 2016 SIRI 1, 2017 SIRI 1, 2017 SIRI 2, 2018 SIRI 1 & 2018 SIRI 2
4.	29.01.2020	JABATAN PERDANA MENTERI	LKAN TAHUN 2018 SIRI 2 (HOSPITAL PUSRAWI)
5.	10.02.2020	NEGERI PERLIS	LKAN TAHUN 2015 SIRI 2 & 2018 SIRI 2
6.	10.02.2020	NEGERI KEDAH	LKAN TAHUN 2013 SIRI 2, 2016 SIRI 1, 2017 SIRI 2, 2018 SIRI 1 & 2018 SIRI 2
7.	11.02.2020	NEGERI PULAU PINANG	LKAN 2017 SIRI 2, 2018 SIRI 1 & 2018 SIRI 2
8.	07.02.2020	KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA	LKAN TAHUN 2017 SIRI 1, 2017 SIRI 2, 2018 SIRI 1 & 2018 SIRI 2
9.	18.02.2020	KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN (KPDNKP)	LKAN TAHUN 2018 SIRI 1 - LPG
10.	27.02.2020	KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA	LKAN TAHUN 2018 SIRI 1
11.	13.05.2020	KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI	LKAN 2018 SIRI 1 & SIRI 2
12.	16.06.2020	KEMENTERIAN KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA	LKAN TAHUN 2018 SIRI 1 - FINAS
13.	17.07.2020	KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA	LKAN 2018 SIRI 3
14.	21.07.2020	KEMENTERIAN INDUSTRI UTAMA	LKAN TAHUN 2018 SIRI 1 - FOREST PLANTATION
15.	27.07.2.2020 & 28.07.2020	NEGERI SABAH	LKAN 2016 SIRI1, LKAN 2017 SIRI 1 & 2, LKAN 2018 SIRI 1 & 2 & 3
16.	10.08.2020	KEMENTERIAN SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR	LKAN 2017 SIRI 2 (PENGURUSAN EMPANGAN) & LKAN TAHUN 2018 SIRI 1 (PROJEK RANCANGAN TEBATAN BANJIR SUNGAI KEDAH/ANAK BUKIT, KEDAH)
17.	18.08.2020	KEMENTERIAN DALAM NEGERI	LKAN TAHUN 2018 SIRI 1 - KAJIAN PEKERJA ASING

BIL.	TARIKH MESYUARAT	AUDITI	LKAN YANG DIBINCANGKAN
18.	19.08.2020	KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN (KPDNKP)	LKAN 2017 SIRI 2 (KAJIAN ATOM - KPDNHEP) & LKAN TAHUN 2018 SIRI 1 (KAJIAN SL1M - MEDAC)
19.	15.09.2020	TECHNOLOGY PARK MALAYSIA CORPORATION	LKAN TAHUN 2018 SIRI 1 - TPM, BUKIT JALIL
20.	17.9.2020	NEGERI PERAK	LKAN 2018 SIRI 1, 2018 SIRI 3
21.	22.9.2020	NEGERI SELANGOR	LKAN 2017 SIRI 1 dan 2018 SIRI 3
22.	01.10.2020	KEMENTERIAN DALAM NEGERI	LKAN 2018 SIRI 1 & 2 , LKAN 2018 SIRI 3
23.	21.12.2020	NEGERI PERAK	LKAN 2018 SIRI 2 & 3 , LKAN 2019 SIRI 1

PENGURUSAN MESYUARAT JAWATANKUASA TINDAKAN LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA (JTLKAN)

Jabatan Audit Negara melalui Pelan Transformasi Kerajaan 2.0 telah menubuhkan Jawatankuasa Tindakan Laporan Ketua Audit Negara (JTLKAN) pada tahun 2013. Berdasarkan audit susulan yang dilaksanakan terhadap Laporan Ketua Audit Negara (LKAN), isu-isu audit yang melibatkan kriteria 3P1K (pembaziran, pemborosan, penyelewengan/penipuan dan kecuaian) dan mempunyai asas yang kukuh akan dibentangkan dalam Mesyuarat JTLKAN. Mesyuarat ini bertujuan untuk menentukan tindakan yang perlu diambil oleh Kementerian/Jabatan/Agensi Kerajaan terhadap isu-isu punitif/red flag yang dibangkitkan sama ada terhadap pegawai yang melanggar peraturan atau penambahbaikan prosedur kerja. Melalui Mesyuarat JTLKAN juga, perbincangan secara terperinci dibuat bagi mencari jalan penyelesaian supaya isu sama yang dibangkitkan tidak berulang.

Sepanjang tahun 2020, sebanyak dua kali mesyuarat JTLKAN telah dilaksanakan melibatkan dua LKAN yang telah dibentangkan di Parlimen. Mesyuarat JTLKAN Bil. 1 Tahun 2020 dilaksanakan pada 6 & 7 Ogos 2020 melibatkan LKAN Tahun 2018 Siri 3. Manakala Mesyuarat JTLKAN Bil. 2 Tahun 2020 dilaksanakan pada 28 September 2020 melibatkan LKAN Tahun 2019 Pengauditan Pematuhan Kementerian Dan Jabatan Persekutuan.

SEKTOR AUDIT PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN

SEKTOR AUDIT PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN

PENGAUDITAN PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN

Pelaksanaan pengauditan terhadap syarikat Kerajaan Persekutuan dilaksanakan di peringkat Ibu Pejabat manakala pengauditan syarikat Kerajaan Negeri dilaksanakan oleh JAN Negeri. Objektif pengauditan terhadap syarikat Kerajaan adalah untuk menilai pencapaian objektif penubuhan syarikat sebagaimana yang dimandatkan melalui pengurusan aktiviti yang cekap, berkesan dan berhemat; tadbir urus korporat yang baik; dan kedudukan kewangan syarikat yang kukuh. Namun pengesahan terhadap penyata kewangan syarikat dilaksanakan oleh firma audit swasta yang dilantik oleh syarikat sebagaimana yang ditetapkan di bawah Akta Syarikat 2016.

MANDAT PENGAUDITAN

Pengauditan pengurusan syarikat Kerajaan Persekutuan dan Negeri dilaksanakan selaras dengan mandat Audit seperti berikut:

1. Perlembagaan Persekutuan, Perkara 106(2): Kuasa dan Tugas Ketua Audit Negara

   "Ketua Audit Negara hendaklah melaksanakan apa-apa tugas lain dan menjalankan apa-apa kuasa sebagaimana yang diperuntukkan oleh undang-undang Persekutuan berhubung dengan akaun bagi Persekutuan dan akaun bagi Negeri-Negeri dan berhubung dengan akaun bagi pihak-pihak berkuasa awam lain dan akaun bagi badan yang dinyatakan melalui perintah yang dibuat oleh Yang di-Pertuan Agong".

2. Akta Audit 1957, Seksyen 5(1)(d)

   "Akaun mana-mana badan lain, termasuk syarikat yang didaftarkan di bawah Akta Syarikat 1965 [Akta 125] yang menerima pemberian atau pinjaman daripada Persekutuan atau Negeri, dan termasuk juga sesuatu syarikat yang lebih daripada separuh modal syer berbayarnya dipegang oleh Persekutuan, sesuatu Negeri atau sesuatu pihak berkuasa awam atau dipegang sedemikian pada agregatnya oleh dua daripada mereka atau lebih:

   Dengan syarat bahawa Yang di-Pertuan Agong menentukan sedemikian melalui perintah di bawah Perkara 106(2) Perlembagaan Persekutuan dan walau apa pun mana-mana undang-undang yang berhubungan dengan pengauditan akaun mana-mana badan sedemikian".

3. Akta Audit 1957, Seksyen 5(1)(f)

   "Akaun mana-mana pihak berkuasa awam lain jika Menteri Kewangan berpuas hati bahawa kepentingan awam memerlukan akaun pihak berkuasa itu diperiksa, disiasat dan diaudit oleh Ketua Audit Negara walau apa pun mana-mana undang-undang yang berhubungan dengan akaun dan pengauditan mana-mana pihak berkuasa sedemikian:

Dengan syarat bahawa Menteri tidak boleh menyebabkan akaun mana-mana pihak berkuasa sedemikian yang menjalankan kuasa yang diletakhakkan padanya melalui undang-undang Negeri diperiksa, disiasat dan diaudit oleh Ketua Audit Negara melainkan jika dia telah terlebih dahulu berunding dengan Menteri Besar atau Ketua Menteri Negeri itu."

4. Warta Kerajaan Persekutuan Perintah Audit (Akaun Syarikat) 2017

"Ketua Audit Negara hendaklah memeriksa, menyiasat dan mengaudit akaun-akaun syarikat yang dinyatakan dalam Perintah Audit (Akaun Syarikat) P.U.(A) 294 bertarikh 30 September 2017". Sebanyak 1,858 syarikat Kerajaan telah diwartakan seperti berikut:



PEMBENTANGAN LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA

Sepanjang tahun 2020, Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) telah dibentangkan di Dewan Rakyat, Parlimen sebanyak tiga (3) kali yang melibatkan 32 syarikat Kerajaan iaitu 9 syarikat Kerajaan Persekutuan dan 23 syarikat Kerajaan Negeri. Butiran pembentangan LKAN adalah seperti berikut:

1. LKAN 2018 Siri 3 - Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri pada 14 Julai 2020 yang melibatkan 13 syarikat Kerajaan Negeri;

2. LKAN 2019 Siri 1 - Pengurusan Syarikat Kerajaan Persekutuan pada 24 Ogos 2020 yang melibatkan 9 syarikat Kerajaan Persekutuan; dan

3. LKAN 2019 Siri 1 - Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri pada 10 Disember 2020 yang melibatkan 10 syarikat Kerajaan Negeri

LKAN Tahun 2019 Siri 1 mengenai Pengurusan Syarikat Kerajaan Persekutuan mengandungi 9 laporan pengauditan pengurusan syarikat Kerajaan Persekutuan terdiri daripada 6 syarikat berhad menurut syer dan 3 syarikat berhad menurut jaminan seperti berikut:

Senarai Pengauditan Syarikat Kerajaan Persekutuan

BIL.	NAMA SYARIKAT	KEMENTERIAN/AGENSI
SYARIKAT BERHAD MENURUT SYER		
1.	TH Hotel & Residence Sdn. Bhd. (THHR)	Jabatan Perdana Menteri/ Lembaga Tabung Haji
2.	Amanah Raya Berhad (AmanahRaya)	Kementerian Kewangan Malaysia/ Menteri Kewangan (Diperbadankan)
3.	Small Medium Enterprise Development Bank Malaysia Berhad (SME Bank)	
4.	Technology Park Malaysia Corporation Sdn. Bhd. (TPM)	
5.	UDA Holdings Berhad (UDA)	
6.	CIDB E-Construct Services Sdn. Bhd. (CIDBEC)	Kementerian Kerja Raya/ Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia
SYARIKAT BERHAD MENURUT JAMINAN (CLBG)		
7.	Talent Corporation Malaysia Berhad (TalentCorp)	Kementerian Sumber Manusia
8.	Malaysian Industry-Government Group For High Technology (MIGHT)	Kementerian Sains, Teknologi Dan Inovasi
9.	National Institutes of Biotechnology Malaysia (NIBM)	

Sebanyak **50 syor Audit** telah dikemukakan kepada pihak pengurusan syarikat berkenaan untuk diambil tindakan bagi penambahbaikan perkara yang dilaporkan. Rumusan ringkas keseluruhan penemuan Audit adalah seperti berikut:

Ringkasan Rumusan Keseluruhan LKAN Tahun 2019 Siri 1
Pengurusan Syarikat Kerajaan Persekutuan

KEMENTERIAN/ AGENSI INDUK	BIL.	SYARIKAT/ TAJUK KAJIAN	RUMUSAN KESELURUHAN			
			PENCAPAIAN OBJEKTIF PENUBUHAN	TADBIR URUS KORPORAT	PENGURUSAN AKTIVITI/ PROGRAM	KEDUDUKAN KEWANGAN
Jabatan Perdana Menteri/ Lembaga Tabung Haji	1.	TH Hotel & Residence Sdn. Bhd.	Belum dicapai sepenuhnya	Kurang Memuaskan	Tidak cekap	Stabil
Kementerian Kewangan/ Menteri Kewangan (Diperbadankan)	2.	Amanah Raya Berhad	Telah dicapai	Memuaskan	Kurang cekap	Stabil
	3.	Small Medium Enterprise Development Bank Malaysia Berhad	Telah dicapai	Baik	Kurang cekap	Stabil
	4.	Technology Park Malaysia Corporation Sdn. Bhd.	Belum dicapai sepenuhnya	Memuaskan	Kurang cekap	Stabil
	5.	UDA Holdings Berhad	Telah dicapai	Baik	Kurang cekap	Stabil
Kementerian Kerja Raya/ Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia	6.	CIDB E-Construct Services Sdn. Bhd.	Belum dicapai sepenuhnya	Memuaskan	Kurang cekap	Kukuh
Kementerian Sumber Manusia	7.	Talent Corporation Malaysia Berhad	Belum dicapai sepenuhnya	Kurang Memuaskan	Kurang cekap	Stabil
Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi	8.	Malaysia Industry-Government Group For High Technology	Telah dicapai	Baik	Kurang cekap	Stabil
	9.	National Institutes of Biotechnology Malaysia	Telah dicapai	Memuaskan	Tidak cekap	Stabil

Sumber: Jabatan Audit Negara

Senarai nama syarikat yang diaudit mengikut negeri pula adalah seperti berikut:

SENARAI PENGAUDITAN SYARIKAT KERAJAAN NEGERI

BIL.	LKAN	NEGERI	NAMA SYARIKAT
1.	2018 Siri 3	Johor	Ternakan Ruminan Sdn. Bhd.
2.		Kedah	Kumpulan Ladang-Ladang Perbadanan (Kedah) Sdn. Bhd.
3.		Melaka	Kumpulan Melaka Berhad
4.			Syarikat Pengurusan Rumah Pangsa Negeri Melaka Sdn. Bhd.
5.		Negeri Sembilan	MAINS Hotel Sdn. Bhd.
6.		Pahang	LKPP Property Sdn. Bhd.
7.		Perak	Perak Agro Mills Sdn. Bhd.
8.		Pulau Pinang	Usaha Tarbiah (Pulau Pinang) Sdn. Bhd.
9.		Sabah	SEDCO Travel & Tours Sdn. Bhd.
10.			POIC Sabah Sdn. Bhd.
11.		Sarawak	Sarawak Fertilizer Sdn. Bhd.
12.			Sara Urusharta Sdn. Bhd.
13.		Selangor	Darul Ehsan Facilities Management Sdn. Bhd.
14.	2019 Siri 1	Kedah	UniSHAMS Sdn. Bhd.
15.		Kelantan	PMBK Development Sdn. Bhd.
16.		Melaka	Melaka ICT Holdings Sdn. Bhd.
17.		Negeri Sembilan	Negeri Roadstone Sdn. Bhd.
18.		Pahang	KYP Education Sdn. Bhd.
19.		Perak	PKEINPK Sdn. Bhd.
20.		Pulau Pinang	Usaha Tarbiah (Pulau Pinang) Sdn. Bhd.
21.		Sabah	Desa Integrated Food Industries Sdn. Bhd.
22.		Selangor	Yayasan Selangor
23.		Terengganu	TTI Management Sdn. Bhd

GAMBAR AKTIVITI SEKTOR AUDIT SYARIKAT KERAJAAN YANG DILAKSANAKAN

TH Hotel & Residence Sdn. Bhd.

Lawatan Audit di TH Hotel Penang

Amanah Raya Berhad

Lawatan fizikal di bilik fail Amanah Raya Cawangan Kuala Lumpur

Lawatan Audit ke rumah penerima amanah di Johor Bahru

Small Medium Enterprise Development Bank Malaysia Berhad

Penerangan secara ringkas mengenai kemudahan peralatan pembungkusan oleh usahawan tempatan yang menyewa di Kompleks Premis Usahawan SME Bank Bukit Minyak, Pulau Pinang

Lawatan ke stor penyimpanan bahan mentah pembungkusan di Kompleks Premis Usahawan SME Bank Bukit Minyak, Pulau Pinang

Penerangan secara ringkas mengenai produk Anti Backflow Rubbish Trap (ART) buatan usahawan tempatan di Kompleks Premis Usahawan SME Bank Simpang Ampat, Pulau Pinang

Lawatan Audit ke Kompleks Premis Usahawan SME Bank Bukit Minyak, Pulau Pinang

Lawatan Audit ke lot kilang terbiar di Kompleks Premis Usahawan SME Bank Sungai Petani, Kedah

Technology Park Malaysia Corporation Sdn. Bhd.

Lawatan Audit di Innovation Incubation Centre TPM

Malaysian Industry-Government Group For High Technology

Lawatan Audit ke pejabat Kumpulan Aerodyne di Cyberjaya, Selangor pada 10 Januari 2020 bertujuan untuk melihat perkhidmatan dron yang disediakan oleh syarikat tersebut

Encik Kamarulazman Muhamed, Pengasas dan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Aerodyne sedang memberikan penerangan mengenai fungsi, kepakaran, kemudahan dan perkhidmatan dron yang disediakan oleh syarikat

National Institutes of Biotechnology Malaysia

Lawatan Audit di iPHARM-NIBM GMP Plant Bukit Gambir, Pulau Pinang untuk melihat penggunaan mesin *Automatic Capsule and Tablet Counting Machine*

Lawatan Audit di Pusat Pemulihan Penagihan Narkotik Raub, Pahang berkaitan Program Penanaman Cendawan Melati untuk penjanaan pendapatan sampingan bagi komuniti pelatih Pusat Pemulihan.

Lawatan Audit di Makmal *Animal Research Facility* iPHARM Bukit Gambir, Pulau Pinang. Tempat penternakan haiwan makmal (tikus dan arnab) bagi kajian terhadap ubat-ubatan baru.

Lawatan Audit di Kuala Lipis, Pahang bagi Ternakan Ikan Patin Dalam Tangki Modular Terkawal

Lawatan Audit di Kundasang, Sabah bagi projek *Smart System For Shiitake Mushroom (Lentinula edodes)* kerjasama Koperasi Pembangunan Desa Kerajaan Negeri Sabah

Signed-off digital percetakan di Percetakan Nasional Malaysia Berhad

Sesi sidang media pembentangan LKAN 2019 Siri 1 pada 24 Ogos 2020

MESYUARAT *FIRST CUT* LKAN TAHUN 2019 SIRI 1 PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN PERSEKUTUAN DAN NEGERI (ZON UTARA)

SAS telah mengadakan Mesyuarat *First Cut* Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) Tahun 2019 Siri 1 Pengurusan Syarikat Kerajaan Persekutuan dan Negeri (Zon Utara) pada 17 hingga 20 Februari 2019. Mesyuarat ini telah berlangsung di Institut Pengurusan Peladang Langkawi, Kedah. Antara objektif mesyuarat ini adalah untuk membincangkan penemuan awal audit bagi kajian LKAN Tahun 2019 Siri 1 bersama pengurusan atasan SAS; memastikan penyeragaman dalam menghasilkan LKAN yang berkualiti; serta menghasilkan laporan yang ringkas, tepat dan informatif. Ini adalah selaras dengan perkembangan semasa berkaitan dasar Kerajaan, teknologi, dan perkembangan industri dan sebagainya. Satu perbincangan mengenai penambahbaikan Garis Panduan Pengauditan Syarikat juga turut dilaksanakan bagi menyemak semula garis panduan sedia ada serta mendapatkan input tambahan untuk memastikan ianya selaras dengan perkembangan semasa.

Selain itu, mesyuarat ini merupakan platform untuk SAS membincangkan dasar serta pendekatan baharu dalam pengauditan syarikat Kerajaan serta berkongsi ilmu dan kepakaran antara juruaudit dari JAN Negeri dan Ibu Pejabat.

Antara rumusan mesyuarat adalah seperti berikut:

i. Membincangkan mengenai keperluan dan aspek yang perlu diambil kira dalam perancangan strategik SAS, bagi meningkatkan kualiti pengauditan dan memastikan pengauditan syarikat kekal relevan dalam persekitaran yang sering berubah;

ii. Memperkukuh strategi pengauditan bagi menghasilkan laporan yang mempunyai elemen 3K2S (kriteria, keadaan, sebab, kesan dan syor) bagi kesemua aspek dalam pengauditan yang juga merangkumi tadbir urus korporat;

iii. Membincangkan dan meneliti input/maklum balas ahli-ahli mesyuarat terhadap 12 kajian bagi menghasilkan penemuan Audit yang lebih mendalam (deep dive), berfokus dan menyeluruh. Keutamaan kepada isu-isu *red flags* yang menjurus kepada kes penyelewengan, pembaziran, kecuaian, salah laku atau penipuan (fraud);

iv. Memulakan proses menambah baik Garis Panduan Pengauditan Syarikat Kerajaan dengan mengambil kira perkembangan semasa yang memberi kesan kepada syarikat Kerajaan Persekutuan dan Negeri. Ianya termasuk aspek pendekatan dan polisi baharu Kerajaan, peraturan terkini serta isu-isu yang perlu diambil kira turut dibincangkan; dan

v. Mengenal pasti aspek yang perlu diberi keutamaan dalam latihan berkaitan pengauditan syarikat bagi memantapkan kemahiran juruaudit di peringkat Ibu Pejabat dan JAN Negeri.

Peserta Mesyuarat *First Cut* Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) Tahun 2019 Siri 1 Pengurusan Syarikat Kerajaan Persekutuan dan Negeri (Zon Utara)

Sesi pembentangan *first cut* LKAN 2019 Siri 1 bersama Timbalan Ketua Audit Negara (Syarikat)

Sesi pembentangan *first cut* LKAN 2019 Siri 1 oleh pasukan Audit Ibu Pejabat

Sesi pembentangan *first cut* LKAN 2019 Siri 1 oleh pasukan Audit JAN Negeri

Sesi pembentangan first cut LKAN 2019 Siri 1 oleh pasukan Audit

Makan malam Timbalan Ketua Audit Negara (Syarikat) bersama para peserta

Makan malam bersama Timbalan Ketua Audit Negara (Syarikat)

PENGUKUHAN UNIT AUDIT DALAM

Unit Audit Dalam (UAD) ditubuhkan selaras dengan Pekeliling Perbendaharaan Malaysia PS 3.1 untuk membantu Kementerian/ Jabatan/Agensi mencapai objektif yang ditetapkan melalui pendekatan yang sistematik dan berdisiplin bagi menilai dan menentukan keberkesanan semua proses kawalan dan tadbir urus. Sebanyak 298 UAD telah ditubuhkan di Kementerian, Jabatan Persekutuan, Badan Berkanun Persekutuan, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri, Badan Berkanun Negeri, Pihak Berkuasa Tempatan dan Majlis Agama Islam bagi melaksanakan peranan tersebut.

Objektif Unit Audit Dalam

- MEMBANTU SESEBUAH ORGANISASI MENCAPAI MATLAMATNYA
- MENENTUKAN KEBERKESANAN SEMUA PROSES KAWALAN DAN TADBIR URUS

Fungsi Unit Audit Dalam

Perkhidmatan Jaminan

Pemeriksaan secara objektif terhadap pengurusan risiko, kawalan dalaman dan tadbir urus organisasi

Perkhidmatan Perundingan

Memberi khidmat nasihat

Memberi nilai tambah & menambah baik organisasi

Pada tahun 2020, jumlah perjawatan pegawai JAN di UAD adalah 603 merangkumi pelbagai gred jawatan seperti berikut:

BILANGAN PERJAWATAN PEGAWAI JAN DI UAD

GRED	KEMENTERIAN/JABATAN PERSEKUTUAN	SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI	AGENSI PERSEKUTUAN
JUSA C	6	-	-
W54	14	1	-
W52	19	-	-
W48	46	4	1
W44	69	2	-
W41/44	32	2	-
W41	23	-	-
W36	46	1	-
W32	124	4	-
W29/32	133	-	-
W29	74	2	-
JUMLAH	**586**	**16**	**1**
JUMLAH KESELURUHAN: 603			

JAN dan UAD mempunyai matlamat yang sama iaitu bagi menambahbaik tahap pengurusan kewangan sektor awam terutamanya dalam mempertingkatkan keberkesanan proses tadbir urus, tahap pengurusan kewangan dan akauntabiliti Kementerian/Jabatan/Agensi samada di peringkat Persekutuan mahupun negeri. Sehubungan itu, JAN memainkan empat peranan utama dalam usaha memperkukuh *engagement* dan membantu memperkasa peranan UAD seperti berikut:

PERANAN JAN TERHADAP PENGUKUHAN UAD			
BIL.	**PERANAN**	**KETERANGAN**	**PELAKSANAAN TAHUN 2020**
1.	Mesyuarat Berkala dengan UAD	1. Mewujudkan kerjasama antara JAN dengan UAD dari aspek perkongsian maklumat mahupun pelaksanaan pengauditan. 2. Membincangkan isu berbangkit bagi membantu UAD mempertingkatkan kawalan dalaman dan menambah nilai operasi kementerian/jabatan masing-masing 3. Membolehkan UAD memahami hala tuju JAN dengan pengemaskinian perkembangan semasa di JAN.	11 Februari 2020 Mesyuarat Pelaksanaan Pengauditan Terhadap Syarikat Kerajaan dan Badan Berkanun Persekutuan oleh UAD 16 Jun 2020 Mesyuarat TKAN(S) Bersama Ketua UAD Kementerian/Jabatan Persekutuan 14 Julai 2021 Mesyuarat TKAN(S) Bersama Ketua UAD Setiausaha Kerajaan Negeri 14 Julai 2020 Mesyuarat Penyelarasan Indeks Akauntabiliti Sebagai Petunjuk Prestasi Utama Ketua Setiausaha 18 Ogos 2020 Mesyuarat TKAN(S) Bersama Ketua UAD Syarikat Kerajaan
2.	Menjalankan Analisis Isu Audit yang Dibangkitkan UAD	Menjalankan analisis terhadap laporan, pemerhatian dan minit mesyuarat yang dikemukakan oleh UAD. Laporan analisis bagi isu yang signifikan akan dikemukakan kepada Ketua Audit Negara untuk tindakan selanjutnya.	1. Analisis Pengurusan Perolehan Kementerian/Jabatan 2. Analisis Pelaksanaan Jawatankuasa Audit Kementerian/Jabatan Persekutuan 3. Analisis Isu Punitif Kementerian/Jabatan Persekutuan
3.	Menyedia dan Mengemaskini Pangkalan Data Perjawatan UAD	Menyediakan dan mengemaskini maklumat Juruaudit dan Penolong Juruaudit lantikan JAN yang ditempatkan secara kader atau pinjaman di UAD Kementerian/ Jabatan/Agensi peringkat Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri. Maklumat disediakan untuk kegunaan pihak Pengurusan mengikut keperluan dari semasa ke semasa.	Pangkalan data yang kemas kini mengenai pegawai JAN yang ditempatkan di UAD Kementerian/Jabatan/Agensi dan Setiausaha Kerajaan Negeri.
4.	Lain-lain Tugas Penyelarasan antara JAN dan UAD	Menyelaras tugas-tugas lain yang melibatkan pelbagai Sektor di JAN dengan UAD.	Status Aduan/Surat Layang yang dijalankan oleh UAD dilaporkan secara bulanan kepada pihak Pengurusan JAN.

Mesyuarat Penyelarasan Penarafan Indeks Akauntabiliti (AI) Sebagai Petunjuk Prestasi Utama Ketua Setiausaha Pada 14 Julai 2020 di Aras 8, Blok F2, Kompleks F



Mesyuarat Bersama Timbalan Ketua Audit Negara (Syarikat) Dan Ketua Unit Audit Dalam Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pada 14 Julai 2020 di Aras 8, Blok F2, Kompleks F

Mesyuarat Bersama Timbalan Ketua Audit Negara (Syarikat) Dan Ketua Unit Audit Dalam Syarikat Kerajaan Pada 19 Ogos 2020 di Aras 8, Blok F2, Kompleks F

SEKTOR PENGURUSAN

PERJAWATAN DAN PERSONEL

Perjawatan yang diluluskan bagi JAN pada tahun 2020 adalah 2,020 perjawatan dan daripada jumlah tersebut sejumlah 1,796 atau 88.91% perjawatan telah diisi. Maklumat kedudukan perjawatan dan personel JAN pada tahun 2020 adalah seperti berikut:

PENGAMBILAN BARU TAHUN 2020		
JAWATAN	**GRED**	**JUMLAH**
Juruaudit	W41	93 Orang
Penolong Juruaudit	W29	74 Orang

Pegawai lantikan baharu jawatan Juruaudit Gred W41 bergambar bersama dengan YBhg. Datuk Ketua Audit Negara pada 4 Ogos 2020

Taklimat lapor diri Pegawai lantikan baharu jawatan Juruaudit Gred W41 pada 4 Ogos 2020

Taklimat lapor diri pegawai lantikan baharu jawatan Penolong Juruaudit Gred W29 pada 17 Ogos 2020

MAKLUMAT PEGAWAI YANG DITAWARKAN PEMANGKUAN DAN PENGESAHAN KENAIKAN PANGKAT BAGI TAHUN 2020

BIL	GRED	BILANGAN PEGAWAI YANG DITAWARKAN PEMANGKUAN	BILANGAN PEGAWAI YANG DISAHKAN KENAIKAN PANGKAT
1.	JUSA A	0	0
2.	JUSA B	2	2
3.	JUSA C	6	7
4.	W54	12	9
5.	W52	12	16
6.	W48	30	13
7.	W44	52	57
8.	W40	3	5
9.	W36	26	24
10.	W32	33	61
11.	W28	0	0
12.	W26	0	1
13.	W22	0	0
JUMLAH KESELURUHAN		**176**	**195**



Ketua Audit Negara Menyampaikan Amanat dan Surat Pemangkuan Juruaudit Gred Utama B dan Gred Utama C pada 6 Julai 2020 di Pejabat Ketua Audit Negara.

Ketua Audit Negara Menyampaikan Amanat dan Surat Kenaikan Pangkat Juruaudit Gred W48 pada 21 Julai 2020 di Dewan Serbaguna Blok F3.

Ketua Audit Negara Menyampaikan Amanat dan Surat Kenaikan Pangkat Juruaudit Gred W44 pada 21 Julai 2020 di Dewan Serbaguna Blok F3.

PEMBANGUNAN KERJAYA

Bagi meningkatkan keberkesanan perkhidmatan dan organisasi setiap pegawai-pegawai awam diberi peluang melanjutkan pelajaran bagi meningkatkan pengetahuan serta kemahiran dalam menentukan kejayaan sesebuah organisasi kerajaan.

Justeru itu, Jabatan Audit Negara (JAN) di bawah tanggungjawab Bahagian Pengurusan Sumber Manusia telah menguruskan pegawai-pegawai yang berhasrat melanjutkan pelajaran melalui kemudahan Hadiah Latihan Persekutuan melalui Cuti Belajar Bergaji Penuh Dengan Biasiswa (CBBPDB), Cuti Belajar Bergaji Penuh Dengan Hadiah Latihan Lain-lain (CBBP), Cuti Belajar Bergaji Penuh Tanpa Biasiswa (CBBPTB) dan Cuti Belajar Bergaji Penuh Dengan Biasiswa Kumpulan Pelaksana (CBBPDBKP). Pada tahun 2020 sebanyak 12 bilangan permohonan CBBPDB telah diterima dan diluluskan oleh Panel Pembangunan Sumber Manusia (PPSM). Manakala 2 permohonan CBBPTB telah diluluskan diperakukan oleh Panel Pembangunan Sumber Manusia (PPSM). Seterusnya hanya 4 pegawai telah memperoleh kelulusan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) untuk melanjutkan pelajaran di institusi pengajian di dalam negara seperti berikut:

TAHUN	BILANGAN PERMOHONAN	BILANGAN PERAKUAN PPSM	KELULUSAN JPA
2020	CBBPDB (HLP)		
	12	12	2
	CBBPTB		
	2	2	2
JUMLAH KESELURUHAN	**14**	**14**	**4**

* CBBPDB (HLP) – Cuti Belajar Bergaji Penuh Dengan Biasiswa (Hadiah Latihan Persekutuan)
CBBPTB - Cuti Belajar Bergaji Penuh Tanpa Biasiswa

PEMBANGUNAN KOMPETENSI

Fungsi Seksyen Pembangunan Kompetensi

Mengendalikan Peperiksaan Perkhidmatan bagi membolehkan Pegawai Audit memenuhi salah satu daripada syarat untuk disahkan dalam jawatan dan Peperiksaan Khas Peningkatan Secara Lantikan (PSL) ke Skim Perkhidmatan Juruaudit Gred W41.

Jenis Peperiksaan Di Jabatan Audit Negara

Terdapat dua (2) jenis peperiksaan di Jabatan Audit Negara (JAN) iaitu:

i. Peperiksaan Perkhidmatan Subjek Jabatan Bagi Juruaudit Gred W41 dan Penolong Juruaudit Gred W29 dalam Percubaan. Peperiksaan ini diadakan dua (2) kali setahun iaitu pada bulan Jun dan November.

ii. Peperiksaan Khas Peningkatan Secara Lantikan (PSL) Ke Skim Perkhidmatan Juruaudit Gred W41. Peperiksaan ini diadakan setahun sekali pada bulan November.

Maklumat Peperiksaan Tahun 2020

Peperiksaan Siri 1 Tahun 2020

Peperiksaan Perkhidmatan Subjek Jabatan Siri 1 Tahun 2020 yang dijadualkan pada 23 hingga 25 Jun 2020 melibatkan 41 orang calon yang memohon telah dibatalkan. Pembatalan ini adalah disebabkan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) bermula 18 Mac sehingga 12 Mei 2020 dan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) bermula 13 Mei sehingga 9 Jun 2020 bagi mengekang penularan wabak COVID-19 di Malaysia. Ini adalah selaras dengan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) yang turut membatalkan beberapa Peperiksaan Perkhidmatan Awam (PPA) bagi tahun 2020.

Peperiksaan Siri 2 dan Peperiksaan Khas Peningkatan Secara Lantikan (PSL) Tahun 2020

Peperiksaan Siri 2 dan Peperiksaan Khas Peningkatan Secara Lantikan (PSL) Tahun 2020 yang dijadualkan pada 17 hingga 19 November 2020 telah ditangguhkan kepada 1 hingga 3 Mac 2021 akibat peningkatan wabak Pandemik COVID-19. Peperiksaan yang dijadualkan semula ini melibatkan 121 orang calon merangkumi 44 orang Juruaudit W41, 54 orang Penolong Juruaudit W29, dan 23 orang calon bagi Peperiksaan Khas PSL.

Mesyuarat Pemeriksaan Kertas Jawapan Bagi Peperiksaan Perkhidmatan Dan Peperiksaan Khas Peningkatan Secara Lantikan (PSL) Siri 2 Tahun 2019

Mesyuarat Pemeriksaan Kertas Jawapan Bagi Peperiksaan Perkhidmatan Dan Peperiksaan Khas Peningkatan Secara Lantikan (PSL) Siri 2 Tahun 2019 pada 10 hingga 12 Januari 2020 bertempat di D'Wharf Hotel & Serviced Residence, Port Dickson, Negeri Sembilan. Mesyuarat ini bertujuan untuk melaksanakan pemeriksaan kertas jawapan secara berpusat bagi Peperiksaan Perkhidmatan dan Peperiksaan Khas PSL Siri 2 Tahun 2019 yang telah diadakan pada 12 hingga 14 November 2019.

Mesyuarat Pemeriksaan Kertas Jawapan Bagi Peperiksaan Perkhidmatan Dan Peperiksaan Khas Peningkatan Secara Lantikan (PSL) Siri 2 Tahun 2019 pada 10 hingga 12 Januari 2020 bertempat di D'Wharf Hotel & Serviced Residence, Port Dickson, Negeri Sembilan.

PEMBANGUNAN KAPASITI

JAWATANKUASA LATIHAN

Jawatankuasa Latihan JAN ditubuhkan bagi mengkaji dan meluluskan cadangan penambahbaikan dasar latihan, meluluskan perancangan keperluan latihan, memantau pelaksanaan latihan, kawalan mutu dan jaminan kualiti latihan serta menimbang dan memperaku penambahbaikan kemudahan AAN. Jawatankuasa ini akan bermesyuarat sekurang-kurangnya 2 kali setahun. Mesyuarat Jawatankuasa Latihan bagi tahun 2020 telah diadakan pada 7 Julai 2020 dan 8 Disember 2020.

JAWATANKUASA LATIHAN JABATAN AUDIT NEGARA

Pengerusi	Ahli Jawatankuasa
• Ketua Audit Negara Malaysia • Setiausaha Pengarah Akademi Audit Negara (AAN)	• Timbalan Ketua Audit Negara (Prestasi) • Timbalan Ketua Audit Negara (Kewangan) • Timbalan Ketua Audit Negara (Syarikat) • Pengarah Sektor Pengurusan • Pengarah Hubungan Antarabangsa, Penyelidikan dan QAR

LATIHAN BAHAGIAN PENGURUSAN SUMBER MANUSIA

Kursus dan latihan yang diadakan adalah bertujuan untuk meningkatkan pembangunan modal insan dengan memberi penekanan dalam pembangunan sikap (attitude), kemahiran (skills) dan pengetahuan (knowledge) yang bersesuaian melalui program pembangunan sumber manusia yang berteraskan pembangunan kompetensi dan pembelajaran berterusan.

Sepanjang tahun 2020 kursus bersemuka amat terhad disebabkan pandemik wabak COVID-19. Bagaimanapun sebanyak 2 Kursus Luar telah dilaksanakan dengan penglibatan sebanyak 133 peserta. Maklumat berkaitan kursus yang dilaksanakan adalah seperti di Jadual berikut di bawah:-

BIL	KURSUS LUAR				
	PERKARA	TARIKH	JUMLAH HARI	LOKASI	JUMLAH PESERTA
1.	Bengkel Pemurniaan SKT Dan Pemantapan Nilai-Nilai Kerohanian Sektor Pengurusan	14-17 Januari 2020	4	Rumah Peranginan Persekutuan-Cameron Highlands	79
2.	Kursus Pemantapan Intergriti & Sahsiah Diri Bagi Pemandu	21-23 Februari 2020	3	Amverton Heritage Resort-Melaka	54

Bengkel Pemurniaan SKT Dan Pemantapan Nilai-Nilai Kerohanian Sektor Pengurusan
14-17 Januari 2020



Kursus Pemantapan Integriti & Sahsiah Diri Bagi Pemandu
21-23 Februari 2020

PERKHIDMATAN KAUNSELING

a) *WE CARE WE SHARE*

Hebahan atau perkongsian inforgrafik setiap minggu sekali sepanjang tahun 2020.

i. Kata- kata motivasi
ii. Psikologi
iii. Mempromosikan Perkhidmatan Psikologi dan Kaunseling atas talian

b) CERAMAH MOTIVASI

i. Ceramah Motivasi bertajuk ‘Motivasi Harga Diri’ bersama kakitangan JAN Negeri Perak pada 8 Julai 2020.

Sesi ceramah motivasi bertajuk Motivasi Harga Diri bersama kakitangan JAN Negeri Perak pada 8 Julai 2020 bersama Penceramah Pegawai Psikologi JAN.

ii. Ceramah Motivasi bertajuk ‘Motivasi Harga Diri’ bersama kakitangan Jabatan Audit Negara Negeri Pulau Pinang pada 9 Julai 2020.

Sesi ceramah motivasi bertajuk Motivasi Harga Diri bersama kakitangan JAN Negeri Pulau Pinang pada 9 Julai 2020 bersama penceramah Pegawai Psikologi JAN.

c) Kursus Sehari Berskala Besar (KSB) bil.1 Tahun 2020 Bagi Pegawai Jabatan Audit Negara – 'Kesejahteraan Emosi Impak Pasca Perintah Kawalan Pergerakan (PKP)' pada 19 Ogos 2020.

Sesi Ceramah bertajuk 'Kesejahteraan Emosi Impak Pasca Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) pada 19 Ogos 2020 bersama penceramah Tn. Hj. Mohd Ikhram bin Husin, Bahagian Pengurusan Psikologi, JPA.

Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang Tahun 2020

Urus setia Induk Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang 2019, Pesara dan 25 Tahun Perkhidmatan bergambar bersama Pengurusan Tertinggi JAN pada 27 Ogos 2020 di Everly Hotel, Putrajaya.

Urus setia Bahagian Pengurusan Sumber Manusia Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang 2019, Pesara dan 25 Tahun Perkhidmatan bergambar bersama Pengarah Sektor Pengurusan pada 27 Ogos 2020 di Everly Hotel, Putrajaya.

AKTIVITI SOSIAL

AKTIVITI SOSIAL

Warga JAN sentiasa bergiat aktif dan memberi sokongan padu kepada aktiviti sosial Jabatan melalui kelab dan persatuan utama seperti Majlis Sukan Jabatan Audit Negara (MASJAN) dan Persatuan Suri dan Anggota Wanita Perkhidmatan Awam Malaysia (PUSPANITA) Cawangan Kecil JAN. Di samping JAN turut mengiktiraf Persatuan Alumni Audit Negara (ASNA) yang dianggotai oleh pesara-pesara JAN.

MAJLIS SUKAN JABATAN AUDIT NEGARA

MASJAN adalah kelab yang berdaftar dengan pendaftar pertubuhan yang mana ahlinya adalah terdiri dari kakitangan JAN. Penubuhan MASJAN adalah bagi mencapai objektif seperti berikut:

OBJEKTIF PENUBUHAN MASJAN

1. Merapatkan silaturahim dengan menghubungkan di antara ahli pertubuhan yang terdiri daripada pegawai dan kakitangan bahagian/unit audit dalam di setiap kementerian/jabatan persekutuan.
2. Memudahkan penyelarasan di antara bahagian/Unit Audit Dalam setiap Kementerian/ Jabatan Persekutuan bagi acara/program yang akan disertai oleh ahli pertubuhan.
3. Menganjurkan program dan aktiviti sukan dan sosial untuk ahli pertubuhan dan komuniti setempat.

Sepanjang tahun 2020, terdapat 14 kelab gabungan dibawah MASJAN yang menjalankan pelbagai aktiviti sosial melibatkan sukan, rekreasi, kebajikan dan kerohanian. Senarai 14 kelab gabungan MASJAN adalah seperti berikut:

Senarai 14 Kelab Gabungan di bawah MASJAN mengikut cawangan.

BIL.	KELAB CAWANGAN AUDIT	SINGKATAN	NAMA KELAB
1.	Ibu Pejabat	KAWIP	Kelab Audit Wilayah Persekutuan
2.	Johor	KSAJ	Kelab Sukan Kebajikan Audit Johor
3.	Kedah	KSAK	Kelab Sukan Kebajikan Audit Kedah
4.	Kelantan	KESKA	Kelab Sukan Kebajikan Audit Kelantan
5.	Melaka	KSAM	Kelab Sukan Kebajikan Audit Melaka
6.	Negeri Sembilan	KESANS	Kelab Sukan Kebajikan Audit Negeri Sembilan
7.	Pahang	KESKAP	Kelab Sukan Kebajikan Audit Pahang
8.	Perak	KESUKAP	Kelab Sukan Kebajikan Audit Perak
9.	Perlis	KESAPs	Kelab Sukan Kebajikan Audit Perlis
10.	Pulau Pinang	KESKAP	Kelab Sukan Kebajikan Audit Pulau Pinang
11.	Sabah	KESKAS	Kelab Sukan Kebajikan Audit Sabah
12.	Sarawak	KERAS	Kelab Sukan Kebajikan Audit Sarawak
13.	Selangor	KREATIF	Kelab Sukan Kebajikan Audit Selangor
14.	Terengganu	KESKAT	Kelab Sukan Kebajikan Audit Terengganu

KELAB AUDIT WILAYAH PERSEKUTUAN

SUMBANGAN KAWIP SEMPENA HARI RAYA AIDIL FITRI

pada 20 Mei 2020

KENDURI DURIAN (KENDURIAN) ANJURAN KAWIP DAN MASJAN

pada 24 Julai 2020

KELAB SUKAN KEBAJIKAN AUDIT MELAKA

Majlis Meraikan Pegawai Bertukar dan Naik Pangkat Tahun 2020

Ceramah Agama Anjuran Kelab Sukan dan Kebajikan Audit Melaka

Sambutan Hari Lahir 2020

Program Makan Durian pada 5 Ogos 2020

Merai Pegawai Bersara pada 16 Oktober 2020

KELAB SUKAN KEBAJIKAN AUDIT TERENGGANU

Program Makan Durian pada Ogos 2020

Pertandingan Sukan Dalaman pada September 2020

Memasak Bubur Asyura pada September 2020

Projek Pertanian Mini Fertigasi (Dijalankan di Wisma Audit Negeri Terengganu)

KELAB SUKAN KEBAJIKAN AUDIT SARAWAK

Majlis Jasamu Dikenang Sempena Persaraan PAN

Majlis Sending Off TPAN

Majlis Jasamu Dikenang Sempena Persaraan PAN

Majlis Sending Off TPAN

Majlis Ibadah Korban Anjuran Badan Khairat JAN Negeri Sarawak

Mesyuarat Agung Badan Khairat JAN Negeri Sarawak

KELAB SUKAN KEBAJIKAN AUDIT SELANGOR

Program Qurantime 2.0

Kelas Pengajian Al-Quran Oleh Ustaz Mahmud bin Mastam

Program Hiking Setia Alam Community Trail pada 29 Februari 2020

Majlis Penyerahan Sumbangan Baucar TESCO Sempena Hari Raya Aidilfitri 1441H pada 4 Jun 2020

Tazkirah Mencari Keberkatan dan Ketenangan Dalam Profesion Oleh Ustaz Pahrol bin Juoi pada 10 Julai 2020

Majlis Sambutan Hari Lahir pada 15 Julai 2020

Tazkirah Kepentingan dan Ibrah Qurban Oleh Ustaz Zul Ramli bin M. Razali pada 24 September 2020

Mesyuarat Agung Tahunan Kelab Kreatif Bertemakan Hari Kebangsaan pada 25 Ogos 2020

KELAB SUKAN KEBAJIKAN AUDIT SABAH

Sumbangan Kepada Mangsa Kebakaran

Sumbangan PKP KESKAS

Program Prihatin

Majlis Hari Raya

Audit Idol

Mesyuarat Agung KESKAS

Majlis Jasamu Dikenang

Pesta Makan Buah

Sumbangan Hospital Tuaran

Sumbangan PKP Ahli KESKAS

Majlis Perpisahan dan Bacaan Yasin Sempena Pertukaran Pengarah Negeri

KELAB SUKAN KEBAJIKAN AUDIT PULAU PINANG

Sukan Dalaman pada 10 Januari 2020

Majlis Makan Durian pada 20 Jun 2020

Program Bubur Asyura

KELAB SUKAN KEBAJIKAN AUDIT PERLIS

Program KOSPEN

Majlis Sanjungan Budi - Pegawai Bersara

Program Makan Durian

Program Bubur Asyura

Sambutan Hari Lahir

KELAB SUKAN KEBAJIKAN AUDIT PAHANG

Majlis Persaraan Puan Hamidah binti Musa, Pembantu Tadbir (P/O) Gred N22 pada 31 Januari 2020

Majlis perpisahan Pegawai Seksyen Pentadbiran JANNP pada 31 Januari 2020

Lawatan pelajar daripada Politeknik Muadzam Shah pada 19 Februari 2020

Mesyuarat Agong KESKAP pada 21 Februari 2020

Majlis perpisahan Pegawai Audit JANNP pada 24 Julai 2020

Majlis Perpisahan Puan Hasmawati binti Shafii, Ketua Pembantu Tadbir Gred N22 pada 18 September 2020

Majlis perpisahan Puan Norhaniza binti Mohd Ayob, Pembantu Tadbir (P/O) Gred N19 pada 4 Disember 2020

Program Jamuan Makan Durian anjuran KESKAP pada 24 Julai 2020

Program #40 Days Weight Lose Challenge 2020 dari 26 Oktober 2020 hingga 4 Disember 2020

Sambutan Bulan Kemerdekaan Tahun 2020 #Malaysiaprihatin pada 14 Ogos 2020

Program Senamrobik pada 4 Disember 2020

KELAB SUKAN KEBAJIKAN AUDIT NEGERI SEMBILAN

Majlis Persaraan Puan Hamidah Bin Abdul Hamid pada 10 Januari 2020

Majlis Perpisahan Pegawai Bertukar Keluar Tahun 2020

Pendakian Bukit Kepayang

Pendakian Bukit Melati

Program Plant A Tree Anjuran KESANS

Mesyuarat Agong Tahunan KESANS
Kali Ke-32

Program Kondughian
Anjuran KESANS

Ziarah Kematian Bapa
Mantan Warga JANN9

KELAB SUKAN KEBAJIKAN AUDIT KELANTAN

Hari Sukan Kelab KESKA

Sumbangan KESKA kepada Pegawai Bersara

KELAB SUKAN KEBAJIKAN AUDIT KEDAH

Menyampai Sumbangan untuk Mangsa Kebakaran di Alor Madi

PUSPANITA CAWANGAN KECIL JABATAN AUDIT NEGARA

PUSPANITA ditubuhkan bagi menggalakkan perkembangan pengetahuan, kemahiran serta kemajuan diri ahli-ahli Persatuan menerusi program kemajuan, ceramah, bengkel, seminar dan kursus. Di samping itu, PUSPANITA juga menganjurkan program amal kebajikan seperti memberi sumbangan dan derma kepada rumah anak yatim, rumah kebajikan, ahli-ahli bersara yang mengalami masalah kesihatan yang serius.

Senarai ahli Jawatankuasa PUSPANITA Cawangan Kecil Jabatan Audit Negara bagi sesi 2019/2020 adalah seperti berikut:

Penasihat	:	YBhg. Datuk Nik Azman Nik Abdul Majid
Pengerusi	:	YBrs. Puan Kartina @ Martina Zamhari
Timbalan Pengerusi I	:	YBrs. Puan Swaibatul Aslamiah Hj. Husain
Timbalan Pengerusi II	:	YBhg. Datuk Nor Salwani Hj. Muhammad
Setiausaha	:	YBrs. Dr. Alifah Aida Lope Abdul Rahman
Penolong Setiausaha	:	Puan Zurialinda Abdul Jabal
Bendahari	:	Puan Farizah Harman
Penolong Bendahari	:	Puan Shafinas Sazali
Biro Sosial	:	Puan Wan Halizam Wan Abdullah
	:	Puan Siti Robayah Mohammad
Biro Sukan	:	Cik Norasikin Hashim
	:	Puan Nurul Saliza Md Katan
Biro Ekonomi	:	Puan Suria Nauli Hasibuan Samsudin
	:	Puan Nadia Mohd Idris
Biro Agama dan Kebajikan	:	Puan Nor Aslina Mat Hassan
	:	Puan Nursalehah Mohd Ghazali
Biro Pendidikan dan Penerbitan	:	Puan Zarina Mat Sait
	:	Puan Neti Hartaty Armendany
Pemeriksa Kira-kira	:	Puan Norliza Md Nuruddin @ Nordin
Pemegang Amanah	:	Puan Farizah Harman

Sepanjang tahun 2020, aktiviti yang dianjurkan oleh PUSPANITA Cawangan Jabatan Audit Negara adalah seperti berikut:

MESYUARAT TAHUNAN PUSPANITA KE-30 DAN MAJLIS HI-TEA PADA 21 FEBRUARI 2020

Program Kelestarian

Leisure Trekking

Virtual Fun Run 2020





MESYUARAT AGUNG ASNA PADA 26 Februari 2020

ARTIKEL

CABARAN DAN STRATEGI PENGAUDITAN TERHADAP PEMBANGUNAN SISTEM MAKLUMAT

Tuan Hj. Khalid Khan Abdullah Khan
Timbalan Ketua Audit Negara (Prestasi)

(Diterbitkan kali pertama dalam Jurnal Pengauditan Sektor Awam Keluaran 2021)

PENGENALAN

Tanggungjawab juruaudit terhadap pengauditan projek pembangunan sistem maklumat Kerajaan, dinyatakan dalam Seksyen 6 Akta Audit 1957 sebagai mengaudit aktiviti Kementerian/ Jabatan untuk menentukan sama ada ia dilaksanakan degan cekap, berhemat dan berkesan bagi mencapai objektif yang ditetapkan.

Tanggungjawab juruaudit dalam projek pembangunan sistem yang berkos tinggi, seperti projek Integrated Government Financial Management Accounting System (iGFMAS) mendapat tumpuan banyak pihak. Tumpuan ini disebabkan kompleksiti projek seperti terpaksa berintegrasi dengan sistem lain, yang boleh mengundang pelbagai risiko salah urus dalam pembangunan sistem. Risiko salah urus ini ditambah pula dengan risiko semula jadi pengauditan seperti keperluan perakuan secara munasabah, pertimbangan yang subjektif dan pensampelan audit. Senario ini memerlukan tugas juruaudit untuk mengaudit secara *real time* iaitu di sepanjang pelaksanaan projek bagi membolehkan isu audit dapat diambil tindakan segera, kelemahan pengurusan projek diperbaiki segera serta tidak diulangi dalam fasa pembangunan seterusnya (Huibers, Tie, Bolhijit & Coleman, 2015).

Konsep penilaian risiko audit menekankan kepada pertimbangan dan keputusan juruaudit sewaktu menilai risiko yang dipengaruhi oleh faktor juruaudit, proses kerja audit dan auditi (Hurtt, Brown-Liburd, Early & Krishnamoorthy, 2013). Konsep ini sesuai diaplikasikan untuk menerangkan hubungan antara juruaudit dan proses kerja audit daripada perspektif tindakan juruaudit mempertimbangkan dan melaporkan hasil penemuan pengauditan projek pembangunan sistem. Dalam hal ini, penghasilan laporan audit mempunyai beberapa cabaran yang dihadapi serta strategi yang sesuai diambil oleh juruaudit untuk memperkasa kualiti pelaporan audit.

Artikel ini akan membincangkan permasalahan tanggungjawab juruaudit menilai risiko bagi memastikan projek pembangunan sistem maklumat Kerajaan dapat disiapkan mengikut tempoh dan kos yang ditetapkan. Perbincangan akan menyentuh perkara berkaitan pengauditan projek pembangunan sistem dan kompleksiti pengurusannya, disusuli dengan cabaran dan strategi penambahbaikan yang dikenal pasti. Penutup dan limitasi dikemukakan di bahagian akhir artikel ini. Artikel ini diharap memberi input dalam merangka garis panduan agar tanggungjawab juruaudit lebih jelas dan pelaporan audit lebih berkualiti.

PENGAUDITAN TERHADAP PEMBANGUNAN SISTEM MAKLUMAT

Jabatan Audit Negara telah melaporkan hasil pengauditan terhadap projek pembangunan sistem dalam ketiga-tiga siri Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) Tahun 2018. Siri 1 LKAN Tahun 2018 melaporkan tentang pengurusan pembangunan Sistem Cukai Barang dan Perkhidmatan (MyGST); Perkhidmatan 1BestariNet Fasa 2 dalam Siri 2 LKAN Tahun 2018; dan pengurusan pembangunan iGFMAS dalam Siri 3 LKAN Tahun 2018. Kos projek pembangunan sistem ini boleh dikategorikan besar dan mencecah ratusan juta ringgit.

Sesuatu projek pembangunan sistem seharusnya telah dikaji dengan terperinci oleh setiap Kementerian/Agensi Kerajaan. Setiap sistem yang dibangunkan seharusnya signifikan kepada keperluan Kerajaan dan rakyat. Umpamanya, Kerajaan memperuntukkan RM773.27 juta untuk pembangunan sistem iGFMAS. Ia bertujuan memenuhi keperluan pelaksanaan perakaunan akruan Kerajaan Persekutuan dan direka bentuk secara dual ledger iaitu tunai ubah suai dan akruan. Integriti data dan aspek keselamatan sistem merupakan harapan dan jangkaan utama di kalangan semua pihak. Pada masa sama, tidak dapat dinafikan setiap sistem yang dibangunkan adalah kompleks, khususnya apabila sistem yang dibangunkan perlu diintegrasikan dengan sistem lain.

Kompleksiti pengurusan dan saiz projek pembangunan sistem telah memberi kesan terhadap tatacara pelaksanaan kerja serta pertimbangan dan pembuatan keputusan audit. Tatacara kerja audit perlu lebih teliti dan pertimbangan dan keputusan audit yang dibuat hendaklah tepat memandangkan kompleksiti projek pembangunan sistem, boleh menjurus berlakunya risiko projek tidak dapat disiapkan mengikut jadual serta perubahan skop yang mengakibatkan peningkatan kos projek. Masalah kelewatan dan peningkatan kos adalah isu yang sering berbangkit dalam pengurusan projek awam (Unit Penyelarasan Pelaksanaan, 2015).

Pihak auditi pula perlu berusaha mengelakkan isu kecekapan pengurusan projek awam yang sering diketengahkan oleh Ketua Audit Negara (Jatarona, Yusof, Ismail & Saar, 2016). Daripada perbincangan ini, timbulnya persoalan apakah cabaran yang dihadapi juruaudit dalam pengauditan projek pembangunan sistem serta strategi untuk menambah baik cabaran tersebut?

CABARAN YANG DIHADAPI

Bahagian ini memperincikan cabaran yang dihadapi juruaudit ketika mengaudit projek pembangunan sistem. Pertama, diulas mengikut cabaran juruaudit untuk memperoleh pengetahuan teknikal pembangunan sistem yang mencukupi. Kedua, cabaran mengaplikasikan teknologi maklumat dalam proses kerja audit. Akhirnya, cabaran memastikan tindakan yang diambil oleh pihak untuk menyelesaikan isu audit yang dibangkitkan. Cabaran-cabaran ini sekiranya ditangani dengan baik, boleh meningkatkan kualiti kerja audit.

a) Pengetahuan Juruaudit

Pengetahuan berhubung aspek teknikal dalam pembangunan sistem di kalangan juruaudit amatlah terhad, ditambah pula skim perkhidmatan juruaudit bukan berlatarbelakangkan pengajian dalam bidang sistem teknologi maklumat. Pada masa sama, ilmu pengetahuan dalam pembangunan sistem yang cepat berubah, mengakibatkan beberapa aspek teknikal dalam pembangunan sistem tidak mampu diaudit dengan berkesan sekiranya kekurangan rujukan dan kepakaran. Situasi seperti ini sedikit sebanyak memberi kesan kepada pertimbangan dan pembuatan keputusan audit, akhirnya boleh menjejaskan pelaporan audit. Situasi ini dilihat membimbangkan apabila merujuk kepada LKAN, bilangan isu audit bagi isu teknikal pembangunan sistem maklumat adalah lebih banyak dan material, berbanding

dengan isu audit dalam pengurusan projek. Sehubungan itu, pendedahan dan latihan yang berterusan kepada juruaudit harus diberi perhatian sewajarnya oleh pengurusan.

b) Penggunaan Teknologi Dalam Proses Kerja Audit

Penggunaan teknologi maklumat dalam era digital memberi kesan besar kepada profesion juruaudit. Ujian pensampelan audit boleh mencecah 100% ujian mewakili keseluruhan populasi audit, serta ujian audit yang boleh dibuat secara *real time* adalah antara cabaran yang dijangka akan dihadapi oleh juruaudit. Senario seperti ini mendorong juruaudit untuk kurang terlibat secara langsung dalam kerja audit. Sebaliknya kerja audit akan banyak dilaksanakan secara inisiatif digital, seperti *artificial intelligence, blockchain* dan *cyber security*. Sehubungan itu, keupayaan kognitif juruaudit semakin dituntut ketika kerja audit banyak dilaksanakan secara inisiatif digital. Kemahiran berfikir secara kritis, keupayaan menyelesaikan masalah serta kebolehan menganalisis merupakan kompeten dan kemahiran asas untuk juruaudit pada masa hadapan.

c) Faktor Auditi (Pelanggan)

Setiap kelemahan yang dibangkitkan perlu diambil tindakan penyelesaiannya agar isu yang sama tidak berulang setiap kali pengauditan berkaitan sistem komputer kerajaan dilakukan. Kelemahan mengurus pembangunan sistem banyak kali dilaporkan dalam LKAN, antaranya kelemahan mengurus kewangan, pentadbiran kontrak serta pengurusan kawalan dalaman sistem. Dalam mengatasi kelemahan yang dibangkitkan, Kementerian/Jabatan Kerajaan patut menyediakan KPI yang jelas bagi mengukur pencapaian *outcome* sistem, setelah sistem siap dan digunakan sepenuhnya. Pengujian di peringkat pembangunan sistem juga patut dilaksanakan dengan teliti dan secara lebih menyeluruh bagi memastikan ketepatan laporan, serta kecekapan sistem berintegrasi dengan sistem luar.

STRATEGI PENAMBAHBAIKAN

Beberapa strategi yang boleh dipertimbangkan agar pengauditan projek pembangunan sistem menjadi lebih berkesan, antaranya:

a) menyediakan kursus atau program latihan kerja secara berterusan yang mampu meningkatkan kecekapan dan kemahiran juruaudit. Ia juga mendedahkan juruaudit dengan pengetahuan terkini dalam bidang teknikal pembangunan sistem;
b) memperkasa kualiti pelaporan audit melalui penetapan program dan kaedah audit memandangkan potensi risiko salah urus adalah tinggi khususnya terhadap pembangunan projek pembangunan sistem. Sistem yang dibangunkan adalah nadi kepada penyampaian perkhidmatan awam, seperti iGFMAS yang menelan kos pembangunan yang agak besar; dan
c) pengauditan secara *real time* iaitu pengauditan secara berterusan di sepanjang fasa projek pembangunan sistem sehingga projek siap, harus dipertimbangkan oleh Jabatan Audit Negara. Ianya penting bagi memenuhi jangkaan rakyat yang mengharapkan projek pembangunan sistem Kerajaan dapat mempunyai tahap integriti data yang tinggi dan kawalan keselamatan sistem yang terjamin.

KESIMPULAN DAN LIMITASI

Saiz dan kompleksiti projek pembangunan sistem telah menuntut juruaudit untuk melaksanakan pengauditan projek secara *real time* bagi mengesani salah urus di peringkat awal pembangunan sistem. Antara cabarannya ialah pengetahuan dalam bidang teknikal pembangunan sistem yang kompleks dan cepat berubah, memerlukan panduan audit sentiasa dikemas kini. Panduan audit yang tidak dikemas kini sedikit sebanyak boleh menjejaskan kualiti pelaporan audit, memandangkan isu teknikal berkaitan pembangunan sistem mewakili peratusan isu lebih banyak berbanding isu audit dalam pengurusan projek.

Artikel ini mempunyai limitasi, iaitu cabaran dan strategi yang diketengahkan mungkin berbeza sekiranya pengukuran bagi cabaran dan strategi dibuat dengan lebih objektif. Hasil dalam artikel ini juga mungkin berbeza sekiranya kaedah perbincangan kumpulan fokus dijalankan bagi mengetahui sejauh mana cabaran dan strategi tersebut mempengaruhi tanggungjawab juruaudit ketika pengauditan projek pembangunan sistem.

PENGAUDITAN PEMATUHAN DARIPADA PERSPEKTIF AKAUNTABILITI AWAM

Dato' Che Isa Che Kob
Timbalan Ketua Audit Negara (Kewangan)

(Diterbitkan kali pertama dalam Jurnal Pengauditan Sektor Awam Keluaran 2021)

PENGENALAN

Ketelusan, akauntabiliti dan tadbir urus yang baik merupakan prinsip asas dalam sektor awam. Undang-undang dan peraturan telah digubal bagi memastikan perkhidmatan dapat disampaikan dengan baik dan mencapai matlamat serta dalam masa yang sama kepentingan kerajaan dipelihara untuk memastikan ketelusan, akauntabiliti dan tadbir urus yang baik diamalkan dalam sektor awam.

Pelaksanaan pengauditan dalam sektor awam adalah penting bagi memastikan pengurusan wang awam diuruskan dengan baik mengikut peraturan ditetapkan. Dengan itu, pengauditan dapat memastikan tiada pelanggaran terhadap undang-undang, peraturan dan standard perakaunan. Dalam hal ini, Pengauditan Pematuhan yang dilaksanakan dapat memberi jaminan kepada pemegang taruh bahawa wang awam diurus secara cekap. Berdasarkan kepentingan ini, perlunya pelaksanaan audit pematuhan dalam sektor awam.

Perbincangan dalam kertas ini akan memberi fokus kepada aspek-aspek penting yang perlu diterapkan dalam Pengauditan Pematuhan. Perbincangan dalam kertas ini seterusnya akan meliputi aspek mandat, tujuan, elemen 3P1K (pembaziran, pemborosan, penyelewengan dan ketirisan) serta kesimpulan berkaitan keperluan Pengauditan Pematuhan.

MANDAT PENGAUDITAN PEMATUHAN

Pelaksanaan Pengauditan Pematuhan adalah berdasarkan Seksyen 6 Akta Audit 1957 yang menetapkan:

Ketua Audit Negara hendaklah dalam pengauditannya membuat apa-apa pemeriksaan yang difikirkannya perlu untuk menentukan:

- sama ada segala langkah berjaga-jaga yang munasabah telah diambil untuk melindungi pemungutan dan penjagaan wang awam atau wang lain yang tertakluk kepada pengauditannya;
- sama ada pengeluaran dan pembayaran wang yang tertakluk kepada pengauditannya telah dibuat mengikut kuasa yang sepatutnya dan pembayaran telah dipertanggungkan dengan sepatutnya dan adalah disokong dengan baucar atau bukti pembayaran yang cukup;

- sama ada perhatian yang sewajarnya telah diambil untuk memberikan penjelasan mengenai, dan untuk memastikan penggunaan, pengawalan, penyenggaraan dan pelupusan yang sepatutnya, segala simpanan awam atau simpanan lain yang tertakluk kepada pengauditannya;
- sama ada segala akaun dan rekod lain telah dan sedang disenggarakan dengan sepatutnya dan tepat; dan
- sama ada peruntukan Perlembagaan Persekutuandan Akta Tatacara Kewangan 1957, dan mana-mana undang-undang bertulis lain yang berhubungan dengan wang atau simpanan yang tertakluk kepada pengauditannya telah dipatuhi dari segala aspek.

TUJUAN PENGAUDITAN PEMATUHAN

ISSAI 400(12) menjelaskan Pengauditan Pematuhan adalah penilaian bebas mengenai sama ada sesuatu perkara itu mematuhi undang-undang yang ditetapkan oleh pihak Kerajaan. Audit pematuhan dijalankan dengan menilai sama ada aktiviti, transaksi kewangan dan maklumat yang diguna pakai adalah mematuhi semua peraturan yang telah ditetapkan. Objektif audit pematuhan sektor awam adalah untuk membolehkan JAN menilai sama ada aktiviti entiti sektor awam mengikut undang-undang yang ditetapkan oleh Kerajaan. Laporan Pengauditan Pematuhan melibatkan tahap pematuhan auditi terhadap kriteria yang ditetapkan. Sehubungan itu, Arahan Ketua Audit Negara Malaysia (Kewangan) Bilangan 1 Tahun 2019 dan Garis Panduan Pengauditan Pematuhan telah dikeluarkan bagi meningkatkan pengetahuan dan kompetensi juruaudit dalam melaksanakan Pengauditan Pematuhan dan menghasilkan Laporan Ketua Audit Negara yang berkualiti serta selaras dengan kehendak ISSAI.

Pengauditan Pematuhan menggalakkan ketelusan, akauntabiliti dan tadbir urus yang baik dengan melaporkan sama ada dana telah ditadbir dengan baik, pengurusan kewangan telah dilaksanakan mengikut undang-undang dan peraturan kewangan berkuat kuasa. Pengauditan yang dijalankan juga menggalakkan akauntabiliti dengan melaporkan penyelewengan dan pelanggaran terhadap segala peraturan dan undang-undang kewangan yang berkuat kuasa, supaya tindakan pembetulan dapat diambil dan pegawai perlu bertanggungjawab terhadap setiap tindakan mereka.

Pengauditan Pematuhan juga menilai keberkesanan tadbir urus Auditi terutamanya yang melibatkan peruntukan kewangan dari sumber dana awam dan kompetensi modal insan. Pengauditan Pematuhan memberi penekanan terhadap kawalan dalaman Pengurusan Kewangan Auditi. Penemuan Audit yang dilaporkan merangkumi sebab dan kesan ketidakpatuhan yang berlaku yang boleh menjurus kepada elemen 3P1K.

Oleh itu, jelas bahawa tujuan Pengauditan Pematuhan adalah untuk memastikan pengurusan kewangan di Kementerian/Jabatan/Agensi dilaksanakan secara teratur selaras dengan peraturan dan undang-undang bagi mengelakkan berlakunya elemen 3P1K. Selain itu, Pengauditan Pematuhan juga membolehkan tindakan segera diambil terhadap pihak terlibat dengan 3P1K yang dibangkitkan di LKAN. Sebagai contoh, hasil Kerajaan dapat dikutip dan diakaunkan dengan teratur dalam tempoh masa yang bersesuaian.

Mengenal Pasti Elemen 3P1K

Perkara penting yang ditekankan dalam melaksanakan Pengauditan Pematuhan adalah memahami entiti dan menilai risiko. Ia berdasarkan red flag yang wujud bagi mengenal pasti berlakunya kelemahan dalam pengurusan dana awam berdasarkan kepada elemen 3P1K di agensi yang akan diaudit.

a. **Pembaziran** - Apabila bekalan, kerja dan perkhidmatan yang diperoleh tidak digunakan langsung; hanya digunakan sebahagian sahaja; atau tidak digunakan secara optimum. Penilaian terhadap pelaksanaan program atau aktiviti adalah berdasarkan kepada keperluan sebenar dan tidak berlakunya perkara-perkara seperti bekalan/perkhidmatan/kerja yang digunakan melebihi keperluan dan tidak menepati objektif asal program atau aktiviti.
   - Antara dibangkitkan dalam LKAN Tahun 2019 adalah berkenaan pembaziran sejumlah RM91.98 juta bagi bayaran kepada Project Delivery Partner (PDP) dan Kontraktor Pakej Kerja (WPC) kerana 4 daripada 5 fasiliti tidak diteruskan pembangunan.

b. **Pemborosan** - Perbelanjaan atau penggunaan sumber yang melampaui tahap keperluan. Penilaian dilakukan terhadap perbelanjaan atau penggunaan sumber yang melampaui tahap keperluan.
   - Antara isu dibangkitkan dalam LKAN Tahun 2019 adalah berkaitan pembelian inventori pakaian seragam dan pakaian sukan tadika Islam berjumlah RM2.39 juta pada tahun 2013 hingga 2015 melebihi keperluan jumlah keseluruhan pakaian yang dibelikan menggunakan wang zakat telah/ akan dilupuskan berjumlah RM1.02 juta.

c. **Penyelewengan/ Penipuan/ Penyalahgunaan kuasa (fraud)** melibatkan Perbuatan menyimpang atau tidak menurut dari tujuan sebenar yang telah ditetapkan dalam peraturan dan Arahan/ Perintah yang telah ditetapkan. Ia juga boleh berlaku dengan menggunakan kuasa dengan cara yang bertentangan dengan undang-undang, serta menggunakan aset Kerajaan tidak seperti ditetapkan atau yang sepatutnya. Ia juga merupakan penilaian terhadap pelaksanaan sesuatu program/aktiviti sama ada mempunyai unsur-unsur penipuan, pakatan dan penyalahgunaan kuasa yang bermaksud untuk menyeleweng bagi kepentingan peribadi.
   - Antara isu dibangkitkan dalam LKAN Tahun 2019 adalah berkaitan kes kehilangan wang awam yang lewat dan belum diambil tindakan berjumlah RM3.58 juta melibatkan dua (2) kementerian.

d. **Ketirisan**
   Ketirisan adalah perkara yang timbul akibat kebocoran perbelanjaan/hasil Kerajaan dan faedahnya tidak dapat dimanfaatkan.
   - Isu ini dapat diperhatikan daripada LKAN Tahun 2019 berkaitan dengan kesan daripada persetujuan pelanjutan masa kedua penyerahan bangunan, Auditi terpaksa menanggung kerugian sejumlah RM2.06 juta.

Berdasarkan pemerhatian terhadap isu-isu dibangkitkan dalam LKAN, elemen 3P1K wujud disebabkan kelemahan tadbir urus dalam mengendalikan dana awam di sesebuah organisasi Kerajaan. Atas dasar tersebut,maka perbuatan tersebut adalah signifikan dan material untuk dibangkitkan di Laporan Ketua Audit Negara.

Juruaudit perlu menentukan pihak yang bertanggungjawab terhadap sesuatu isu ketidakpatuhan berdasarkan kepada elemen 3P1K yang wujud. Juruaudit perlu mengenal pasti pihak yang bertanggungjawab supaya tindakan pembetulan dapat diambil dan tindakan yang bersesuaian boleh dikenakan sekiranya didapati bersalah. Bagaimanapun, juruaudit perlu mengambil kira fakta dan maklum balas daripada pihak yang bertanggungjawab.

PENGUMPULAN BUKTI AUDIT

Sifat ingin tahu perlu wujud dalam diri seorang Juruaudit bagi mencari punca ketidakpatuhan dengan mengenal pasti sebab berlakunya kelemahan tersebut. Sifat ingin tahu akan mencetus minda seseorang untuk bertanya mengenai sesuatu perkara sehingga memperoleh jawapannya. Sifat ingin tahu dikategorikan sebagai sebahagian ciri yang membentuk personaliti atau keperibadian diri seseorang. Antaranya, minda tertanya-tanya adalah ciri asas yang perlu dimiliki individu yang terlibat dengan tugas membuat pertimbangan dan keputusan seperti profesion juruaudit. Individu yang suka membangkitkan persoalan menunjukkan bahawa minda mereka sentiasa berfikir untuk membentuk soalan seterusnya. Keinginan sifat ingin tahu juruaudit seumpama menyelami lirik lagu “Bangau Oh Bangau”. Terdapat falsafah dan pemikiran yang terkandung di sebalik lirik yang penuh dengan sindiran dan maksud mendalam yang ditujukan kepada masyarakat.

ISSAI 400 (57) menjelaskan juruaudit perlu mendapatkan bukti audit yang sesuai dan mencukupi untuk membolehkan kesimpulan yang munasabah dibuat sebelum pendapat audit dikeluarkan.

Pengauditan juga dilaksanakan secara watertight. Dalam soal ini, pengauditan yang watertight melihat semua aspek secara terperinci dan memastikan semua penemuan audit disokong oleh bukti audit yang kukuh. Pengauditan yang dilaksanakan secara watertight dapat membolehkan Pasukan Audit mempertahankan penemuan audit yang dibangkitkan di dalam LKAN dan secara tidak langsung dapat merealisasikan LKAN yang ringkas, padat serta berinformasi. Selain itu, syor Audit turut dikemukakan supaya kelemahan sana tidak berulang.

Bukti audit perlu diperolehi secara deep dive dengan bertanyakan soalan secara berulang kali dengan pelbagai pihak sehingga memperolehi bukti yang mencukupi. Untuk melaksanakan kerja audit, juruaudit perlu mempunyai pengetahuan asas berhubung dengan ilmu yang berkaitan dengan perakaunan di samping pengetahuan berkaitan seperti ekonomi, organisasi dan industri. Namun, pembuktian audit merupakan proses yang dinamik melibatkan maklumat semasa yang sentiasa berubah-ubah. Oleh itu, juruaudit perlu mengetahui kemungkinan pengaruh persekitaran yang sentiasa berubah-ubah dan mempengaruhi kesahihah dan kebenaran bukti yang ditemui.

KESIMPULAN

Berdasarkan perbincangan, dapat disimpulkan pelaksanaan Pengauditan Pematuhan membantu memantau sama ada peraturan dan undang-undang di entiti sektor awam dipatuhi dalam operasi harian. Hasil pengauditan yang dilaporkan oleh Jabatan Audit Negara yang boleh diakses oleh orang awam dapat menyokong akauntabiliti dan ketelusan sektor awam.

Justeru itu, juruaudit perlu memberikan syor yang tepat agar isu yang sama tidak berulang. Syor yang paling berkesan adalah apabila dinyatakan dengan jelas apa yang perlu dilakukan bila dan oleh siapa. Implikasi kewangan perlu diambil kira dalam menentukan syor yang sesuai. Jika ketidakpatuhan adalah material, juruaudit digalakkan untuk memberi cadangan tindakan pembetulan agar isu yang dibangkitkan dapat diselesaikan dan tidak berulang. Bagaimanapun, juruaudit perlu berhati-hati supaya tidak memberikan syor yang terperinci sehingga mengambil peranan pihak pengurusan dan seterusnya menjejaskan objektif audit.

ISU-ISU GOVERNANS DALAM PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN DARIPADA PERSPEKTIF AUDIT

Datuk Johari Ismail
Timbalan Ketua Audit Negara (Syarikat)

(Diterbitkan kali pertama dalam Jurnal Pengauditan Sektor Awam Keluaran 2021)

PENGENALAN

Isu governans sering dilaporkan dalam Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) pada setiap tahun. Isu governans tersebut sama ada boleh diselesaikan segera atau mengambil masa lama untuk diselesaikan, contohnya apabila melibatkan perundangan dan hak milik tanah. Isu governans berkaitan pengurusan Syarikat Kerajaan kebanyakannya sama pada setiap tahun, seolah-olah memberi gambaran bahawa tiada jalan penyelesaiannya (Jamaliah & Nur Hidayah, 2014). Contoh isu governans yang sering dibangkitkan ialah Lembaga Pengarah yang tidak diwakili oleh pakar dalam bidang utama syarikat, Jawatankuasa Audit tidak ditubuhkan serta Standard Operating Procedures (SOP) yang tidak dipatuhi.

Aliran peningkatan isu governans serta isunya yang semakin kompleks hingga mengambil masa lama untuk diselesaikan, dilihat memberi kesan negatif kepada syarikat dan masyarakat. Syarikat gagal diurus dengan baik sehingga Kerajaan memutuskan sesetengah operasinya terpaksa digabung. Masyarakat menjangkakan syarikat diurus secara konsisten dan daya saingnya dipertingkatkan dalam pasaran global (Nik Herda & Jamaliah, 2015). Namun, diperhatikan syarikat tidak dapat menawarkan kemudahan yang sepatutnya, serta memberi imej buruk daripada persepsi masyarakat.

Analisis terhadap isu governans dalam LKAN telah dijalankan untuk melihat sejauh mana ketidakpatuhan elemen governans mempengaruhi pihak pengurusan mengurus sesebuah syarikat Kerajaan. Keputusan analisis diharap dapat memberi input kepada pihak berkuasa dalam merangka dasar atau panduan supaya lebih jelas agar kelemahan governans yang sering dibangkitkan dalam LKAN tidak terus berulang.

Bahagian seterusnya artikel ini akan membincangkan peranan Ketua Audit Negara, tadbir urus korporat, kaedah, hasil analisis serta disusuli dengan implikasi audit dan cadangan penyelesaiannya. Kesimpulan mengenainya pula dikemukakan di bahagian akhir artikel ini.

PERANAN KETUA AUDIT NEGARA

Ketua Audit Negara menjalankan peranan dan tanggungjawab pengauditan berasaskan Perkara 106 dan 107 Perlembagaan Persekutuan serta peruntukan dalam Akta Audit 1957. Akta Audit 1957 menetapkan bidang kuasa, skop dan jenis pengauditan yang perlu dijalankan dengan tujuan untuk menentukan sama ada wujudnya akauntabiliti dan ketelusan dalam pengurusan dan penggunaan wang awam.

Seksyen 5(1)(d) Akta Audit 1957 memperuntukkan kuasa kepada Ketua Audit Negara untuk mengaudit sesebuah syarikat yang berdaftar di bawah Akta Syarikat 1965 yang mana menerima pemberian atau pinjaman daripada Persekutuan atau negeri dan sesebuah syarikat yang berdaftar di bawah Akta Syarikat 1965 yang mana lebih daripada separuh modal syer berbayarnya dipegang oleh Persekutuan, sesuatu negeri atau sesuatu pihak berkuasa awam atau modal syer berbayarnya dipegang pada agregatnya oleh dua atau lebih. Bagi tujuan pengauditan oleh Ketua Audit Negara, syarikat-syarikat yang memenuhi syarat-syarat ini selanjutnya perlu ditentukan sedemikian oleh Yang di-Pertuan Agong melalui perintah di bawah Perkara 106(2) Perlembagaan Persekutuan.

Warta Kerajaan bertarikh 30 September 2017 mengenai Perintah Audit (Akaun Syarikat) 2017 memberi mandat kepada Ketua Audit Negara untuk menjalankan pengauditan terhadap 1,858 syarikat. Syarikat yang terlibat adalah yang mendapat geran/pemberian/pinjaman daripada Kerajaan.

TADBIR URUS KORPORAT

Pelan Antirasuah Nasional 2019 - 2023 menetapkan Strategi 6 dalam bidang tadbir urus korporat adalah memupuk tadbir urus korporat yang baik dalam entiti korporat. Objektif strategik 6.1 pula untuk memastikan pengamalan ketelusan oleh pihak yang mengawal entiti korporat. Keperluan mengaudit syarikat yang menerima geran/pemberian/pinjaman/jaminan daripada Kerajaan adalah selari dengan Inisiatif 6.1.1 dan 6.1.2 dalam NACP iaitu memastikan wujudnya integriti dan ketelusan dalam pemilihan pengurusan tertinggi dalam Badan berkanun, Syarikat Milik Kerajaan (SOE) dan syarikat berhad menurut jaminan (CLBG) serta untuk menilai prestasi penggunaan dana Kerajaan secara cekap, berkesan dan berhemat.

Tadbir urus korporat yang baik dapat membantu syarikat mempertingkatkan kecekapan dalam mencapai objektifnya serta membolehkan syarikat diurus dengan lebih sempurna, telus dan bertanggungjawab. Syarikat kerajaan perlu mematuhi undang-undang dan peraturan yang ditetapkan antaranya Akta Syarikat 2016, Perlembagaan Syarikat dan Guidelines on Company Limited by Guarantee (bagi syarikat CLBG).

Selain itu, antara rujukan amalan terbaik tadbir urus korporat yang boleh diguna pakai oleh syarikat ialah Malaysian Code on Corporate Governance (MCCG) 2017, The Green Book – Enhancing Board Effectiveness (Green Book) April 2006, Garis Panduan Ahli Lembaga Pengarah Lantikan Menteri Kewangan (Diperbadankan) Disember 2014 (MKD Handbook); dan panduan tadbir urus daripada Chartered Institute of Internal Auditor.

PERSOALAN KAJIAN

Daripada perbincangan sebelumnya, persoalan kajian ialah sejauh mana ketidakpatuhan elemen governans boleh mempengaruhi pihak pengurusan dalam mengurus atau mentadbir sesebuah syarikat Kerajaan. Persoalan ini dilihat signifikan apabila penemuan audit berhubung isu governans dalam pengurusan Syarikat Kerajaan sering

dibangkitkan dalam LKAN. LKAN mengetengahkan bahawa isu governans yang berlaku boleh mengakibatkan syarikat tidak dapat dirancang dan diurus dengan cekap bagi mencapai objektif yang ditetapkan.

KAEDAH ANALISIS

Kaedah yang dilakukan adalah secara analisis terhadap isu governans dalam LKAN bagi tahun 2004 hingga 2019 iaitu dengan menganalisis kelemahan dalam setiap elemen governans yang dikaji. Elemen governans ini dianalisis kerana ia sering dibangkitkan dalam LKAN, dan isu governans yang biasa ditemui dalam penyelidikan berkaitan pengurusan syarikat. Maklumat yang diperoleh akan dikaji berdasarkan kepada kekerapan faktor yang sama berulang. Faktor yang mendapat kekerapan tertinggi merupakan faktor utama yang menyumbang ke arah kelemahan mengurus sesebuah Syarikat Kerajaan.

PERBINCANGAN DAN HASIL ANALISIS

Bahagian ini memperincikan perbincangan berkaitan dengan profil syarikat dan analisis kelemahan isu tadbir urus sesebuah syarikat.

Profil Syarikat

Bilangan syarikat yang telah diaudit sejak tahun 2004 hingga 2019 adalah sebanyak 483 syarikat yang terdiri daripada 455 syarikat berhad menurut syer dan 28 CLBG. Statistik pengauditan pengurusan syarikat kerajaan yang telah dilaporkan dalam Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) sejak tahun 2004 hingga tahun 2019 adalah seperti di Jadual berikut:

Bilangan Syarikat Yang Diaudit

LKAN Tahun	Kerajaan Persekutuan	Badan Berkanun Persekutuan	Peringkat Negeri
2004-2013	56	99	230
2014	7	13	30
2015	6	11	21
2016	6	9	24
2017	12	1	28
2018	6	7	28
2019*	7	2	10
Jumlah	**100**	**142**	**371**

Nota: (*) – LKAN 2019 Siri 1

Isu-Isu Berkaitan Governans Yang Dilaporkan Dalam LKAN

Pengauditan pengurusan sesebuah syarikat kerajaan antaranya menilai sembilan (9) elemen amalan terbaik tadbir urus korporat sesebuah syarikat kerajaan seperti berikut:

i. Pengerusi;
ii. Lembaga Pengarah;
iii. Ketua Pegawai Eksekutif;
iv. Jawatankuasa Audit;
v. Setiausaha Syarikat;
vi. Pelan Strategik dan Petunjuk Prestasi Utama (KPI);
vii. Standard Operating Procedures (SOP);
viii. Audit Dalam; dan
ix. Jawatankuasa Pencalonan dan Jawatankuasa Imbuhan.

Antara isu-isu berkaitan tadbir urus korporat yang sering dibangkitkan dalam Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) adalah seperti di Jadual berikut:

Isu-Isu Berkaitan Governans Dalam LKAN

Elemen Tadbir Urus Korporat	Isu Audit
Pengerusi	• Pengerusi merupakan Pengerusi Jawatankuasa lain di peringkat Lembaga Pengarah seperti Jawatankuasa Tender, Jawatankuasa Pencalonan dan Jawatankuasa Imbuhan. • Pengerusi baharu tidak dilantik dalam tempoh yang lama selepas pengerusi tamat perkhidmatan. • Tugas dan tanggungjawab Pengerusi tidak dinyatakan dengan jelas.
Lembaga Pengarah	• Lembaga Pengarah tidak diwakili oleh pakar bidang aktiviti utama syarikat. • Lembaga Pengarah mempunyai hubungan kekeluargaan dengan pemilik syarikat yang memenangi sebut harga/pembiayaan. • Piagam Lembaga Pengarah, kod tatalaku dan etika Lembaga Pengarah tidak diwujudkan. • Komposisi Lembaga Pengarah tidak mencapai 50% berstatus bebas. • Tiada pemantauan Lembaga Pengarah terhadap aktiviti utama syarikat. • Ahli Lembaga Pengarah (wakil kerajaan) tidak menghadiri mesyuarat dan tiada tindakan diambil oleh setiausaha syarikat dan tidak dimaklumkan kepada Menteri Kewangan (Diperbadankan) [MKD]/ kementerian berkaitan. • Ahli Lembaga Pengarah berada dalam komposisi Lembaga Pengarah melebihi tempoh 9 tahun (bagi syarikat di bawah MKD, maksimum 6 tahun).
Ketua Pegawai Eksekutif	• Pelantikan baharu tidak dibuat dalam tempoh yang lama selepas kekosongan jawatan tersebut. • Pelantikan Ketua Pegawai Eksekutif tidak mempunyai pengalaman dan kepakaran dalam bidang perniagaan syarikat.

Elemen Tadbir Urus Korporat	Isu Audit
